

"DI SAMPING menumpukan usaha-usaha biasa ke arah keamanan, kita juga janganlah lupa amalan-amalan beragama, kerana dari sinilah kita akan mendapat rahmat serta pertolongan Allah dan sesungguhnya pertolongan seumpamanya itu tidaklah boleh didapati melainkan hanya semata-mata daripada-Nya." - Titah sempena Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Kebangsaan Tahun 1424 Hijrah/2003 Masihi.



"MAHA Suci Allah yang menjalankan hamba-Nya (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) pada malam hari dari Masjidilqsa yang Kami berkati sekeliingnya, untuk memperlihatkan kepadanya kekuasaan dan kebesaran Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, Lagi Maha Mengetahui." - Firmah Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra' ayat 1.

Gelombang kemajuan punca 'penyakit nilai'

Awas!
surat palsu
kenaikan gaji

Oleh : Haji Timbang Bakar
timbang.bakar@information.gov.bn

PEKAN TUTONG, Isnin, 21 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, gelombang kemajuan yang tidak menentu telah menggugat nilai budaya, nilai amal salih dan nilai moral yang mencetuskan 'penyakit nilai'.

Soal kemerosotan nilai yang membimbangkan itu baginda titahkan di Majlis Sambutan Israk dan Mikraj di Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong pagi ini.

Titah baginda, dunia dan manusia memang diakui maju yang lazimnya kemajuan itu disukat berasaskan ciptaan-ciptaan, semakin canggih ciptaan, maka bertambah pula dianggap maju.

Dalam titah tersebut baginda juga menekankan, semakin manusia bertam-

bah maju, bertambah merosot pula nilai budi. Nyawa dan harta benda yang biasanya amat dipelihara dan dihargai sekarang seperti tidak berharga lagi.

Contoh yang baginda berikan mengenai perkara ini amat jelas, iaitu peperangan era baru di mana siapa yang kuat akan sesuka hati boleh saja menggugurkan bom dan peluru berpandu ke sasaran-sasaran haram yang tidak sepatutnya disasari, seperti rumah-rumah dan bangunan-bangunan penempatan awam, pasar-pasar, lapangan-lapangan terbang, jambatan-jambatan, lebuh raya hatta ladang-ladang tempat orang mencari makan.

"Ini semua, tidakkah ianya gara-gara kemajuan hebat di bidang persenjataan? Kemajuan jenis ini nampak-nampaknya sedang memangsakan tamadun dan manusia sendiri," titah baginda.

Justeru itu, baginda menyeru umat Islam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan hadiah kepada wakil pemenang salah sebuah masjid yang memenangi Anugerah Takmir Masjid bagi Kategori Imarah sempena Sambutan Israk dan Mikraj yang diadakan di Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

supaya melihat situasi ini dengan 'mata hati' bukan hanya dengan cara mengikut.

Kita perlu bercermin kepada agama kita yang suci. Kerana agama ini

telah pun menyediakan panduan yang cukup sempurna.

Kita wajib simpati kepada orang sakit

PEKAN TUTONG, Isnin, 21 Ogos. - Kita yang tidak sakit wajib bersimpati kepada orang yang sakit dan dizalimi sama ada sesama Islam atau bukan Islam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda mengajak kita yang tidak sakit ini wajiblah bersimpati kepada orang yang sakit. Kita yang terlepas daripada ke-

zaliman perlulah bersimpati dan malah menolong orang-orang yang dilanda kezaliman.

Ajakan baginda yang sangat murni ini terkandung dalam titah baginda di Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bertempat di Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong pagi ini.

Sehubungan itu baginda menjelaskan, "Sebab itulah, beta telah turut menayakan kepada Ahli-ahli

Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), bahawa negara kita insya-Allah, bersedia untuk menghulurkan sebarang bantuan bagi menghentikan peperangan di Lubnan."

Jelas baginda lagi, tanda simpati itu juga termasuk kepada umat Islam di mana saja yang sedang dilanda musibah apa pun bentuk dan jenis musibahnya.

Sehubungan itu, baru-baru ini baginda telah menantikan supaya diadakan

Sembahyang Hajat dan bacaan Qunut Nazilah pada hari Jumaat.

Baginda menjelaskan, apabila kita melakukan Sembahyang Hajat dan Qunut Nazilah, faedahnya adalah juga untuk diri kita sendiri. Kerana apabila kita mendoakan keselamatan bagi orang lain, maka para malaikat pula akan mendoakan kita supaya kita juga diberikan perkara yang sama.

Menurut baginda lagi, ajaran yang dibawa oleh peristiwa Israk dan Mikraj

adalah cukup untuk membuat kita kaya dengan petunjuk-petunjuk ketuhanan yang kita perlukan sambil menekankan, semangat keagamaan yang semakin menipis adalah perlu disiram dengan ajaran-ajaran Israk dan Mikraj.

Oleh itu baginda menyeru, supaya kita bukan saja membaca dan mengulang kisah-kisah Israk dan Mikraj itu pada setiap tahun, tetapi lebih mustahak lagi ialah mengambilnya sebagai garis panduan untuk dipakai.

ANTARA YANG MENARIK

- Hasrat Negara: Peperangan mesti dihentikan - Muka 2
- Majlis Kesyukuran diraikan penuh kemesraan dan keceriaan - Muka 4 & 5
- BSB - Bandar raya maju 2010 - Muka 6 & 7
- Berangkat mengungherahkan lot-lot rumah, anak-anak kunci STKRJ dan geran tanah TOL - Muka 8 & 9
- Berangkat ke Majlis Persantapan Malam yang disempakan oleh HSBC - Muka 12
- Berangkat ke Majlis Santap Ulang Tahun Hari Keputeraan - Muka 13

TAHUKAH AWDA

"PENUBUHAN Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI) diperkenalkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui pengkataan Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi 2001.

Pada Mei 2001, 3 perintah telah ditawarkan bertujuan untuk Pengkorporan Jabatan Telekom Brunei (JTB). Perintah-perintah tersebut adalah: 1. Perintah Syarikat Pengganti Telekomunikasi 2001. 2. Perintah Telekomunikasi 2001. 3. Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi 2001.

Perintah-perintah ini dikuatkuasakan pada 1 April 2003, tarikh pengkorporan JTB. Misi AITI antara lain untuk memastikan perkhidmatan ICT di negara ini diberikan kepada orang ramai dengan cara yang mudah dan munasabah. Manakala visinya berkhidmat untuk menyediakan negara dengan industri ICT yang dinamik, inovatif yang peka dengan keperluan negara dan aliran dan cabaran teknologi infokomunikasi masa kini. - Sumber dari Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi 2001.

HASRAT NEGARA



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Mesyuarat Negara Rakan Kepada Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Ke-10 di Hotel Mirriot Putrajaya, Kuala Lumpur, Malaysia pada 3 Ogos 2006.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Norpisah Mohamed Salleh
norpisah.salleh@information.gov.bn

Dari muka 1

Teks penuh siaran akhbar JPM itu adalah seperti berikut:

JPM dengan ini memaklumkan bahawa satu surat yang menggunakan tajuk 'Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 13/2006 Brunei Darussalam Pengurniaan Kenaikan Mata Gaji Khas (Accelerated Increment Mulai 15 Julai 2006)' yang mengandungi perkiraan mata gaji adalah palsu dan tidak boleh digunakan sebagai panduan di dalam perkiraan kenaikan mata gaji.

Berikutan dengan pengedaran Surat Keliling palsu ini di mana

Dihadapkan ke Mahkamah Majistret

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Ogos. - Seorang lelaki penduduk tetap Negara Brunei Darussalam pekerja sebuah syarikat kontraktor swasta di Kuala Belait, Wong Kai Fen, telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 6 (b) Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131).

Dalam pertuduhan pertama, Wong Kai Fen didakwa bahawa pada 27 Ogos 2005 di Kampong Tamoi Ujong telah dengan secara tidak jujur memberi wang suapan berjumlah BND\$1,000.00 (satu ribu ringgit) kepada seorang Pegawai Tanah Kanan di Jabatan Tanah Kuala Belait dan dalam pertuduhan kedua pula, Wong Kai Fen telah didakwa bahawa pada 29 Oktober 2005 telah dengan secara tidak jujur memberi wang suapan berjumlah BND\$1,000.00 (satu ribu ringgit) kepada seorang Pegawai Tanah Kanan di Jabatan Tanah Kuala Belait.

Wang-wang suapan tersebut merupakan sebagai dorongan untuk

tanggagaji yang disediakan tersebut memberi kenaikan mata gaji yang lebih tinggi daripada sepatutnya diberikan telah menimbulkan kemarahan di kalangan setengah pihak apabila mereka membandingkannya dengan apa yang sepatutnya akan dibayar oleh pihak Jabatan Perbendaharaan.

Dengan itu, JPM sekali lagi menekankan bahawa perkiraan sebenar kenaikan mata gaji adalah seperti yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan yang mana ianya telah diedarkan melalui Unit Gaji, Jabatan Perbendaharaan kepada pegawai dan kakitangan yang mengawal pembayaran gaji bagi setiap kementerian dan jabatan.

tidak mengambil tindakan ke atas syarikat kontraktor itu kerana syarikat tersebut tanpa kebenaran menduduki dan memajukan sebidang tanah kerajaan yang bersebelahan dengan sebidang tanah tumpang sementara yang terletak di Jalan Kuala Balai di Kuala Belait yang mana perbuatan ini juga menyalahi Seksyen 32 Kod Tanah.

Selain itu, wang suapan tersebut juga merupakan dorongan supaya meluluskan permohonan syarikat itu untuk empat ekar tanah tumpang sementara yang bersebelahan dengan sebidang tanah tumpang sementara di Jalan Kuala Balai di Kuala Belait.

Semasa dihadapkan di mahkamah, tiada pengakuan diambil dan Mahkamah Majistret telah membenarkan tertuduh untuk dibebaskan dengan syarat jaminan sebanyak BND\$5,000.00 (lima ribu ringgit) atau dua orang penjamin tempatan. Kes ini akan didengar lagi pada 22 Ogos 2006.

PEPERANGAN MESTI DIHENTIKAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULIL-LAHI Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Ini adalah masa yang amat dukacita dan kita harus membuat keputusan secepatnya apa yang kita semua boleh lakukan sebagai bantuan. Dari itu, berbanyak-banyak terima kasih kerana menghimpunkan kamu bersama-sama.

Apa yang kita semua saksikan dari kaca televisyen adalah amat dahsyat sekali. Semua rakyat Brunei amat terkejut dan kami sebenarnya amat bersedih hati kepada rakyat Lubnan. Apa yang amat menyentuhkan kami ialah pembunuhan kanak-kanak. Kita boleh

membangun semua infrastruktur tetapi tiada yang dapat dilakukan mengenai kehilangan jiwa yang masih muda.

Kita pada kebiasaannya mendapatkan bantuan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk melakukan sesuatu mengenai. Tetapi tidak banyak yang dapat dilakukan oleh Majlis Keselamatan selain perbincangan. Rakyat seluruh dunia berkata 'perang ini mesti dihentikan sekarang juga'. Dan Majlis Keselamatan nampaknya tidak mengendahnya. Dari itu, Tuan Pengerusi, terima kasih kerana membawa kami ke sini untuk kedua-dua mencuba dan membuat suara kami didengari serta membuktikan kepada rakyat kita bahawa OIC akan melakukan lebih dari hanya perbincangan.

Kita mesti mempunyai sesuatu yang positif untuk ditawarkan. Oleh itu, Brunei sesungguhnya akan melakukan apa sahaja yang mampu untuk membantu. Jika sekiranya mereka memerlukan bantuan kemanusiaan, kami akan pastikan

apa yang boleh kami berikan. Jika mereka memerlukan aktiviti kedamaian kami bersedia menyertai. Dan, kami juga akan bekerja secara langsung dengan Kerajaan Lubnan untuk memastikan bantuan segera yang boleh diberikan secara dua hala.

Beta rasa perkataan, 'segera' adalah penting, Pengerusi. Seperti yang telah katakana, ini bukan masanya untuk perbincangan dan strategi. Ini juga bukan 'jendela kesempatan' (window of opportunity). Kita semua boleh memperkatakan kemudiannya. Inilah masanya untuk menyatakan dua perkara secara jelas. Pertama, mesti ada penberhentian segera terhadap apa yang sedang berlaku di Lubnan. Dan, kedua, bilanya tamat, OIC bersedi bertindak segera dengan sokongan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Wabillahit Taufiq Waidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kebawah DYMM berkenan hantar utusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Presiden Dr. Haji Susilo Bambang Yudhoyono, Presiden Republik Indonesia bersempena dengan ulang tahun Hari Kemerdekaan Republik Indonesia Ke-61.

Dalam perutusan itu baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Indonesia. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu baginda menyampaikan salam sejahtera kepada Tuan Yang Terutama Presiden Dr. Haji Susilo Bambang Yudhoyono serta seluruh rakyat Republik Indonesia dengan iringan doa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa mengurniakan rahmat-Nya agar Tuan Yang Terutama akan sentiasa berada dalam keadaan sihat wal'afiat dan bagi rakyat Republik Indonesia menikmati

kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan yang berkekalan.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Nur Hassan Wirajuda sempena Hari Kemerdekaan negara tersebut.

Dalam perutusan itu DYTM bersabda, merakamkan ucapan selamat dan tahniah kepada TYT dan kerajaan serta rakyat Republik Indonesia.

DYTM menghargai pelbagai peluang kerjasama yang ada antara kedua-dua belah pihak di tahun kebelakangan ini baik secara dua hala mahupun di mesyuarat-mesyuarat serantau dan antarabangsa.

DYTM juga melahirkan rasa gembira dapat berjumpa TYT semasa lawatan Presiden Yudhoyono ke Negara Brunei Darussalam dan percaya ia dapat meningkatkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua buah negara.

DYTM juga berharap untuk dapat mengeratkan kerjasama dengan TYT demi memperkukuhkan lagi hubungan sebagai jiran terdekat dan rakan kongsi serantau.



23 OGOS 2006 BERSAMAAN 1427 رجب 29

MEMBANGUN TAMADUN UMAT ISLAM

PERISTIWA Israk dan Mikraj yang telah berlaku lebih 1,000 tahun dahulu tetap kaya dengan pelbagai pengajaran dan teladan. Sungguhpun dunia kini menjadi maju dan canggih, namun pengajaran peristiwa agung itu tetap relevan hingga masa kini. Tidak syak lagi peristiwa ini tidaklah patut luput daripada ingatan kita umat Islam biarpun di mana dan bila-bila sahaja, selama kita masih hidup.

Melalui peristiwa agung itu menjadikan kita terinspirasi dan mendapat pedoman yang terbaik dari segala pedoman. Sebab pedoman di sini ialah pedoman Allah bukan yang digubal oleh siapa-siapa saja.

Ajaran-ajaran yang dibawa oleh peristiwa Israk dan Mikraj adalah cukup untuk membuat kita kaya dengan petunjuk-petunjuk ketuhanan yang kita perlukan.

Namun apa yang terjadi, realitinya, umat Islam seakan-akan tidak banyak mengambil iktibar daripada peristiwa itu. Akibatnya umat Islam menghadapi pelbagai penyakit nilai yang sekali gus mengugat nilai budaya, nilai akhlak, nilai amal salih dan sebagainya. Mereka kadang-kadang mengeneipkan semangat keagamaan yang sebenarnya.

Mereka lari dari ajaran Islam yang maha suci. Mereka menyimpang dan terjerumus ke lembah pelbagai penyakit. Lebih malang, umat Islam diperlekehkan oleh musuh-musuh Islam. Malah ada yang sanggup untuk diperalatkan dan menjadi tali barut kepada musuh-musuh Islam.

Sedangkan umat Islam sebenarnya cukup ramai untuk menghadapi musuh-musuh mereka. Tetapi apa yang mendukacitakan, dalam ramai bilangan itu, mereka masih juga suka bergaduh dan bersengketa sesama sendiri.

Demikian halnya mereka juga cukup kaya raya tetapi dalam kaya raya itu, setengahnya masih saja suka memboros dan sebaliknya lambat untuk menghulurkan bantuan kepada saudara-saudara seagama yang sedang menderita.

Ini ditambah pula dengan sifat negatif serta akidah yang longgar yang menjadikan mereka bertambah lemah dan tidak bermaya. Berbanding dengan umat Islam yang terdahulu yang kaya dan kuat dengan iman, akhlak dan moral terpuji sehinggalah menjadikan mereka lebih digeruni serta dihormati.

Untuk itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah di Majlis Sambutan Israk dan Mikraj baru-baru ini menekankan perlunya jiwa dan semangat keagamaan yang semakin menipis disiram dengan ajaran-ajaran Israk dan Mikraj.

"Jika kita bersedia untuk menerima dan menghayati ajaran-ajaran itu, insya-Allah, kebangunan umat Islam serta tamadunnya akan dapat diharapkan," titah baginda.

Dalam konteks yang lebih jauh, kita bukan sahaja patut membaca dan mengulang kisah-kisah Israk dan Mikraj itu pada setiap tahun tetapi lebih mustahak lagi ialah mengambalnya sebagai garis panduan untuk diguna pakai dalam kehidupan seharian.

Ajaran-ajaran tentang sembahyang, zakat, keruburan seks haram dan lain jika dipatuhi dengan rasa keinsafan dan kesedaran sudah pasti akan mendatangkan keselamatan serta kekuatan semula umat Islam. Tetapi sebaliknya, jika kita ingkar dan membelakangi, bala dan kehancuran pastinya akan menunggu.

Maka dalam persimpangan itu, elok rasanya serta sesuai dengan suasana kita merayakan sambutan Israk dan Mikraj, agar kita terus membekali dan menyiram semangat keagamaan yang sebenarnya melalui pengajaran peristiwa bersejarah itu.

Kita berharap agar umat Islam akan menjadikan teladan-teladan Israk dan Mikraj yang didengar menguatkan keimanan serta akidah. Kita tidak mahu seperti kata pepatah Melayu 'masuk telinga kanan keluar telinga kiri' dan bermusim di mana semboyannya akan kuat apabila ada sambutan, tapi lambat-laun hilang begitu saja.

Apa yang kita mahukan agar pengajaran yang berharga itu raket di hati dan melekat di sanubari kita. Ini penting, malah amat mustahak dalam membangun tamadun umat Islam masa kini agar terus digeruni, digalati dan dihormati, bukannya terus-menerus mundur, diperbodohkan dan diperkecil-kecilkan.

Guru berkualiti perlu kekal mengajar di sekolah 'Mereka aset berguna kepada sekolah dan kecemerlangan pelajar'

ANALISIS

Oleh: Sahari Akim
sahari.akim@information.gov.bn

GURU seperti individu biasa yang lain dalam apa jua profesion mempunyai kelebihan masing-masing. Ada guru yang 'berkaliber' atau lebih berkeupayaan dalam seni pengajaran dan pembelajaran. Tingkat kelebihan ini dipengaruhi oleh pelbagai aspek seperti minat, sikap, disiplin, pengetahuan, pengalaman, kemahiran, usaha, kreativiti dan seumpamanya.

Seorang guru yang berkebolehan menjadi aset penting kepada sekolah terutama bagi pencapaian kecemerlangan para penuntut. Guru 'berkebolehan' ini juga dapat meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran yang tentunya akan menghasilkan pencapaian cemerlang akademik para penuntut.

Selain dari itu guru-guru tersebut juga akan dapat membantu meningkatkan mutu pengurusan sekolah serta mengukuhkan kegiatan-kegiatan kokurikulum yang boleh meluaskan pengetahuan, membentuk minda, disiplin dan jati diri pelajar untuk menjadi warga negara yang berguna kepada bangsa dan negara. Tenaga pendidik yang berkeupayaan seperti itu perlu kekal mengajar di sekolah.

Perkara ini mendapat perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti yang ditekankan dalam titah Baginda sempena sambutan Jubli Emas Pendidikan Perguruan Negara Brunei Darussalam pada 10 Ogos lepas.

Baginda antara lain menekankan:

"Selain itu, aspek skim perkhidmatan perguruan juga perlu menentukan guru-guru berkualiti untuk terus kekal di sekolah, di samping laluan untuk bertukar ke peringkat jabatan bagi kenaikan pangkat, seharusnya pula bukan lagi dijadikan sebagai pilihan. Skim perkhidmatan perguruan sewajarnya menyediakan laluan yang memberi ruang kepada guru-guru untuk mendapatkan gaji yang lebih tinggi, sejajar dengan peringkat sumbangan mereka."

KEBOLEHAN

Secara umum antara aspek yang membezakan keupayaan individu itu termasuklah kepintaran dan kebijaksanaan semula jadi yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam hal ini sebilangan individu memang dilahirkan berkecakupan dan berbakat.

Aspek lain termasuklah

minat terhadap profesion yang dibeberikannya. Seseorang yang meminati kerjayanya tentu sahaja akan sentiasa berasa suka, ceria dan bersemangat-sungguh dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sehingga menghasilkan kejayaan. Sebaliknya mereka yang kurang berminat tidak akan dapat menghasilkan kerjanya dengan baik dan bermutu.

Sikap dan disiplin juga sangat penting untuk mencapai kecemerlangan dalam kerjaya seseorang. Individu yang tekun, bermotivasi dan berinisiatif serta proaktif tentu sahaja akan lebih produktif dan berkualiti.

Dalam profesion guru umpamanya, selain kemahiran-kemahiran yang didapati di institusi perguruan sebilangan guru berusaha mencari nilai tambah bagi meningkatkan keupayaan mereka. Ini termasuklah belajar ke peringkat yang lebih tinggi, menimba pengetahuan dan pengalaman serta mempelajari kemahiran-kemahiran tertentu.

Sementara itu berusaha

memahami kaedah-kaedah mengajar, memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta kreatif menggunakan peralatan pandang dengar dan sebagainya bukan sahaja akan dapat menarik minat pelajar malah memudahkan pengajaran dan pembelajaran.

Bukan semua guru mampu memiliki ciri-ciri tersebut tetapi memang terdapat sebilangan yang berkemampuan dan cemerlang dalam bidangnya. Mereka ini perlu terus dikekalkan di sekolah.

SKIM

Semacam sudah menjadi kebiasaan guru-guru yang sudah lama mengajar di sekolah dan beberapa tahun lagi akan bersara dipindahkan ke jabatan-jabatan di Kementerian Pendidikan. Terdapat juga sebilangan guru muda yang dipindahkan ke pejabat disebabkan keperluan tertentu. Sebilangan pula memohon jawatan di jabatan-jabatan kerajaan lain untuk mendapatkan kenaikan pangkat.

Seperti yang ditekankan dalam titah Kebawah Duli

Yang Maha Mulia di atas maka perpindahan mereka itu sebaiknya dikekalkan di masa-masa yang akan datang, walaupun ia bertujuan untuk kenaikan pangkat.

Dalam hal ini kita perlu mencari mekanisme yang sesuai bagaimana guru-guru yang berkualiti itu dapat dikekalkan mengajar di sekolah tetapi mendapat kenaikan pangkat atau gaji yang bersesuaian sebagai insentif kepada kecemerlangan atau penghargaan sebelum mereka bersara.

Sebagai misal, semua pengetua-petua di maktab-maktab atau sekolah-sekolah menengah hendaklah diberikan tangga gaji bersesuaian sebanding dengan pegawai-pegawai kanan di jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pendidikan.

Begitu juga timbalan pengetua atau guru-guru besar di sekolah-sekolah rendah mereka perlu diberikan tangga gaji khusus yang bersesuaian berbeza dengan tangga gaji guru-guru biasa.

Dengan adanya skim tangga gaji khas bagi semua pengetua dan guru-guru besar maka ia sudah menjadi jawatan yang perlu dipohon dan mengikuti ujian atau temu duga berdasarkan kelayakan, pengalaman dan

lain-lain sebelum dilantik ke jawatan tersebut.

MEKANISME

Mekanisme juga perlu dicari bagaimana menentukan skim gaji guru-guru biasa yang 'berkaliber'. Mereka terdiri dari pegawai-pegawai pelajaran atau pemegang ijazah mahupun lepasan diploma atau lepas Maktab Perguruan.

Mungkin agak susah untuk membuat penilaian atau perbandingan terhadap 'kaliber' seseorang kerana ia terlalu subjektif dan pelbagai. Penentuan kaliber seseorang secara umum susah untuk dinilai melalui sijil, ujian atau peperiksaan. Salah satu cara yang mungkin dapat dibuat ialah dengan menggunakan sistem 'meritokrasi'.

Cara ini juga memerlukan garis panduan, tatacara dan sukat-sukat yang teliti supaya dapat memuaskan hati semua guru yang terlibat. Mungkin sahaja perlu dibentuk satu panel penilaian khusus untuk menentukan 'kaliber' seseorang guru. Panel ini juga perlu dianggotai oleh guru besar, penolong guru besar dan guru-guru kanan sekolah.

Penilaian perlu ditumpukan kepada pelbagai aspek seperti kepimpinan, teknik dan keupayaan mengajar, sikap, disiplin,

kreativiti, produktiviti dan lain-lain. Ukuran juga boleh dibuat melalui pencapaian cemerlang para pelajar dalam peperiksaan secara berterusan dalam subjek-subjek yang diajar oleh seseorang guru itu.

WAJAR

Memang amat wajar memberikan insentif atau penghargaan kepada guru-guru yang berkualiti. Ia bukan sahaja sebagai galakan kepada guru-guru terlibat untuk meningkatkan keupayaan mereka malah akan menjadi rangsangan kepada guru-guru lain untuk mencontohi dan bersaing secara sihat.

Kalau kita mengambil kira jumlah guru-guru (sekolah biasa dan agama) di sektor kerajaan yang mencapai sekitar lebih kurang 10 ribu orang pada masa ini mungkin agak susah bagi mereka untuk mendapat kenaikan pangkat.

Secara umum peluang kenaikan pangkat ke jawatan G5, G9, G13, G14 atau yang lebih tinggi dari itu bagi guru-guru yang mengajar di sekolah mungkin begitu terhad dan sukar disebabkan bilangan mereka yang begitu ramai, manakala jawatan-jawatan tinggi juga agak kurang di sekolah.

Negara jadi pusat kewangan dihormati

Oleh: Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

negara-negara pengeluar minyak yang lain katanya. Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali mendapat faedah dari meningkatnya harga minyak sekali gus menyebabkan pengumpulan likuiditi yang besar dan menarik bagi kegiatan pengurusan dana di negara ini.

Menurut laporan Kewangan Suku Tahun yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan pada Mac 2006 lalu, dengan sejumlah kira-kira B\$15 bilion deposit di institusi kewangan tempatan membuktikan jumlah deposit yang signifikan di institusi-institusi kewangan tempatan itu didedokan semula di luar negeri.

Beliau percaya sebahagian institusi kewangan terutamanya Agensi Pelaburan Brunei (BIA), Tabung Amanah Pekerja, Lembaga Matawang Brunei dan Jabatan Perbendaharaan mempunyai pengalaman untuk mengembangkan Negara Brunei Darussalam sebagai pusat kegiatan pengurusan dana.

Dalam bulan Mei tahun lalu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Kewangan telah mengeluarkan arahan mengadakan pinjaman peribadi kepada bank-bank tempatan bagi menyelaraskan amalan terbaik antarabangsa.

"Bank-bank ini sekarang harus mencari urus niaga yang lain supaya dapat mengisi jurang, dan pengurusan dana sebagai antara pilihan yang nyata dengan dibolehkan mengadakan sekutu dengan rakan kongsi luar negeri untuk meneroka dalam pengurusan dana supaya dapat mengukuhkan infrastruktur dan memperolehi kemahiran," jelasnya.

Beliau menambah, Negara Brunei Darussalam juga bersungguh-sungguh untuk mengembangkan pasaran modal dengan memperkenalkan Sukuk Al-Ijarah Jangka Pendek yang pertama yang diterbitkan pada bulan Mac tahun ini dan telah berjaya dijual kepada para peniaga utama dengan nilai B\$450 juta.

Objektif memperkenalkan sukuk antara lain sebagai permulaan bagi mengembangkan pasaran modal tempatan selain bagi menggalakkan pelaburan langsung asing (FDI) dan menggalakkan pertumbuhan perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana (SME).

Sebagai sebuah negara kecil dengan pasaran modal yang kecil, perniagaan harus memfokus kepada pasaran keluar negeri atau eksport di mana sektor bukan minyak dan gas menyumbang kurang dari lima peratus daripada keseluruhan eksport selain

hanya menyumbang kurang dari separuh kepada GDP.

Dalam langkah persediaan sebelum sumber 'revenue' kita pupus, katanya, kita harus mencari cara-cara yang berkesan meningkatkan eksport dan gas dan GDP kepada tahap yang lebih tinggi beberapa tahun akan datang.

Beliau mencadangkan agar mengkaji langkah alternatif untuk membiayai SME dan FDI bagi mempercepatkan usaha untuk mempelbagaikan ekonomi dan eksport negara, bukan dari minyak dan gas melalui pasaran modal, terutama melalui skim ekuiti swasta.

Peluang bagi skim ekuiti swasta dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam

adalah cerah berdasarkan sejumlah besar likuiditi yang dimiliki oleh bank, syarikat insurans dan takaful, dana persaraan, institusi menabung dan institusi kerajaan, manakala dana ekuiti swasta hanya menyumbang sebahagian kecil sahaja dari portfolio pelaburan mereka.

Bagaimanapun kesan untuk meningkatkan eksport bukan minyak, akan menjadi lebih berkesan dan ketara dalam beberapa tahun akan datang, lebih-lebih lagi mengambil kira pengurusan secara profesional oleh pengurusan-pengurusan yang profesional dan berpengalaman.

'Mutual Order Funds' memberikan bantuan dan garis panduan yang jelas untuk menubuh dan menyalurkan dana ke Negara Brunei Darussalam dalam membantu FDI bagi cadangan pinjaman.

Ekuiti swasta adalah pendekatan baru sebagai pelengkap inisiatif lain yang sedia ada, seperti yang sudah dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU).

Beliau menekankan pasaran modal Negara Brunei Darussalam akan berjaya dikembangkan dengan meneruskan usahanya meningkatkan dan membuka peluang kepada bidang-bidang pemasaran dalam pengurusan dana, ekuiti swasta dan unit-dana dalam usaha mempelbagaikan ekonomi.

Terdahulu, beliau mengulangi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Hari Keputeraan ke-60 tahun pada 15 Julai 2006 yang menggariskan pentingnya mengekalkan pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam melalui usaha mempelbagaikan sumber

bukan dari minyak dan gas.

Menurutnya, sejauh ini fokus mempelbagaikan ekonomi termasuklah mempromosi industri pelancongan di bawah skop KPSSU dan mempromosi sektor perkhidmatan kewangan di bawah skop Kementerian Kewangan melalui BIFC.

Penubuhan BIFC akan bertindak sebagai strategi untuk mempelbagai dan mempromosi sektor nilai-tambah perkhidmatan kewangan Negara Brunei Darussalam sekali gus akan terus mempromosi pelbagai urus niaga perbankan, insurans, sekuriti dan tabung amanah antarabangsa.

Penggunaan undang-undang yang komprehensif dan kemas kini, secara spesifik dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam di mana pusat kewangan yang berkualiti tinggi menawarkan tempat tinggal yang selamat manakala aktiviti-aktiviti serantau dan antarabangsa juga dapat dijalankan.

Ia bukan sahaja memungkinkan kemudahan tanpa cukai dan penghasilan perniagaan tetapi juga mengandungi undang-undang yang mengarahkan pencegahan kegiatan jenayah dan pengesanan.

Oleh itu, pusat kewangan ini menawarkan keselamatan, 'cost-effective', kemudahan yang wajar dan diselenggarakan sekiranya menawarkan kawasan yang aman untuk urus niaga serantau dan antarabangsa bagi para pelanggan korporat dan swasta.

Sesi Meja Bulat Brunei 2006 diketuai bersama Asia Asset Management HK dan Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei (BIFC), Kementerian Kewangan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apeng - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

RUDONG, Isnin, 25 Julai - Pengurusan dana dan unit swasta merupakan bagian dari kumpulan saran modal yang sangat sesuai kepada Negara Brunei Darussalam yang berusaha untuk menempatkan diri sebagai salah satu pusat kewangan yang dihormati di rantau ini.

Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apeng menjelaskan perkara itu dalam ucapannya di Sesi Meja Bulat Brunei 2006 di The Empire Hotel and Country Club di Jerudong.

Katanya, antara sokong Negara Brunei Darussalam dalam aktiviti-aktiviti pengurusan dana dan ekuiti termasuklah dari penggabungan undang-undang yang kemas dengan pelaksanaan 'International Accounting Order 2000, Mutual Funds Order 2001 dan Securities Order 2001' untuk menyelaraskan bidang-bidang tersebut dalam negeri antarabangsa.

Menyentuh likuiditi (dolar) yang besar seperti



PARA peserta Sesi Meja Bulat Brunei 2006, yang bertemakan 'Arah dan Peluang Baru'. Majlis berlangsung di The Empire Hotel and Country Club, Jerudong. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

MAJLIS KESYUKURAN DIRAIKAN PENUH KEMESRAAN DAN KECERIAAN



PENUH keceriaan baginda di Majlis Kesyukuran sempena Hari Keputeraan ke-60 baginda.

BERAKAS, Khamis, 17 Ogos. - Rakyat dan penduduk negara ini menyebarkan kesyukuran dan kegembiraan meraihan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 dalam suasana penuh kemesraan dan keceriaan.

Kegembiraan dan keceriaan ini jelas terbukti di Majlis Kesyukuran dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa sambutan Hari Keputeraan baginda.

Sesungguhnya kewalihan acara-acara yang disusun telah mencerminkan manifestasi kegembiraan dan usaha, keunggulan rakyat negara ini yang sentiasa taat kepada raja, bersiap sedia, rela berkorban dan berdaya maju dalam mempertingkatkan kesejahteraan, keselamatan, kemakmuran dan kekuatan iman serta kedaulatan raja sebagai Khalifah.

Di Majlis Kesyukuran ini menandakan kasih sayang jelas terbukti melalui



pesambah rakyat dan penduduk negara ini iaitu Mushaf Akbar yang dinamakan Al-Qur'an 'Mushaf Nurul Iman' dengan petikan dari akhir ayat 15, Surah Al-Ma'idah yang tafsirnya: "Sesungguhnya telah datang kepadamu cahaya dari Allah dan kitab yang menerangkan."

Menurut Yang Berhormat, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Sekapur Sirih buku cenderamata, Kronologi Penerbitan Mushaf Nurul Iman berkata, bahawa pemilihan Mushaf Al-Qur'an Akbar bukanlah hanya untuk menjadi kebanggaan semata-mata disebabkan oleh bentuk ukurannya yang besar akan tetapi hakikatnya, untuk memuliakan dan mengagungkan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya, dengan harapan mendapat rahmat, syafaat dan keberkatan dalam menjunjung hasrat baginda supaya negara ini akan dapat melahirkan sebuah generasi Al-Qur'an.

Keberangkatan masuk baginda menuju ke Dewan Plenary di pusat tersebut dimeriahkan lagi dengan pukulan hadrah oleh 200 orang, 60 pembawa bunga manggar dan 60 pembawa bunga rampai.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Lihat muka 5

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat di Majlis Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda ke-60 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.



BAGINDA terpegun dengan salah seorang pentausyeh dari Universiti Sains Al-Qur'an Wonosobo, Jawa Tengah, Republik Indonesia yang mempertunjukkan tulisan tangan ayat-ayat Al-Qur'an untuk Mushaf Nurul Iman.



BAGINDA berpeluang menyaksikan sebuah album yang dipersembahkan oleh masyarakat Tionghoa di negara ini (atas).

BAGINDA, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berserta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan menerima junjung ziarah setiba baginda dan ahli-ahli kerabat diraja di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas (atas kanan).

KENANGAN ... Baginda bergambar kenangan bersama warga-warga kerja Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) yang menyertai pameran sempena Majlis Kesyukuran (kanan).





SEBUAH pesambah 'Mushaf Nurul Iman' ke hadapan majlis baginda, dari hati rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk raja dan pemimpin yang dikasihi sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-60.



BAGINDA ketika mengunjungi pameran yang disertai oleh sebuah syarikat korporat, TelBru.



BAGINDA berkenan menyaksikan salah sebuah syarikat yang menyertai pameran sempena majlis berkenaan.

Dari muka 4

Majlis bermula dengan bacaan Al-Qur'an oleh qari-qari Negara Brunei Darussalam yang pernah memenangi Musabqah Tilawatil Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia, Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar dan Yang Dimuliakan Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin.

Seterusnya sembah alu-aluan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60.

'Mushaf Nurul Iman'. Mushaf Nurul Iman ini berukuran 145 sentimeter panjang dan 95 sentimeter lebar dan beratnya 255 kilogram serta mempunyai 309 muka surat.

Sebelum pesambah Mushaf Nurul Iman disembahkan ke hadapan majlis baginda, Mufti Kerajaan memimpin bacaan Surah Al-Faatihah.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Baginda seterusnya berkenan berangkat menyaksikan pameran majlis kesyukuran yang antara lain mempamerkan bagaimana proses membawa masuk Mushaf Nurul Iman ke

Negara Brunei Darussalam yang ditempati khas bersempena Hari Keputeraan baginda ke-60 tahun.

Mushaf Nurul Iman merupakan satu pesambah dari semua lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kepada raja yang dikasihi.

Pameran ini juga disertai oleh sektor-sektor kerajaan dan swasta seperti Jabatan-jabatan Daerah, pengusaha-pengusaha tempatan dan luar negeri dan syarikat-syarikat tempatan serta luar negeri.

Majlis Kesyukuran ini adalah salah satu acara kemuncak di peringkat kebangsaan yang menggabungkan semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini yang merangku-mi dari kalangan sektor kerajaan dan swasta iaitu bagi mewakili kement-

rian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pasukan-pasukan beruniform, ahli-ahli profesional, persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan, institusi-institusi pendidikan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), dewan-dewan perniagaan, belia-belia, majlis-majlis wanita, institusi-institusi penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung serta ketua rumah panjang, Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Jawatankuasa Takmir Masjid, Jawatankuasa Kejiranan Kampung dan pelbagai bangsa dan puak serta semua peringkat masyarakat di negara ini.



Majlis diteruskan dengan persembahan nasyid oleh 30 orang pelajar dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan persembahan tausiyah oleh kumpulan qari yang terdiri daripada 15 orang pembaca Al-Qur'an remaja yang pernah memenangi pertandingan membaca Al-Qur'an di peringkat kebangsaan, serantau, belia ASEAN dan peringkat universiti yang diketuai oleh Awang Mohd. Fahmi bin Haji Metussin.

Baginda kemudiannya berkenan menerima pesambah sebuah Al-Qur'an yang berukuran besar tulisan tangan yang diberi nama



TIGA orang qari negara yang pernah mengharumkan Negara Brunei Darussalam di Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa memperdengarkan bacaan Al-Qur'an. Mereka ialah Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar dan Yang Dimuliakan Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin.



PERSEMBAHAN nasyid oleh penuntut-penuntut perempuan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.



SUASANA di Majlis Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

BSB - Bandar raya maju 2010

BEGITULAH indahnya ibu kota negaraku Bandar Seri Begawan (BSB). Sebuah Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin berdiri megah sebagai pusat perayaan. Sambutan Maulud Nabi dan Hari Keputeraan Sultan, tempat perasmian kemerdekaan dan taman bersejarah jadi ristaan.

BSB telah melalui era pembangunan mencabar sejak lebih tiga dekad yang lalu dengan bermulanya pengisytiharan detik bersejarah penukaran nama Bandar Brunei kepada BSB pada 4 Oktober 1970.

Sebagai sebuah bandar yang berkembang maju dan mampu menjadi pusat perhubungan serta perdagangan antarabangsa bagi Negara Brunei Darussalam dengan adanya perancangan yang rapi dan konsisten.

Pembangunan-pembangunan dan kemajuan infrastruktur serta prasarana yang pesat di sekitar BSB akan terus diberi perhatian sewajarnya oleh

pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan.

BSB juga diberi pengiktirafan antarabangsa di atas pencapaian bandar keramat ini sebagai antara bandar-bandar raya terbaik di Asia Pasifik berdasarkan kajian yang dibuat oleh majalah Asiaweek, sebuah majalah bertaraf antarabangsa, menyatakan BSB adalah bandar keenam dan ketujuh terbaik pada tahun 1999 dan 2000 berturut-turut.

Pencapaian tersebut adalah hasil komitmen yang tinggi dan bersungguh-sungguh oleh agensi-agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia semenjak pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien pada tahun 1950 hingga 1967, sehinggalah kepada pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Oleh :
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

Sebagai meneruskan kemajuan dan pembangunan BSB yang kian pesat, Lembaga Bandaran, BSB bersama Ahli-ahli Majlis Lembaga, BSB telah berusaha untuk mencapai visinya untuk merealisasikan BSB sebagai sebuah bandar raya maju setanding dengan bandar-bandar raya di rantau Asia Pasifik menjelang tahun 2010, di samping misinya 'mentadbir dan mengurus perkembangan dan kemajuan BSB'.

Manakala matlamat umum yang amat penting hendak dicapai oleh jabatan ini selaras dengan misinya ialah:

- * Mempertingkatkan kualiti kehidupan warga dan pengunjung bandar.

- * Menjadi pemangkin kepada kegiatan-kegiatan ekonomi dan komersial yang sah dari segi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

- * Mengekalkan fungsi dan ciri-ciri BSB sebagai ibu negeri Negara Brunei Darussalam dan pusat pentadbiran, pendidikan, perhubungan, perindustrian, kebudayaan dan pusat sukan dan riadah.

Ini lebih bermakna lagi, Negara Brunei Darussalam akan menjadi tumpuan para pelancong pada tahun 2008 dengan dikenali 'Tahun Melawat Brunei'.

IMBAS KEMBALI

Mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena memperingati Jubli Perak BSB pada 9 Oktober 1995, antara lain baginda menegaskan: "Pada mulanya tidak ramai orang yang nampak mengapa

dan apa tujuan nama 'Bandar Brunei' itu ditukar menjadi 'Bandar Seri Begawan', adakah kerana ianya untuk mempopularkan nama Seri Begawan semata-mata, ataupun terdapat juga rahsia yang lain di sebalik itu?

"Kita orang-orang Brunei patut mengetahui, bahawa terdapat suatu 'nilai' pada nama BSB' itu. Ia membawa mesej kemodenan, kemajuan dan peralihan bagi Negara Brunei Darussalam daripada era lama kepada era baru, sementara 'Brunei Town' atau 'Bandar Brunei' pula masih melambangkan suatu zaman lama yang suram dan tertutup."

Kini tersergam sebuah reka cipta yang indah terletak di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin diberi nama Cendera Lambang Kenangan bagi memperingati 25 tahun penukaran nama Bandar Brunei menjadi BSB.

Cendera Lambang Kenangan ini sebagai mengambil sukut nama asal yang pernah disabdakan

oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien yang menjadi tanda dan lambang peralihan dalam istiadat gilang-gemilang pada 29 September 1971.

"Di antara sabda paduka ayahanda di dalam istiadat tersebut ialah 'Mudah-mudahan dengan terdirinya lambang yang indah dan molek lagi permai ini, dengan izin Allah

akan membawa kemolekan rohani dan jasmani laila permai pembawaan hidup bahagia..."

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 9 Oktober 1995 sempena sambutan Jubli Perak Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan.

Lihat muka 7

**Sangat bertamadun ibu negara
BSB nama ringkasnya
Bandar Seri Begawan nama
penubnya
pusat pemerintahan negara
beraja.**

**Di waktu malam bagaikan
siang
BSB terang-benderang
umpama bulan dipagar bintang
rasa yang susah bertambah**



BANDAR Seri Begawan kini menguji arus zaman dengan perkembangan fizikal termasuk kemajuan infrastruktur dan keindahan alam sekitar melalui pandangan dari udara.

Dari muka 6

Dengan keluasannya 12.87 kilometer persegi, BSB telah mengalami arus modenisasi dengan pertumbuhan pesat bangunan-bangunan persendirian seperti bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan hotel-hotel bertaraf antarabangsa serta kedai-kedai yang teratur yang membawa perubahan wajah BSB.

Keindahan BSB begitu terserlah dengan tersegamnya Masjid Omar Ali Saifuddin, merupakan sebuah masjid yang tercantik di rantau ini dan merupakan antara mercu tanda kegemilangan Negara Brunei Darussalam.

Kecantikan Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah yang menempatkan gedung perniagaan, bank-bank dan pusat-pusat komersial adalah salah satu tempat menarik yang menjadi tumpuan ramai terutama para pelancong luar negara.

Bangunan yang menempatkan sejarah kegemilangan Kerajaan Negara

Brunei Darussalam telah dibina dengan nama Bangunan Alat-alat Kebersihan Diraja telah memperlihatkan pameran sempena Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta terletak berdepanan dengan Bangunan Mahkamah Syariah.

BSB menjadi kunjungan orang ramai dengan adanya Bazar Hujung Minggu yang menyediakan gerai-gerai yang menjual beraneka jenis barangan dan masakan yang menyelerakan sebagai memecahkan lagi kesunyian di waktu malam.

Keindahan BSB juga dititikberatkan keindahan persekitaran dengan menanam pohon-pohon hijau dan bunga-bunga yang beraneka warna dan perancangan yang tersusun serta juga memastikan kebersihannya.

Dalam hubungan ini, kita juga memberikan



PEKAN Brunei pada tahun 1960-an.

penghargaan dengan penglibatan sektor swasta dalam menambahkan persekitaran BSB, khususnya melalui pembinaan beberapa buah bangunan menarik dari segi reka bentuknya seperti bangunan-bangunan bank dan kompleks-kompleks membeli-belah.

Keunikan Kampung

Ayer yang terletak di persisiran Sungai Brunei telah wujud sejak kurun ke-18 dan didiami oleh lebih 30,000 orang penduduk telah meninggalkan kenangan yang manis untuk dibawa pulang oleh para pelawat luar negeri.

Kepesatan yang dialami oleh BSB masa kini adalah selaras dengan pertumbuhan ekonomi penduduk di ibu kota, yang mana menurut banci yang dijalankan pada tahun 1993, anggaran penduduk di BSB ialah kira-kira 50,000 orang termasuk mereka yang tinggal di Kampung Ayer.

Marilah kita sama-sama menjaga keindahan, kebersihan dan kecantikan BSB yang merupakan pusat komersial, pentadbiran dan perdagangan Negara Brunei Darussalam, ke-



SEBUAH reka cipta Cendera Lambang Kenangan megah berdiri terletak di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin memperingati perubahan Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan.

Darussalam.

Di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kemajuan dan perkembangan di negara ini dari segi perhubungan antarabangsa, pendidikan, ekonomi dan keagamaan telah dapat dinikmati hasil kejayaannya. Maka BSB semakin mencabar.



PERAHU-PERAHU tambang menanti penumpang yang berulang alik dari satu destinasi ke satu destinasi.



AMU tradisi dapat kekalkan dan mengalami perubahan-perubahan serba moden sentiasa menjadi tarikan para pengunjung, kerana menyediakan pelbagai hasil dari bumi hijau negara kita beroperasi setiap hari terutama hujung minggu.



PEMANDANGAN indah Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah di waktu malam. Ianya lebih menarik lagi dengan sebuah Masjid Omar 'Ali Saifuddin yang didirikan berhadapan dengan kompleks tersebut.

Berangkat menganugerahkan lot-lot rumah, anak



BAGINDA mencuba menyikut ikan selongsong dalam kolam penetasan Jabatan Perikanan di Meragang.



SEORANG pelajar di Pusat Pembangunan Belia ini berkesempatan beramah mesra bersama baginda.



BAGINDA melepaskan anak-anak udang rostris ke dalam kolam penetasan di Pusat Perkembangan Akuakultur Meragang, Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.



SEMASA keberangkatan di Sekolah Rendah Kapok Muara, baginda berkenan menanam sebatang pokok palma (atas), manakala gambar bawah, baginda beramah mesra bersama dua orang murid Sekolah Rendah Kapok.



BAGINDA mengurniakan kunci rumah kepada Awang Affendi Haji Mohd. Noor.



BAGINDA mengurniakan kunci rumah kepada seorang penerima.



BERGAMBAR KENANGAN ... Baginda merakamkan gambar kenangan bersama sebuah keluarga yang mengikuti Skim Penggeranan Tapak Rumah di atas tanah TOL di Jalan Terunjing (atas), manakala gambar bawah, baginda menguji sebuah kereta di Syarikat Setia Motors Sendirian Berhad.



DI PUSAT Pembangunan Belia baginda berkenan merasa kuih dan biskut.



JUGA dikunjungi baginda ialah seorang penerima anak kunci bagi rumah berkembar di Rimba.



anak kunci rumah STKRJ dan geran tanah TOL



Tengah,
Dato Paduka Haji
Haji Duraman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan mengaminkan doa di Majlis Penganugerahan Lot-lot Tanah, Anak-anak Kunci Rumah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) serta Penggeranan Tanah di Skim Penggeranan Tapak Rumah di atas tanah TOL, Daerah Brunei dan Muara.



BAGINDA secara dekat melihat benih udang yang ditanam.



KOPERASI KOTIBA di Kampung Salambigar juga mendapat perhatian dalam rangka lawatan baginda.


BAGINDA ketika berkenan bergambar ramai semasa keberangkatan ke Kampung Sungai Hanching / Salambigar (kanan).

RAKYAT dan penduduk kampung menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda (kiri).

KELIHATAN para penerima bagi lot-lot tanah, anak-anak kunci rumah STKRJ dan geran tanah TOL yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia (bawah kanan).



... di pusat tersebut.



DI PUSAT Perkembangan Akuakultur Meragang, baginda berkenan menandatangani plak (atas), sementara gambar bawah pula, baginda berangkat ke rumah Ketua Kampung Kapok, Mejar (B) Awang Haji Johari bin Razak.



BERMINAT ... Pembuatan parang dan pelbagai hasil pertukangan kayu dipamerkan semasa keberangkatan baginda di Kampung Kapok.

HALUAN

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

SYUKUR ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam kepada Junjungan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah dengan rahmat dan hidayah-Nya jua kita dapat berkumpul beramai-ramai di majlis yang berkebakikan pada pagi ini.

Kepada pihak penganjur, Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Seri Ayyun Event Management, saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kerana dapat mengungkapkayahkan 'Pameran Anak Damit dan Kanak-kanak Tahun 2006' ini, yang saya percaya akan memberi manfaat kepada 'audiens' sasaran, iaitu para ibu bapa dan bakal ibu bapa.

Pameran ini adalah suatu peringatan betapa pentingnya penyediaan keperluan-keperluan asas

untuk anak-anak, bukan sahaja keperluan asas seperti penyediaan makanan, pakaian dan perlindungan, tetapi juga persiapan masa depan mereka, termasuk keperluan kesihatan dan kewangan.

Anak-anak adalah generasi akan datang iaitu bakal pewaris keluarga, pewaris masyarakat dan pewaris negara. Kita semua maklum, setiap pasangan suami isteri berharap untuk mendapat zuriat yang akan memeduli mereka dalam usia tua. Malangnya tidak semua harapan itu menjadi kenyataan kerana kegagalan mendidik, menjaga

Kemahiran keibubapaan perlu bagi setiap pasangan

dan mengasuh. Misalnya, anak-anak tidak diberikan penjagaan yang sempurna sama ada dari segi pemakanan, pakaian, tempat tinggal dan keselamatan. Semua ini berlaku disebabkan para ibu bapa kurang mengetahui peranan dan tanggungjawab utama mereka sebagai ibu bapa atau ketua keluarga. Dalam beberapa laporan dari pihak-pihak berkuasa atau media massa, terdapat kanak-kanak yang dianiaya oleh ibu bapa mereka sendiri. Perkara ini telah memberi kesan yang sangat mendalam terhadap pertumbuhan mental dan fizikal kanak-kanak tersebut.

Oleh yang demikian, dalam kesempatan ini, saya sukacita mengingatkan kepada semua



UCAPAN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bertempat di Lobby, The Mall, Gadong pada hari Khamis, 3 Ogos 2006.

ibu bapa atau pasangan yang akan mendirikan rumah tangga, supaya mempersiapkan diri dengan secukupnya dengan kemahiran keibubapaan, persediaan kewangan dan lain-lain persediaan asas yang dapat menyumbang ke arah kesempurnaan pertumbuhan anak-anak. Ini bukanlah suatu tugas yang mudah. Ibu bapa mesti berperanan secara kolektif untuk mencapai matlamat melahirkan anak-anak yang sempurna ini. Dalam hal ini, usaha yang diungkapkan oleh penganjur pameran ini adalah salah satu usaha yang sangat baik dan berfaedah, terutamanya untuk meningkatkan pengetahuan mengenai keperluan-keperluan asas anak-anak

damit atau kanak-kanak masa kini. Tahniah sekali lagi atas usaha yang berkebakikan ini dan saya berharap inisiatif seperti ini akan dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

Akhirnya dengan mendahulukan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim' dan dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, maka saya dengan sukacitanya merasmikan 'Baby and Child Fair 2006' anjuran Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Seri Ayyun Event Management.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wasalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ANGIN RIBUT: SMS?

BILA bertemu kawan-kawan di manapun jua, di kaki lima, di pusat membeli-belah, di pasar dan apatah lagi di kedai kopi, sudah pasti pelbagai topik akan menjadi bahan bualan. Hujan lebat dan angin ribut yang boleh dikatakan kuat juga yang melanda sebahagian negara kita baru-baru ini pun menjadi bahan menarik dengan adanya tokok tambah, kait-mengait, sambung-menyambung dan sebagainya. Apalagi kalau bertemu kawan atau orang yang memang kreatif dalam membuat-bual cukup dengan gaya dan kelancaran bahasanya memang akan menjadi buntu dalam kantung plastik olehnya kalau anda ada bini menunggu di kereta.

Kalau di kedai kopi tentu lain lagi ceritanya, kerana fenomenanya lagi berbeza terutamanya dari segi keselesaan sambil cuci mata, apa lagi kalau di tempat-tempat yang 'class' secawan kopi duduk satu jam tidak terasa. Kerana maklum sajalah kalau namanya di restoran itu hidangannya banyak: hidangan makan minum, hidangan untuk mata, hidangan untuk telinga.

Berbalik kepada pokok bicara kita iaitu mengenai hujan lebat dan angin ribut

tadi, salah satu kawasan yang ketara kesannya ialah di Gadong berdekatan dengan 'fly over' Lebuhraya Sultan Hassanah Bolkiah di mana beberapa pohon pokok yang boleh dikatakan besar dan tegap tercabut, ada yang tumbang, dahan-dahan pokok patah bagai dipulas-pulas. Iklan-iklan dan kain-kain rentang perniagaan juga turut menjadi mangsa angin tersebut yang bukan saja mengoyakkannya malah juga meranapkan-nya. Demikian juga kem (khemah) yang dipasangkan untuk majlis-majlis tertentu sebahagiannya diterbangkan angin dan rosak teruk.

Di tempat-tempat lain ada juga pokok-pokok yang tumbang di atas jalan raya sehingga menghalang lalu lintas dan Pasukan Bomba dan Penyelamat turut sibuk menangani pokok-pokok yang tumbang itu. Bermacam-macam lagi kerosakan yang diakibatkan oleh angin ribut itu dan bermacam-macam cerita juga timbul mengikut gambaran yang mereka lihat.

Mengikut saksi mata yang melihat kejadian itu bercerita, angin itu 'berkepala besar' berwarna hitam dan menakutkan di mana tempat ia lalu sekecil mata saja boleh rosak

KAN HALNYA ...

Oleh: Haji Timbang Bakar
timbang.bakar@information.gov.bn

atau pokok-pokok tercabut, tumbang, patah dan sebagainya. Nasib baik hanya beberapa buah rumah saja yang mengalami kerosakan kecil dan ada juga kebakaran yang segera diatasi.

Kawan yang membawa cerita ini membuat kesimpulan sendiri tentang peristiwa itu. Katanya, sebenarnya kejadian itu tidak boleh dipandang ringan walaupun ia masih nampak kecil-kecilan kerana kalau ada yang kecil pasti ada yang besar atau lain lagi bentuk atau rupanya. Bayangkanlah kalau yang kecil ini pun kita sudah bingung apalagi kalau yang berskala besar. Na'uzubillahiminzalik. Sebenarnya ini 'teguran' daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengingatkan dan juga mengajar kitani yang sudah banyak lalai dan hanyut oleh keiskian dunia sehingga banyak kewajipan terabai atau dilupakan terus.

Kawan yang satu lagi, yang tadinya macam tidak mengendahkan 'ceramah' kawan ala ustaz itu kerana matanya asyik melirik gadis-gadis pelayan di restoran tempat kami minum itu tiba-tiba menyampuk. Katanya, itu 'sms' tu - pesanan ringkas dari Allah Azzawajalla siapa kan faham - faham tah.

SMS-Nya itu menegur dan mengajar kitani, pertama larangan-larangan Allah Ta'ala jangan diubah jadi suruhan-Nya. Kedua, jangan menanam pokok terlampau hampir dengan jalan raya atau rumah kerana mendatangkan bahaya. Ketiga, longkang jangan dibiarkan tersumbat supaya anda banjir. Atutah yang dapat ditangkap dari peristiwa itu.

Kan halnya, cerita pasal angin ribut melarat-larat jadinya macam orang membakar hutan. Memang benar kalau bertemu dengan kawan-kawan ada-ada saja boleh didengar.

Keamanan, kemajuan tingkatkan kualiti dan taraf hidup rakyat

Oleh: Zahrani Haji Bojeng,
Maslina Awang Kuras

BERAKAS, Khamis, 17 Ogos. - Keamanan, kesejahteraan, keselamatan dan keharmonian dan kemajuan dalam segenap aspek yang dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini bukan hanya tertumpu di kawasan bandar dan persekitarannya malah juga melangkah jauh ke kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan pedalaman.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan juga menyatakan kenikmatan dan kemajuan ini sudah setentunya memberikan impak yang signifikan yang menyumbang ke arah mempertingkatkan lagi kualiti dan taraf hidup rakyat dan penduduk di negara ini dalam keadaan suasana negara yang aman, damai, makmur dan sejahtera.

"Rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam dapat menikmati keamanan, ketenteraman, kesejahteraan

an, kestabilan, keselamatan, dan keharmonian di samping mengecapi pelbagai bentuk pembangunan dan kemajuan dalam segenap aspek yang termasuk bidang keagamaan, pendidikan, kesihatan, perhubungan, sosial, kemasyarakatan, perekonomian dan seumpamanya," kata Yang Berhormat di Majlis Kesyukuran Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 di Pusat Persidangan Antarabangsa hari ini di sini.

Yang Berhormat juga menekankan perlunya kerjasama di kalangan sektor kerajaan mahupun swasta bagi sama-sama berganding bahu dan mengemblem tenaga ke arah menjana dan menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara ke mercu kecemerlangan dan kegemilangan.

Majlis Kesyukuran ini

merupakan salah satu acara kemuncak di peringkat kebangsaan yang menggabungkan pelbagai pisan masyarakat dan keempat-empat daerah yang terdiri daripada sektor kerajaan, sektor swasta yang meliputi institusi-institusi pendidikan, pertubuhan-pertubuhan bukar kerajaan (NGO) serta segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini.

Ini jelas membuktikan kesepaduan, rasa ketuhanan yang tidak berbeza bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diiringi dengan semangat kekitaan, permufakatan, persefahaman dan kerjasama yang erat lapadu dalam sama-sama menjaga kesejahteraan ketenteraman dan keharmonian di kalangan semua lapisan rakyat dan semua lapisan rakyat serta penduduk yang bernaung di bawah pemerintahan dan kepimpinan kebijaksanaan Baginda.

Pengurniaan yang bermakna harus disyukuri

Oleh: Zahrani Haji Bojeng

MUARA, Selasa 15 Ogos. - Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam haruslah bersyukur kerana dapat bernaung di bawah raja yang berjiwa rakyat yang sentiasa mengambil berat dalam meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan penduduk.

Perkara ini dijelaskan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop bin Bakar di Majlis Peng-

anugerahan Lot-lot Tanah di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampong Lambak Kiri, Berakas, Anak-anak Kunci Rumah di bawah STKRJ Kampong Tungku (Katok 'A'), Kampong Mata-Mata (Katok 'B'), Kampong Rimba dan Rumah Kembang Kampong Rimba, Gadong, perumahan yang dimajukan oleh pema-ju di bawah STKRJ Kampong Tungku (Katok 'A'), Kampong Rimba, Gadong dan

Madang serta Geran-geran Tanah di bawah Skim Rumah di atas Lesen Tumpang Sementara (TOL) bagi Daerah Brunei dan Muara.

Seramai 121 orang penerima menerima penganugerahan yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Kapok, Brunei II.

Dato Paduka seterusnya berkata, atas keberangkatan baginda ke majlis ini melambangkan keprihatinan dan pemedulian berterusan baginda kepada kesejahteraan dan kesejahteraan hidup

kepada penduduk Negara Brunei Darussalam dalam perkara yang berkaitan dengan kemudahan asas dan keperluan perumahan seperti jalan raya, bekalan air, elektrik, telefon dan lain-lain.

Penganugerahan ini akan menjadi ristaan abadi dan catatan kenangan manis khususnya kepada para penerima-penerima anugerah dan keluarga yang mengimpikan tanah dan rumah kediaman milik sendiri menjadi kenyataan yang bermakna yang tidak dapat dinilai

dengan wang ringgit.

Beliau menyeru rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam mencurahkan taat setia yang tidak berbeza bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta terus mendukung kepimpinan kebijaksanaan baginda untuk terus menerajui dan membawa Negara Brunei Darussalam ke arah pencapaian kemajuan yang lebih cemerlang.

PENDIDIKAN

Menteri Pendidikan lawat dua sekolah

MASIN, Selasa, 8 Ogos. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan rombongan meneruskan lagi siri lawatan kerja ke Sekolah Rendah Masin, Brunei IV dan Sekolah Menengah Masin.

Semasa lawatan ke Sekolah Rendah Masin, Yang Berhormat mengadakan perjumpaan dengan Guru Besar Sekolah, Cikgu Hajah Bidah binti Lamat berserta guru-guru kanan dan ketua-ketua unit sekolah tersebut.

Dalam perjumpaan itu, Yang Berhormat telah diberikan taklimat mengenai latar belakang sekolah, aktiviti-aktiviti, pencapaian murid-murid termasuk rancangan masa depan sekolah.

Turut dibincangkan di perjumpaan itu ialah mengenai pemeliharaan dan keputusan tambahan kepada kemudahan infrastruktur di sekolah berkenaan.

Sementara itu dalam lawatan ke Sekolah Menengah Masin, Yang Berhormat mendengarkan taklimat dari Pengetua Sekolah, Cikgu Hajah Mariam binti Haji Ladi.

Dalam sesi perbincangan terbuka itu, Yang

Berhormat mengucapkan tahniah kepada Pengetua dan seluruh warga sekolah kerana dapat menyesuaikan diri sebaik sahaja sekolah berkenaan dibuka pada 20 Julai 2006.

Beberapa perkara juga turut dibincangkan antaranya supaya pihak sekolah memperkenalkan pembelajaran Bahasa Mandarin, di samping berusaha dalam mem-

perkembangan majukan 'niche' tersendiri sekolah tersebut.

Kejayaan dalam usaha ini diharuskan akan dapat mengangkat imej sekolah, selain menjadi kebanggaan kepada seluruh warga guru dan penuntut.

Selepas taklimat, Yang Berhormat meninjau ke bilik-bilik darjah, bilik guru, makmal-makmal, perpustakaan dan berke-

sempatan berinteraksi dengan para guru dan penuntut di samping melihat secara dekat kemudahan-kemudahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah tersebut.

Turut serta dalam rombongan ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan.

105 pelajar menerima biasiswa

Oleh: Samle Haji Jait

sample.jait@information.gov.bn

MANGGIS, Isnin, 14 Ogos. - 105 orang pelajar yang dianugerahkan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Peruan Negara Brunei Darussalam melahirkannya rasa gembira dan berterima kasih kerana terpilih untuk menerima biasiswa berkenaan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara dalam pelbagai jurusan.

Dk. Siti Nurhafila binti Pg. Haji Zahari yang akan mengambil bidang farmasi selama empat tahun di Keele University bertekad bahawa peluang yang diberikan itu akan dilaksanakan dengan tekun sehingga berjaya.

Beliau yang mendapat keputusan ABC pada peperiksaan peringkat 'A' level meminati mata pelajaran 'Chemistry' dan

'Matematik' yang mempunyai kaitan dengan bidang farmasi.

Penuntut yang pernah menjalani latihan di Bahagian Farmasi Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) mengakui bidang itu sangat mencabar dan tidak mudah kerana ia memerlukan kefahaman yang mendalam dari banyak sudut.

Namun anak sulung itu yakin bahawa kesungguhan dan ketekunan akan membantunya untuk dapat merealisasikan impian dan mendorongnya mencapai kejayaan nanti.

"Kita lihat anak tempatan dalam bidang farmasi masih lagi kurang dan saya mahu menyumbang satu perkhidmatan yang baik kepada masyarakat Brunei nanti," ujarnya ketika ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI.

Sementara itu, dua sahabat karib, Mohammad Yusri bin Yahya dan Mahmoud Syaheer bin Haji Yusoff sama-sama mengongsi perasaan gembira kerana terpilih melanjutkan pelajaran dalam bidang hubungan antarabangsa selama tiga tahun di Loughborough University.

Mohammad Yusri berkata, bidang antarabangsa menyediakan satu medium yang sangat menarik dan mencabar malah ia lebih menyeronokkan jika kita berjaya memahami dan mendalami sesuatu yang berhubung kait dengan perkembangan antarabangsa.

Manakala Mahmoud Syaheer pula mahu menerapkan pengalaman yang diperolehi nanti untuk membantu memajukan negara terutama dalam bidang hubungan antarabangsa.

Noor Hamidah binti Haji Aziz yang akan mengambil pendidikan Sarjana Muda Perhubungan, Media dan Muzik Popular di University of Liverpool pula bercita-cita untuk menghasilkan program-program yang berhubung kait dengan media secara lebih inovatif.

Pelajar cemerlang dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan ini juga mahu melihat peningkatan tahap cara pengolaan, penerbitan dan penyampaian media di negara kreatif dan lebih bermutu.

Penganugerahan Biasiswa Kerajaan ke luar negeri sesi 2006-2007 memperuntukkan 19 pelajar penerima anugerah Skim Khas Pendidikan untuk mengikuti 'A' level di United Kingdom sebelum mengikuti pengkhususan dalam bidang Pendidikan.

Sementara itu, seramai 80 orang pelajar dianugerahkan Skim Biasa bagi mengikuti kursus peringkat Ijazah Pertama di beberapa buah universiti di United Kingdom dan Australia, manakala enam orang pelajar dipilih bagi menjalani Twinning Programme Universiti Brunei Darussalam dengan University of Calgary bagi mengikuti kursus tahun tiga di bidang Perubatan.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman melawat salah sebuah sekolah di Daerah Brunei dan Muara. Lawatan tersebut juga disertai oleh Timbalan Menteri Pendidikan. - Foto: Ihsan Kementerian Pendidikan.

Penganugerahan biasiswa pelaburan negara

Oleh: Samle Haji Jait

sample.jait@information.gov.bn

MANGGIS, Isnin, 14 Ogos. - Penganugerahan biasiswa itu merupakan satu pelaburan negara yang kritikal di dalam meningkatkan kapasiti dan kebolehan para pelajar untuk menjadi sumber tenaga manusia yang akan dapat menyumbangkan ke arah kemajuan dan survival Negara Brunei Darussalam.

Timbalan Setiausaha Tetap (Perancangan dan Dasar), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Mahmud menasihatkan semua pelajar supaya akan dapat menimba dan memperolehi apa jua ilmu dan kemahiran yang berguna semasa menuntut di luar negara nanti.

Beliau berkata demikian di Majlis Pelancaran Tak-

limat dan Menandatangani Borang Perjanjian Bagi Pelajar-pelajar Yang Baru Menerima Anugerah Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Sesi 2006/2007, bertempat di Hua Ho Mall Manggis, di sini.

Katanya, pelajar-pelajar perlu berinteraksi secara meluas dan intelek dengan pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah di tempat mereka belajar dengan menghindarkan perasaan rendah diri serta perasaan perkauman.

"Pelajar-pelajar perlu meningkatkan kemahiran hidup seperti mampu hidup berdikari, pandai mengurus kewangan, pandai memak-simumkan penggunaan masa, pandai menyesuaikan diri

dalam kehidupan budaya yang asing dan dapat bergaul dengan baik sesama pelajar," ujarnya.

Beliau menambah, kemahiran-kemahiran itu penting bagi membantu para pelajar menghadapi 'cultural shock' yang akan dihadapi, di samping akan menjadikan satu pengalaman kehidupan yang lebih matang, berdaya saing dan berfikir jauh.

Dalam dunia yang global ini, katanya, 'networking' yang dijalin semasa di universiti akan menjadi satu asas hubungan kerjasama di masa yang akan datang.

Beliau juga menyeru kepada ibu bapa agar sentiasa mengikuti perkembangan kemajuan pelajaran anak-anak mereka dengan menunjukkan rasa pemedulian.

Bersikap responsif menghadapi pendidikan

Oleh: Maslina Awang Kurus

TUNGKU, Khamis, 10 Ogos. - Tanpa bersikap responsif dalam menghadapi cabaran pendidikan hari ini maka dalam waktu yang relatif singkat, kita akan berada pada suatu jurang yang semakin dalam dan melebar sifatnya.

Menyadari hakikat ini, pihak Universiti Brunei Darussalam, melalui Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkiah (IPSHB) dengan kerjasama fakulti-fakulti lain akan terus berusaha sedaya mungkin untuk menjaga pendidikan guru yang berkualiti, bertaraf dunia tetapi masih berhubung dengan identiti kebruneianya.

Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dato Paduka Dr Awang Haji Ismail bin Duraman menekankan perkara tersebut dalam sembah alu-aluannya di Sambutan Jubli Emas Pendidikan Perguruan Negara Brunei Darussalam (1956 - 2006) berlangsung di Dewan Canselor UBD, di sini.

Dalam pada itu katanya, ciri-ciri yang bersangkutan dengan nilai kebolehpasaran produk yang dihasilkan, kreativiti dan kecekapan, pengemaskinian ilmu, ke-berkesanan komunikasi dan pembinaan sahsiah adalah hal-tal yang tidak pernah dialakikan dalam sebarang perencanan, pelaksanaan dan peni-

laian yang dilakukan.

Dengan kata lain tambahannya, kita mahu memberikan dan mengusahakan yang terbaik dan terkini kepada semua siswa guru melalui proses pembinaan profesionalisme mereka di sini.

Katanya, antara yang sedang dilaksanakan oleh IPSHB termasuklah tawaran program-program pendidikan guru peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah, iaitu bertaraf diploma ataupun ijazah pertama.

Sesetengah program itu jelasnya, sama ada berperantaraan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris bersifat pendidikan guru serbaguna dan sesetengah yang lain bersifat khusus, iaitu bertaraf mata pelajaran di sekolah-sekolah.

Program-program peringkat Pasca Siswazah, Sijil, Sarjana dan Kedoktoran pula ujarannya, meliputi pelbagai disiplin pendidikan dikendalikan oleh jabatan-jabatan yang langsung berkaitan dengan psikologi pendidikan, asas-asas pendidikan, pendidikan sains, matematik dan teknik, pendidikan sastera dan sains sosial, pendidikan bahasa dan pendidikan awal kanak-kanak.

Naib Canselor UBD menerangkan, institut tersebut juga menawarkan program-program yang dibentuk khusus

untuk siswa guru dari sekolah-sekolah kerajaan dan swasta termasuk guru-guru yang sedang berkhidmat demi memajukan dan memperkaya pengajian pendidikan mereka.

Beliau menjelaskan, institut itu juga ikut serta memberikan sumbangan kepada pembangunan pendidikan guru serantau apabila sejumlah pelajar luar negara disediakan kesempatan berguru di negara ini.

Dato Paduka Dr. Haji Ismail menyatakan, untuk memperingati, mengenang dan meraikan sesebuah institusi yang menjangkau usia setengah abad maka adalah sangat wajar ia dihargai dalam erti kata, curahan jasa dan sumbangan bakti institusi pendidikan perguruan dalam melahirkan guru amat sukar, ka- laupun tidak dapat dinilai dengan harta benda kerana guru merupakan sumber dan punca utama membawa dan membantu kita ke arah masyarakat dan generasi yang berpendidikan.

Tegasnya, guru merupakan sebahagian dari mekanisme dalam pendidikan yang melahirkan masyarakat celik membaca, menulis dan mengira selain menyediakan keperluan kemahiran kepada anak bangsa dalam mengisi sumber tenaga manusia yang diperlukan oleh sektor produktif bagi pembangunan negara.

Perkembangan Pendidikan

Perguruan di Negara Brunei Darussalam sepanjang 50 tahun ini katanya, berlatarbelakangkan perubahan-perubahan yang merentas pelbagai aspek, falsafah, pendekatan, kurikulum, sumber manusia, pembangunan prasarana dan aspek-aspek lain yang berkaitan.

Program-program yang bersifat khusus yang disediakan, kini meliputi peringkat sijil, diploma, ijazah pertama dan pascasiswazah namun pihak universiti dengan segala rasa penuh pertanggungjawab-an tidak akan terus berpuas hati atau berasa selesa dengan apa yang telah dan sedang diusahakan.

"Berpaksikan pertimbangan, ketelitian dan tanggapan ini, kita meyakini bahawa perubahan-perubahan perlu diupayakan dan ditangani secara bijaksana, tanpa melupakan bahawa penerusan juga sama penting dengan perubahan, selagi penerusan itu relevan dengan tuntutan profesional semasa," tegasnya.

Kecekapan kepada perubahan dan penerusan tekannya akan menentukan kerelevanan dan kelangsungan kita dalam suasana dunia yang ter-lalu deras kelajuan perkem-bangannya ini di mana akibat keterbatasan itu setiap waktu begitu terasa, bahawa kita dikejar oleh tuntutan-tuntutan untuk menguasai segala ma-cam ilmu, kemahiran dan kecekapan baru.

Perkampungan Sivik 25 - 30 Ogos

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Ogos. - Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. akan menganjurkan Perkampungan Sivik Mahasiswa-Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Sebarang Laut Tahun 2006 pada 25 hingga 30 Ogos bertempat di VOCTECH International House SEAMEO VOC-TECH Jalan Pasar Baharu, Gadong.

Antara objektif perkampungan ini ialah untuk memberikan kefahaman hal ehwal semasa dalam kerajaan bagi membentuk minda dan iltizam penuntut ke arah melahirkan semangat keprihatinan cinta-tan raja, bangsa, agama dan negara berdasarkan falsafah 'Melayu Islam Beraja'.

Ia juga untuk memberikan kefahaman dan maklumat terkini mengenai hal ehwal negara dan kerajaan serta sektor swasta, mendekatkan penuntut ke arah menghormati dan mengamalkan nilai-nilai luhur falsafah negara.

Perasmian Perkampungan Sivik pada 25 Ogos ini akan disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar

Jeneral [B] Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud di Dewan Setia Negara, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama Berakas, bermula jam 8.00 malam.

Antara kegiatan termasuklah sembahyang fardu berjemaah, kuliah subuh, sesi perbincangan, ceramah-ceramah dan sesi soal jawab serta lawatan-lawatan, menyusur mu-kim, menghadiri majlis makan malam, ramah mesra bersama pemimpin dan senamrobik.

Ceramah-ceramah yang akan mereka ikuti termasuklah Sistem Pemerintahan dan Struktur Pentadbiran Kerajaan Serta Kaitannya Dengan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja; Dasar Luar; Mat-lamat Sistem Pendidikan Kebangsaan; Adat Istiadat Brunei, selain berpeluang mengadakan lawatan ke Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama, ABDB dan TelBru.

Penutup rasmi dan penyampaian sijil-sijil kepada para peserta akan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.



Berangkat ke Majlis Persantapan Malam yang disumbangkan oleh HSBC

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar, Masri Osman, Abdullah Haji Awang Damit

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar, DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta ahli-ahli kerabat diraja bergambar ramai bersama Pengerusi Kumpulan dan pegawai-pegawai pengurusan kanan HSBC sebelum Majlis Persantapan Malam bermula.



BAGINDA berkenan memotong kek yang merupakan acara kemuncak di Majlis Persantapan Malam anjuran HSBC.

BERANGKAT TIBA ... Keberangkatan baginda dan ahli-ahli kerabat diraja dijunjung oleh Pengerusi Kumpulan The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited, Stephen Green.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYTMM Pengiran Isteri beramah mesra bersama isteri-isteri para pegawai HSBC sebelum beredar ke Dewan Persantapan.



BAGINDA, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYTMM Pengiran Isteri berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai dan isteri-isteri HSBC.



DYTM bersama YTM beramah mesra bersama isteri-isteri para pegawai HSBC di Majlis Persantapan Malam di Empire Theatre, Jerudong.



KELIHATAN YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berangkat sama ke majlis tersebut.

JERUDONG, Selasa, 15 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar, DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta ahli-ahli kerabat diraja bergambar ramai bersama pegawai-pegawai pengurusan kanan HSBC sebelum Majlis Persantapan Malam bermula.

Keberangkatan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri di perkarangan Empire Theatre dijunjung oleh Pengerusi Kumpulan The Hongkong and Shanghai Banking, Stephen Green dan pegawai-pegawai banking berkenaan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.

Juga berkenan berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sejurus keberangkatan itu, baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan bergambar ramai bersama pegawai-pegawai dan kakitangan serta isteri-isteri Kumpulan The Hongkong and Shanghai Banking dan kemudian baginda berkenan untuk menandatangani Lembaran Buku Kenangan.

Majlis bermula dengan sembah alu-aluan oleh Pengerusi Kumpulan, Stephen Green yang antara lain berkata HSBC amat berbangga kerana dapat mengambil bahagian dalam sambutan Hari Keputeraan baginda ini kerana bank tersebut merupakan sebuah pertubuhan yang sudah lama wujud dan kukuh dengan komitmen.

HSBC, tambahnya, menyifatkan Brunei sebagai kedudukan yang istimewa dan kukuh dengan pertubuhan kewangan Islam antarabangsa.

Melalui kewangan Islam jelasnya, HSBC Amanah bank berkenaan merasa berbangga kerana dapat membantu Kementerian Kewangan melancarkan kewangan Suku Al-Ijarah dalam jangka pendek di dunia awal tahun ini.

HSBC juga jelasnya berharap kewangan Islam tersebut akan terus berkembang maju dan kukuh serta akan terus membantu Kementerian Kewangan dalam usahanya untuk membangun dan menjadikan Brunei sebagai pusat kewangan Islam yang cemerlang.

Selepas itu baginda diiringi oleh Stephen Green bagi berkenan memotong kek sebagai acara kemuncak dan baginda seterusnya berkenan menerima pesambah yang disumbangkan oleh Stephen Green.

HSBC Limited merupakan pengasas kepada Kumpulan HSBC yang kini mempunyai 9,500 pejabat di 76 buah negara dan wilayah seluruh dunia serta memiliki aset kira-kira US\$1,502 bilion pada 31 Disember 2005, yang merupakan salah sebuah perbankan yang terbesar serta pertubuhan perkhidmatan dan kewangan di dunia.

HSBC pertama kali membuat cawangannya di Brunei pada tahun 1947 dan sejak itu terlibat aktif dengan rancangan kemasyarakatan tempatan dan memberikan bantuan dalam perekonomian Negara Brunei Darussalam.



BAGINDA berkenan memotong kek ulang tahun Hari Keputeraan ke-60.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, DYT Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar, DYT Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dan YTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim berdiri sejurus Lagu Kebangsaan dikumandangkan (atas).

BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah daripada anggota Pegawai Polis se-jurus berangkat tiba di Dewan Assarraa (kiri).



SEMPENA ulang tahun Hari Keputeraan baginda, Pasukan Polis Diraja Brunei menyebarkan cenderahati ke hadapan majlis baginda (kanan).



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYT Pengiran Isteri berkenan menerima junjung ziarah daripada anggota-anggota Pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei.



DYTM, YTM dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim berkenan menerima junjung ziarah daripada anggota-anggota Pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei.



BERANGKAT sama ialah YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam berangkat di majlis tersebut.



Berangkat ke Majlis Santap anjuran Pasukan Polis

Oleh : Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn
Foto :Pg. Ibni Pg. Haji Hidup,
Hernie Suliana Haji Othman

dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri dijunjung dan dialu-alukan oleh Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin dan Datin berserta pegawai-pegawai kanan PDB sambil diiringi trumpet 'Fanfare' sebagai memberi kehormatan dan mengalu-alukan keberangkatan.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Timbalan Inspektor Jeneral Polis Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran

Salleh Ab Rahaman, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Juga berangkat Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani beserta kerabat diraja yang lain.

Sejurus keberangkatan tiba di Dewan Assarraa, kumpulan koir anggota-anggota PDB menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' yang diiringi oleh pancaragam PDB dan disusuli dengan laungan tiga kali 'Daulat Kebawah Duli Tuanku'.

Dalam majlis itu, baginda berkenan menerima junjung ziarah pegawai-pegawai dan ahli-ahli pangkat rendah PDB diikuti acara kemuncak iaitu memotong kek yang disebarkan oleh PDB ke hadapan majlis bagin-

da dengan diiringi koir 'Selamat Hari Keputeraan' dan seterusnya berkenan pula menerima pesambah dari Pesuruhjaya Polis, ia merupakan satu set 'Miniature' aksesori sukan polo.

Baginda juga selaku Inspektor Jeneral, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri bersama ahli-ahli kerabat diraja yang lain dihiburkan dengan persembahan pentas oleh anggota-anggota PDB.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Lagu Kebangsaan sekali lagi dinyanyikan bagi menandakan berakhirnya majlis pada malam itu diikuti dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menandatangani 'signature slip' keberangkatan.

PDB ditubuhkan secara rasminya pada 1 Januari 1921 lalu, PDB telah terus maju dan berkembang sambil menjadi ahli dan menganggotai kepada ASEAN-APOL dan INTREPOL selain dari menghantar beberapa orang pegawai dan anggotanya sebagai pemerhati keamanan di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

EKONOMI



MENTERI Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman ketika merasmikan Kongres Insurans Aslan Timur (EAIG) Ke-23 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

Insurans penting pelbagai ekonomi

Oleh: Samle Haji Jait samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, Isnin, 31 Julai. - Negara Brunei Darussalam giat berusaha menjadikan industri insurans negara dan komponen sektor kewangan yang lain sebagai komponen penting dalam usaha mempelbagaikan ekonomi.

Oleh itu beberapa undang-undang untuk mengawas dan mengawal kegiatan insurans iaitu Perintah Insurans 2006 dan Peraturan Insurans 2006 telah diperkenalkan.

"Undang-undang yang diperkenalkan pada Mac itu adalah sebahagian daripada usaha Kementerian Kewangan bagi meningkatkan pengawasan sektor berkenaan selaras dengan aktiviti yang dilaksanakan di peringkat antarabangsa," jelas Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman ketika merasmikan Kongres Insurans Aslan Timur (EAIG) Ke-23 di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Yang Berhormat berkata, undang-undang yang dikuatkuasakan untuk perniagaan perlindungan nyawa dan am itu juga untuk memastikan syarikat insurans tempatan berada di posisi kewangan kukuh demi memastikan pemegang polisi diberi perlindungan secukupnya.

Melalui langkah itu, kata Yang Berhormat orang ramai diharap akan dapat menjadikan insurans sebagai komponen penting di dalam rancangan kewangan jangka panjang mereka bagi tujuan keselamatan dan pelaburan.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan insurans memainkan peranan penting dalam industri perkhidmatan kewangan bagi menyediakan perlindungan insurans yang menjadi teras amat penting memastikan kewujudan berterusan perniagaan yang mengharapakan perkhidmatan itu.

"Beberapa tahun kebelakangan ini, dunia telah dilanda malapetaka alam dan buatan manusia seperti gempa bumi dan ketegangan geopolitik yang semakin meningkat yang menyebabkan kehilangan harta benda dan nyawa," menurut Yang Berhormat lagi.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat menyeru syarikat insurans serantau dan dunia meningkatkan lagi struktur dan keupayaan kewangan mereka bagi memastikan keperluan pelanggan dijaga sekiranya berlaku

perkara-perkara yang tidak diingini itu.

Menyentuh tema kongres iaitu Insurans Asia Timur di Persimpangan Pertumbuhan dan Keuntungan, Menteri Kewangan Kedua berkata, ia amat sesuai kerana industri berkenaan telah menghadapi ekonomi dunia yang semakin mencabar dari segi kenaikan harga tenaga dan komoditi yang tidak menentu, risiko penyakit pandemik seperti SARS dan selesema burung serta meningkatnya konflik.

Justeru pihak penguat kuasa peraturan dan pakar industri insurans terus bekerjasama untuk memastikan matlamat industri itu dapat dikecapi.

Beliau berharap kongres itu dapat memberikan jawapan kepada persoalan yang timbul supaya industri berkenaan menghadapi cabaran itu serta mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menghadapi risiko di dalam keadaan dunia yang semakin berubah.

Kongres selama dua hari itu dihadiri lebih dari 900 orang delegasi industri insurans Asia dan Barat yang antara lain bertujuan bagi berkongsi pengalaman serta maklumat mengenai isu-isu

yang berkaitan dengan industri berkenaan.

Sementara itu, pada kertas kerja bertajuk 'Cabaran Pengawasan Industri Insurans di Dalam Pasaran Ya. Mempunyai Insurans Konvensional dan Takaful' telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah Institusi Kewangan, Kementerian Kewangan, Awang Haji Mohd Roslan bin Haji Mohd Daud.

Beliau antara lain menjelaskan insurans takaful yang mula bertapak di negara ini sejak beberapa tahun lalu kini menunjukkan pertumbuhan positif dengan memberi persaingan kepada industri insurans konvensional.

Katanya, industri insurans takaful terus maju dan bersaing dalam industri insurans global tetapi secara am masih lagi berada pada tahap pertumbuhan awal berbanding insurans konvensional yang lebih lama berada di pasaran.

"Infrastruktur undang-undang dan pengawasan yang sewajarnya untuk mengawal aktiviti yang dijalankan dalam industri itu adalah antara keperluan dalam industri insurans takaful," jelas Yang Berhormat.

TDC perkenal sikap menabung

Oleh: Aliddin Haji Mokhtal aliddin.mokhtal@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Julai. - Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) memperkenalkan Skim Simpanan Tetap 'Sijil Simpanan TAIB (TDC)' sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60.

Pelancaran TDC diadakan di ibu pejabat TAIB di ibu negara disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd. Hussein yang juga selaku Pengerusi TAIB.

Turut hadir Pengarah Urusan TAIB, Pengiran Datin Paduka Hajah Urai binti Pengiran Ali.

TDC diperkenalkan bagi menanam sifat menyimpan seterusnya membentuk kesedaran pelanggan bank ke arah perancangan kewangan sejajar dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Hari Keputeraan baginda pada 15 Julai yang lalu dengan menyentuh mengenai kenaikan mata gaji khas kakitangan kerajaan.

TDC adalah simpanan jangka pendek mematuhi Syariah bagi tempoh satu hingga tiga tahun berdasarkan konsep Al-Mudharabah iaitu perkongsian keuntungan dalam mata wang Brunei.

TDC ditawarkan kepada orang ramai bagi memulakan perancangan kewangan mereka dengan simpanan serendah \$100.00 bagi setiap sijil yang bertindak sebagai alternatif kepada simpanan.

Penyemakan siri baru akaun negara

Oleh: Zahrani Haji Bojeng, Maslina Awang Kurus

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Ogos. - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) telah melaksanakan 'Pelan Tindakan Bagi Memperbaiki Perangkaan Akaun Negara Brunei Darussalam' dengan membuat penyemakan siri akaun negara, khususnya anggaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Penyemakan sesuatu siri perangkaan adalah prosedur biasa yang dikenalal oleh negara-negara bagi mengekalkan siri masa yang konsisten,"

jelas Haji Awang bin Haji Mat Daud, Pemangku Ketua Pengarah JPKE dalam satu Sidang Media berlangsung di bangunan JPKE, di sini.

Menurutnya, siri baru KDNK pada harga semasa bagi tahun 2005 dianggarkan berjumlah B\$15.9 bilion berbanding dengan B\$9.8 bilion berdasarkan siri terdahulu.

Beliau menjelaskan, perbezaan ini banyak disebabkan oleh pembetulan yang telah dibuat dalam siri KDNK baru dan bukan semata-mata disebabkan



PEMANGKU Ketua Pengarah JPKE, Haji Awang bin Haji Mat Daud berucap di Sidang Media di JPKE. - Foto: Pg. Ilni Pg. Haji Hidup.

oleh perubahan dalam KDNK.

Tambahnya, pembaikan tersebut merangkumi liputan data yang lebih menyeluruh terutama bagi sektor swasta, penyerapan sumber data baru, kaedah yang diperbaiki bagi membuat anggaran dan penggunaan dua pendekatan berlainan dalam penyusunan KDNK.

Anggaran KDNK yang baru ini katanya, digunakan sebagai anggaran rasmi bagi menggantikan anggaran terdahulu di mana siri KDNK bagi tahun 2000 - 2005 akan dikeluarkan melalui penerbitan Akaun Negara Tahunan yang menggunakan tahun 2000 sebagai tahun asas.

Beliau menambah, anggaran KDNK disediakan

kan pada harga semasa dan harga tetap mengikut aktiviti ekonomi menggunakan 'pendekatan pengeluaran' dan mengikut komponen pembelanjaan akhir yang digelar sebagai 'pendekatan pembelanjaan'.

Jelasnya, ini adalah kali pertama pendekatan perbelanjaan digunakan dalam penyusunan KDNK bagi Negara Brunei Darussalam.

"Penemuan penting dari siri KDNK bagi tahun 2000-2005 ialah: KDNK tahun 2000 bagi Negara Brunei Darussalam dianggarkan berjumlah B\$10.3 bilion pada harga semasa dan meningkat kepada B\$15.9 bilion dalam tahun 2005 di mana sektor minyak menyumbang kira-kira 57 peratus kepada KDNK," ujarnya.

Pemangku Ketua Pengarah menerangkan, sektor bukan minyak meliputi 43 peratus disumbangkan oleh sektor kerajaan dan sektor swasta sebanyak 28 peratus, manakala KDNK mengikut pendekatan perbelanjaan menunjukkan eksport barangan dan perkhidmatan menyumbang sebanyak 68 peratus kepada jumlah KDNK.

Dari tahun 2000 hingga 2005 tambahannya, ekonomi telah berkembang dalam nilai sebenar pada kadar purata sebanyak 2.0 peratus setahun, di mana sektor minyak meningkat sebanyak 3.6 peratus se-

tahun, manakala per kapita KDNK pada harga semasa meningkat dari B\$31,800.00 dalam tahun 2000 kepada B\$42,900.00 dalam tahun 2005.

KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran.

KDNK juga adalah konsep perakaunan negara dan berbeza dari istilah perakaunan perusahaan bagi 'pendapatan' atau 'keuntungan'.

Juga hadir pada Sidang Media itu Timbalan Ketua Pengarah JPKE, Dayang Hajah Rosni binti Haji Tungkat; Pengarah Perangkaan Dr. Hajah Fatimah binti Haji Abdul Hamid dan Pegawai Perangkaan Kanan, Dayang Maria binti Haji Yahya.

TAIB beri kemudahan pelanggan TelBru

Oleh: Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor fatimah.noor@information.gov.bn

BERAKAS, Jumaat, 5 Ogos. - Para pelanggan Telekom Brunei Berhad (TelBru) kini boleh membuat pembayaran bil-bil mereka sama ada melalui kaunter, debit terus atau mesin-mesin juruwang automatik (ATM) di cawangan-cawangan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

Majlis menandatangani Memorandum Perjanjian bagi membolehkan kedua-dua pihak menyediakan kemudahan kepada para pelanggan telah berlangsung di Ibu Pejabat TelBru di sini.

Memorandum itu telah dimeterai oleh wakil Pengarah Urusan TelBru, Dayang Hajah Norliha binti Haji Abu Bakar dan Pengarah Urusan TAIB,

Pengiran Datin Paduk Hajah Urai binti Pengiran Ali.

TAIB merupakan institusi kewangan pertama yang menerima kemudahan pembayaran bagi bil-bil TelBru yang mana sebelum ini TelBru telah menyediakan kemudahan pembayaran di kaunter-kaunter TelBru di beberapa buah pejabat pos.

TelBru mempunyai 11 buah pusat urus niaga manakala TAIB mempunyai enam cawangan di seluruh negara.

Dengan kemudahan yang disediakan itu, pelanggan-pelanggan TelBru dan TAIB kini dapat menikmati satu lagi kaedah pembayaran yang mudah dan selesa.

Pemeriksaan tanda harga barang

JABATAN Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) akan mengadakan pemeriksaan mengejut ke gedung perniagaan dan kedai-kedai mulai dari 12 Ogos 2006 untuk memastikan dan memantau tanda harga barangan yang dipamerkan. Pemeriksaan ini adalah juga sebagai susulan kepada pemeriksaan 'routine' yang sentiasa dilaksanakan.

Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan peruntukan di bawah Perintah Kawalan Harga (Tanda Harga), Akta Kawalan Harga Penggal 142 dipatuhi.

Perintah Kawalan Harga (Tanda Harga), Seksyen (5) Akta Kawalan Penggal 142 menghendaki bagi barangan yang dijual dipamerkan tanda harga. Kegagalan mematuhi peruntukan ini adalah menjadi kesalahan dan jika sabit kesalahan boleh dijatuhkan hukuman.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk menghadapkan maklumat mana-mana gedung perniagaan dan kedai-kedai yang tidak mempamerkan tanda harga dengan menghubungi JPKE hotline 2230223 pada waktu bekerja.



SIDANG Media bersama wakil-wakil media mengenai pelan tindakan memperbaiki perangkaan akaun negara. - Foto: Pg. Ilni Pg. Haji Hidup.

SUKAN

Mendengar taklimat Sukan Arafura

Oleh : Maslina Awang Kurus

JALAN KEBANGSAAN, Rabu, 9 Ogos.- Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud menerima kunjungan delegasi dari Wilayah Utara Australia berhubung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Delegasi tersebut diketuai oleh Ketua Menteri Wilayah Utara Australia yang juga Menteri Perhubungan Asia dan Perdagangan Wilayah Utara, Tuan Yang Terutama Clare Martin.

Dalam kunjungan itu, perwakilan tersebut menyampaikan taklimat kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai 'Sukan Arafura' yang merupakan pertandingan dua tahun sekali di Wilayah Utara Australia.

Tuan Yang Terutama Clare Martin juga menjemput atlet-atlet negara ini untuk menyertai sukan tersebut yang akan berlangsung pada Mei 2007 nanti.

Sukan Arafura 2007 menjanjikan pertandingan 23 acara yang menyeronokkan di gelanggang-gelanggang bertaraf antarabangsa, di samping menyediakan laluan ke Kejohanan Asia Pasifik.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mendengar taklimat mengenai Sukan Arafura. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Richard Leong Chee Hong juara golf HSBC

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

JERUDONG, Ahad, 13 Ogos.- Richard Leong Chee Hong muncul sebagai juara bagi kategori gross terbaik Hongkong dan Shanghai Bank Corporation (HSBC) 2006 bagi Kejohanan Golf Sedunia yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club di sini.

Dengan kemenangan itu, beliau membawa pulang dua VIP pakej menonton Perlawanan Golf Sedunia HSBC di Wentworth, United Kingdom yang bermula pada 14 dan 17 September depan.

Pakej yang dimenangi itu termasuk dua tiket pergi dan balik, tempat penginapan HSBC Hexagon Suite.

Haji Amir bin Haji Osman dan Daisy Chee, masing-masing muncul sebagai juara dalam bahagian nett terbaik lelaki dan perempuan.

Kedua-duanya menerima hadiah satu pakej untuk menonton Kejohanan Golf HSBC di Shanghai.

Seramai 130 peserta telah mengambil bahagian dalam Kejohanan Golf Sedunia anjuran tahunan HSBC.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat ketika menyampaikan hadiah kepada Richard Leong Chee Hong yang muncul sebagai juara bagi kategori gross terbaik Hongkong and Shanghai Bank Corporation (HSBC) 2006 bagi Kejohanan Golf Sedunia yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club di sini. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam kejohanan itu telah disempurnakan oleh Menteri Perindustrian dan

Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat.

16 pasukan layak masuki pusingan ketiga Piala Liga

Oleh : Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, Ahad, 13 Ogos.- Sebanyak 16 buah pasukan sudah mengesahkan layak mara ke pusingan ketiga Liga Kebangsaan bagi merebut Piala Liga 2005 - 2006 selepas melepasi halangan lawan masing-masing pada pusingan pertama dan kedua.

Pasukan Wijaya FC menjadi pelengkap 16 buah pasukan layak mara ke pusingan ketiga Piala Liga 2005 - 2006 selepas menumpaskan pasukan Penjara FC 4 - 1 pada satu perlawanan menarik di Kompleks Sukan Berakas, di sini.

Kemenangan pasukan berstatus juara itu diperolehi menerusi sentuhan bekas penyerang kebangsaan, Suni Mat Jerah yang berjaya membuka tirai jaringan minit ke-8 dan Murhafiz Ahad turut menceriaikan Pengurusnya, Pengiran Muslimin selepas berjaya menambah jaringan kedua di minit 33.

Pasukan Penjara yang berjaya bangkit memberi

saingan menarik dengan Md. Shaeruddin bijak menyempurnakan sentuhan jaringan untuk merapatkan jurang gol minit ke-41.

Bagaimanapun, pasukan Penjara melalui malam malap apabila Suni Mat Jerah menambah jaringan minit ke-75 sebelum Md. Hamdani melengkapkan jaringan penuh bergaya Wijaya FC ketika empat minit sebelum tamat perlawanan.

Pada pusingan ketiga nanti, pasukan QAF FC akan menentang pasukan Perkasa, Jerudong FC akan berdepan dengan pasukan Majra FC, sementara pasukan Kota Ranger pula bakal menguji kehebatan pasukan NBT FC.

Perlawanan ketiga juga akan menyaksikan pertemuan dua pasukan sederah, Kamudi FC menentang pasukan March United sebelum pasukan Sengkuring FC berdepan dengan pasukan Kasuka FC.

Pertemuan AH United dengan AM Gunners di-

jangka paling menarik dengan menjanjikan persaingan penuh debaran sambil Wijaya FC dilihat tidak akan terhalang kemaraan mereka apabila berdepan dengan pasukan Bandaran KB.

Sementara itu, pasukan Brunei Shell FC pula akan menentukan nasib mereka apabila bertemu dengan sebuah lagi pasukan pilihan, MS ABDB.

Sebanyak 36 buah telah bersaing menerusi fasa pertama dan kedua pada perlawanan sistem kalah mati bermula pada 2 Ogos lalu.

Lapan pasukan terbaik Perdana Satu - QAF FC, AH United, ABDB, Wijaya FC dan NBT dan tiga lagi pasukan teratas Perdana Dua - Majra FC, March United dan Sengkuring FC telah diletakkan untuk beraksi pada pusingan kedua secara automatik.

Perlawanan suku akhir dijadual pada pertengahan bulan, di separuh akhir dijadualkan pada 19 September dan perlawanan akhir pula dijangka akan dilangsungkan pada 22 September depan.

JUARA ... Penjara 'B' merangkul Piala Milo selepas menjuarai Karnival Bola Sepak 5 Orang Sepasukan di Padang Mengliat. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim (kanan).

BERPESTA ... Para pemain Penjara 'B' meraikan kejuaraan mereka selepas memenangi perlawanan akhir menewaskan Ikatan Belia Kiarong 3 - 0. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim (bawah).

Pasukan Penjara 'B' rangkul bola sepak Piala Milo

Oleh : Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

GADONG, Ahad, 13 Ogos.- Pasukan Penjara 'B' yang tidak menghadapi banyak rintangan untuk tampil juara Karnival Bola Sepak 5 Orang Sepasukan Kebangsaan dengan menjuarai Piala Milo 2006 selepas menumpaskan pasukan Ikatan Belia Kiarong 3 - 0 di Padang Mengliat, di sini.

Pegawai Pentadbir Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohd. Sofian bin Basri hadir menjadi tetamu kehormat perlawanan akhir dan menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Pasukan Penjara 'B' merangkul Piala Milo dan menerima wang tunai \$500.00 dan piala iringan sambil pasukan Ikatan Belia Kiarong menerima

wang tunai sebanyak \$300.00 dan piala iringan, manakala pasukan Kilanas yang menduduki tempat ketiga merangkul hadiah \$200.00 bersama piala iringan.

Sebanyak 31 buah pasukan seluruh negara menyertai kategori terbuka bersaing hebat pada kejohanan anjuran Majlis Perundingan Kampong Kilanas dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Pada kategori U16 tahun menyaksikan pasukan Seri Tanjong berjaya membuktikan mereka jaguh dengan menewaskan lapan pasukan lain.

Kejayaan pasukan membolehkan mereka menerima hadiah sebanyak \$300.00 dan piala iringan

selepas berjaya menumpaskan pasukan PRG menerusi sepakan penalti 4 - 3.

Pasukan naib juara, PRG menerima hadiah sebanyak \$200.00, sementara pasukan 'South Park' pemain muda Kawasan II Perpindahan Lambak Kanan pula berpuas hati menduduki tempat ketiga.

Selain menampilkan potensi permainan bola sepak, kejohanan yang mendapat sambutan pengembara bola sepak tanah air itu juga menjadi salah satu atur cara bagi memeriahkan lagi sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60.



Amalkan memakan makanan yang sihat

BERAKAS, Ahad, 20 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha menyeru semua lapisan masyarakat di negara ini supaya mengamalkan sikap memakan makanan yang sihat terutama golongan kanak-kanak dan belia.

Amalan sedemikian itu, titah baginda akan membantu dalam membangunkan generasi baru yang sadar terhadap kesan-kesan pemakanan ke atas kesihatan mereka.

Di samping itu, amalan memakan makanan sihat ini juga penting tegas baginda, kerana penyakit-penyakit jantung yang masih menjadi penyebab banyak kematian di negara ini adalah punca penyakit yang berkaitan dengan soal pemakanan yang tidak seimbang.

Titah baginda, pemakanan sihat adalah asas kepada kehidupan yang sihat, bersama dengan senaman yang mencukupi dan aktiviti-aktiviti riadah untuk seluruh keluarga.

Baginda bertitah demikian di Majlis Penyampaian Hadiah bagi Pameran Urusan Rumah Tangga sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 anjuran Persatuan PERTIWI. Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Keberangkatan tiba baginda di majlis itu, telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Pengerusi Bersama Pameran Urusan Rumah Tangga 2006, Datin Hajah Fatimah binti Dato Seri Setia Haji Abang Razali dan Datin Hajah Siti Hajar binti Pehin OKSS Dato Paduka Haji Mohd. Yusoff serta ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Di majlis itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah melahirkan rasa gembira kerana pihak penganjur telah menyediakan pelbagai pertunjukan yang menghayati budaya kita serta memberi tekanan terhadap isu-isu mengenai pemeliharaan rumah tangga yang sempurna.

Oleh: Zabaidah Haji Salat
zabaidah.salat@information.gov.bn
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

Baginda juga gembira melihat upacara tahun ini yang termasuk pertunjukan adat-adat perkahwinan orang Brunei, di samping pameran dan pertunjukan set makanan sihat dan cara pemakanan sihat.

Pameran Urusan Rumah Tangga tahun ini berkonsepkan moden dan tradisi yang dihasratkan untuk meningkatkan keprihatinan kaum wanita terhadap cabaran cara hidup moden serba canggih dalam dunia 'IT', terutama sekali dalam mempertahankan cara hidup serta adat resam orang-orang Melayu Brunei yang penuh dengan nilai-nilai murni yang perlu diturunkan kepada generasi sekarang dan yang akan datang.

Terdahulu sebelum itu sembah ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengerusi Bersama Majlis, Datin Hajah Siti Hajar.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya telah berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah kepada pemenang-pemenang terbaik bagi kategori-

kategori yang dipertandingkan. Baginda juga telah berkenan menerima pesambah yang disembahkan ke hadapan majlis baginda oleh Pengerusi Bersama Pameran Urusan Rumah Tangga 2006, Datin Hajah Fatimah.

Bagi memberkati majlis, doa selamat telah dibacakan oleh Ustazah Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani.

Sebelum meninggalkan majlis, baginda dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain dijunjung menyaksikan persembahan 'Adat Perkahwinan Lama Masyarakat Melayu Brunei' dan pelbagai pameran urusan rumah tangga.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan menyaksikan Pameran Urusan Rumah Tangga 2006 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas. - Foto: Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

Sambutan Israk Mikraj di Istana Nurul Iman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar binti Hakim

Mazhar serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berangkat bagi sama-sama menyemarakkan sambutan sempena Israk dan Mikraj yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah,

Oleh: Zabaidah Haji Salat
zabaidah.salat@information.gov.bn
Siti Muslihat Haji Salleh
muslihat.salleh@information.gov.bn

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani serta cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widadul Bolkiah serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bermula dengan bacaan Al-Qur'an oleh qariah tempatan Dayang Hajah Aminah binti Haji Abdul Manaf.

Acara kemuncak majlis ialah ceramah khas agama yang disampaikan oleh seorang penceramah dan perunding motivasi undangan dari Malaysia, Ustazah Siti Norbahyah binti Mahmud.

Ceramah yang bertajuk 'Rahsia Di Sebalik Israk Mikraj' pada keseluruhan nya mengisahkan kisah Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidil haram di Mekah ke Masjidil aqsa di Palestin dan telah dimikrajkan ke langit menuju Sidratulmuntaha.

Penceramah undangan juga telah menghuraikan sedikit sebanyak kejadian kejadian aneh yang telah baginda Rasulullah salsalam yang menunjukkan kelakuan-kelakuan aneh, masing-masing mempamerkan balasan dan seksa yang diterima atas dosa dan kesalahan yang telah dilakukan semasa di bumi termasuk perempuan dan wanita-wanita yang ingka kepada suami dan sebagainya.

Di akhir majlis, doa selamat dibacakan oleh isteri Mufti Kerajaan Datin Hajah Maznah. Antara yang berangkat dan hadir termasuklah para isteri Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, isteri-isteri perwakilan dari negara-negara sahabat pegawai kanan wanita perwakilan dari pelbagai persatuan wanita di negara ini serta isteri-isteri pegawai-pegawai kanan kerajaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar berserta ahli-ahli kerabat diraja yang lain semasa berangkat di Majlis Sempena Sambutan Israk dan Mikraj yang berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

DPMN berkenan menerima mengadap



Oleh: Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Nan Sy, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik berlangsung di Istana Nurul Iman (gambar kiri).

TYT Nan Sy telah menyebarkan Surat Tauliah Perlantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 29 Mei yang lalu.

Turut hadir di Majlis Mengadap tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail.

مهاسيسوا مهاسيسوي برعلمو اساس ممفرتيغتكتن داي سايغ بقسا
MAHASISWA MAHASISWI BERILMU ASAS MEMPERTINGKATKAN DAYA SAING BANGSA

دتریتکن اوله جیاتن فتراغن، جیاتن فردان منتري دان دجیتق اوله جیاتن فرچیتقن کراجان، جیاتن فردان منتري، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Ditetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba & Penyelamat

995

Mencari & Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Talian Kebajikan

141

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat
(udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Selesema Burung

8984777

8985777

JADIKAN PRODUK HALAL SEBAGAI WADAH MEMPELBAGAIKAN EKONOMI

Berita dan Foto : Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, Isnin, 7 Ogos.- Perkhidmatan dan pengeluaran produk halal boleh dijadikan strategi kepada kemajuan industri perniagaan tempatan sekali gus sebagai wadah utama dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara.

Peluang untuk menerokai sektor halal juga sangat berpotensi memandangkan relevannya kepada negara ini yang berfalsafahkan negara 'Melayu Islam Beraja' melihat kepada perangkaan statistik dunia yang menunjukkan pasaran produk halal secara keseluruhan bernilai US\$560 bilion, manakala nilai pasaran bagi sektor makanan pula mencecah US\$160 bilion.

Pengurus Zainab Utama Enterprise, Dayang Hajah Zainab binti Haji Zainal Abidin percaya langkah kerajaan mengorak langkah untuk menjadi penggerak utama dalam sektor halal merupakan usaha yang bijak sekali gus menunjukkan komitmen tinggi negara kepada pengeluaran dan pengiktirafan makanan halal di negara ini mahupun produk-produk yang diimport ke negara ini.

"Ekspo ini merupakan peluang buat pengusaha-pengusaha tempatan untuk menubuhkan rangkaian dan mengeratkan perhubungan serta melebarkan peluang-peluang perdagangan," jelasnya kepada Pemberita PELITA BRUNEI pada Ekspo Produk Halal Antarabangsa 2006 di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Katanya, selain memamerkan produk-produk halal, para peniaga tempatan juga berpeluang untuk mempamerkan keluaran produk tempatan yang sangat bermutu dan terjamin kehalalannya sekali gus memberi persaingan produk-produk luar negara.

Beliau mengakui terdapatnya cabaran-cabaran yang hebat untuk menem-



"PENGGUNA Nestle di negara ini boleh menggunakan jenama ini tanpa was-was," Pengarah Penjualan Nestle bagi Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam, Ganesan R. Ampalavanar.

busi pasaran luar negara tetapi yakin produk tempatan yang mementingkan ciri-ciri halal juga sudah berjaya berada di pasaran



PENGURUS Zainab Utama Enterprise, Dayang Hajah Zainab binti Haji Zainal Abidin ... Bangga usaha kerajaan mengorak langkah untuk menjadi penggerak utama sektor halal.

antarabangsa.

Pengarah Penjualan Nestle bagi Malaysia, Republik Singapura dan



"EKSPLO dan Pameran Produk Halal Antarabangsa menjadi landasan kepada semua pengguna untuk meningkatkan fahaman mengenai pentingnya produk halal," ... Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, TYT Syed Haider Jawad.

Negara Brunei Darussalam, Ganesan R. Ampalavanar pula melahirkan rasa bangga kepada Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang sangat mementingkan keprihatinan pengguna-pengguna terutama penduduk dan rakyat Brunei yang majoritinya beragama Islam.

Katanya, Syarikat Nestle telah bertapak di Negara Brunei Darussalam sejak 1935 dan merupakan syarikat yang pertama sekali mendapat sijil halal dari Kerajaan Malaysia.

"Dengan meningkatkan pengetahuan dan kepentingan halal, saya menjamin semua pengguna Nestle di negara ini boleh menggunakan jenama ini tanpa was-was," jelasnya.

Beliau mengakui, Nestle menganggap Negara Brunei Darussalam meru-



PENGURUS Am Produksi Ayamas, Azami Mustafa memastikan produknya memenuhi keperluan permit halal untuk dipasarkan di negara ini.

pakan satu pasaran yang penting di kawasan Asia Tenggara sehingga pihaknya membuka satu pejabat yang beroperasi sepenuh masa di sini.

Katanya, selain mengadakan urusan niaga di negara ini, Nestle juga berusaha untuk merapatkan pengguna tempatan menerusi sambutan, aktiviti dan promosi yang berunsurkan suasana tempatan.

Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Syed Haider Jawad pula melahirkan rasa bangga dengan pameran halal antarabangsa yang membuktikan usaha berbilang-sungguh Kerajaan Negara Brunei Darussalam untuk mempromosi makanan halal.

"Saya yakin langkah ini

menjadi landasan kepada semua pengguna untuk meningkatkan fahaman mengenai pentingnya produk halal sebagai makanan, minuman dan pakaian seharian," ujar Tuan Yang Terutama.

Tuan Yang Terutama juga melahirkan rasa gembira di atas peluang yang diberikan kepada Pakistan untuk sama-sama memamerkan produk-produk halal keluaran negaranya yang juga mendapat sambutan menggalakkan di negara ini.

Pengurus Am Produksi, Azami Mustafa menjelaskan, pihaknya telah memenuhi ketetapan kelulusan pengimportan jenama produk Ayamas ke negara ini.

"Dua pegawai agensi yang berkaitan dari Negara Brunei Darussalam telah datang ke syarikat ini bagi memastikan semua prosedur kehalalan pengimportan terjamin sebelum di hantar ke Negara Brunei Darussalam," jelasnya.

Katanya, produk Ayamas merupakan kilang pertama mendapat permit halal dari Negara Brunei Darussalam sejak 1993.

Beliau melahirkan rasa gembira di atas usaha Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang mementingkan produk halal sebagai ciri utama dalam pasaran terutama sudut pemakanan.



GAMBAR HIASAN ... Produk-produk tempatan juga boleh menyaingi produk-produk makanan dari luar negara.



GAMBAR HIASAN ... Hasil keluaran tempatan juga bermutu dan terjamin kehalalannya dan ianya menepati cita rasa pengguna di negara ini.

SEKTOR PERTANIAN MENYUMBANG KEPADA EKONOMI NEGARA

TEMBURONG, Khamis, 27 Julai. - Sejak lima tahun kebelakangan, sektor pertanian telah memberikan sumbangan output kasar yang positif dan signifikan kepada ekonomi negara iaitu sumbangan di antara dua peratus ke tiga peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Sumbangan ini menunjukkan pertumbuhan yang positif daripada B\$160 juta dalam tahun 2001 kepada B\$216.60 juta dalam tahun 2005.

Pengarah Pertanian, Pengiran Hajah Mariana binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin menjelaskan perkara itu di Majlis Pelancaran Pesta Agri-Makanan 2006 bagi Daerah Temburong yang berlangsung di kawasan Pejabat Kemajuan Pertanian Puni, Daerah Temburong di sini.

Teks ucapan beliau, dibacakan oleh wakil peribadinya Dayang Hajah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri.

Menurut beliau, pengeluaran komoditi-komoditi pertanian pada tahun 2005 menunjukkan bahawa Daerah Temburong telah menghasilkan sebanyak 23.5 peratus dari keseluruhan buah-buahan tempatan dan 46.8 peratus keperluan beras tempatan di seluruh negara.

"Pengeluaran beras tempatan di Daerah Temburong ini adalah yang tertinggi di antara keempat-empat daerah dan berpotensi untuk dipertingkatkan," ujarnya.

Beliau seterusnya berkata, di antara kawasan-kawasan padi yang sedang, telah dan akan diusahakan di Daerah Temburong ialah kawasan Lekiu Peradayan, kawasan Selapon dan kawasan Senukoh yang berkeluasan keseluruhannya ialah 1,160 hektar dan jika diusahakan secara optimum akan boleh menampung 10 peratus daripada keperluan

beras negara.

Selain daripada padi, katanya, Daerah Temburong juga berpotensi bagi pembangunan sektor lain seperti buah-buahan.

"Kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti untuk dimajukan bagi komoditi buah-buahan ialah Labu Estate 100 hektar, Bekarut 118 hektar, Selapon 80 hektar dan Selangan seluas 37 hektar



TEKS ucapan Pengarah Pertanian, Pengiran Hajah Mariana dibacakan oleh Dayang Hajah Suria Hayati selaku wakil peribadi.



WAKIL tetamu kehormat majlis, Dayang Hajah Suria Hayati semasa menyaksikan pameran dan gerai-gerai jualan di majlis yang berlangsung di kawasan Pejabat Kemajuan Pertanian Puni, Daerah Temburong.

Oleh :

Haji Ahmad Haji Salim

ahmad.salim@information.gov.bn

Foto : Ramli Tengah

"KAWASAN-KAWASAN yang telah dikenal pasti untuk dimajukan bagi komoditi buah-buahan ialah Labu Estate 100 hektar, Bekarut 118 hektar, Selapon 80 hektar dan Selangan seluas 37 hektar untuk tanaman sayur-sayuran. Kawasan-kawasan ini juga masih belum diusahakan sepenuhnya."

untuk tanaman sayur-sayuran. Kawasan-kawasan ini juga masih belum diusahakan sepenuhnya," jelas beliau.

Pesta Agri-Makanan 2006 juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah-hadiah terbaik kumpulan pertanian iaitu kumpulan satu bagi produk pertanian dimenangi oleh Ladang KPLB Kampong Meniup;

kumpulan kedua iaitu landskap jatuh kepada Biro Wanita Kampong Piasau-Piasau.

Kumpulan ketiga bagi memproses makanan tradisi dimenangi oleh Dayang Maisalamah binti Haji Kamis, manakala kumpulan empat kategori kraf tangan dimenangi oleh Awang Ramli bin Abdul Wahab, sementara Kumpulan lima



DAYANG Hajah Suria Hayati merasmikan pameran bagi mewakili tetamu kehormat majlis.

dan enam iaitu kuih-kuihan dan pelbagai produk dime-nangi oleh Dayang Saleha binti Haji Jahat.

Tetamu kehormat dan para jemputan hadir menyaksikan pameran dan gerai-gerai jualan, di samping itu beberapa aktiviti juga akan diadakan seperti

ceramah motivasi, taklimat lepas tuai dan teknologi makanan, taklimat tatacara penubuhan koperasi, peraduan melukis dan mewarna dan acara-acara kesihatan seperti senamrobik, sukan ria, kuiz dan acara penganjur serta acara-acara lain.



PEMENANG hadiah-hadiah terbaik kumpulan pertanian juga menerima hadiah masing-masing.



SEBAHAGIAN gerai pameran yang menyertai Pesta Agri-Makanan 2006 yang antaranya, kategori kraf tangan, kuih-muih dan sebagainya.

Pameran Lukisan BJFA 2006

Oleh : Zahrani Haji Bojeng

GADONG, Jumaat, 14 Julai. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud merasmikan Pameran Lukisan anjuran Persatuan Persahabatan Brunei - Jepun (BJFA) sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Pameran memaparkan

hasil kerja seorang pelukis Jepun, Hisako Tanefuso dan beberapa pelukis tempatan termasuk Marsidi bin Omar, Zakaria bin Omar, Suhaili bin Omar, Pengiran Mohd. Roslan bin Pengiran Haji Bakar, Siew Ong, Haji Fadil bin Haji Ahmad, Haji Bidin bin Haji Rashid, Ali bin Haji Abd. Rahim, Haji Mahadi bin Haji Mat Zain, Siti Zaleha binti Kiprawi, Rosmah binti Haji Abd. Rashid, Simpul bin Haji Munap, Awangku Sarikula bin Pengiran Haji Othman, Haji Iskandar bin Haji Ahmad Bujang, Othman

bin Bakir, Pengiran Anak Mohd. Yusof bin Pengiran Anak Haji Sallehuddin, Pengiran Rusnan bin Pengiran Haji Shahbudin, Pengiran Haji Siffin bin Pengiran Haji Yusuf, Zainal bin Haji Mohd. Daud dan Kassim bin Ismail.

Lebih dari 30 lukisan bersirikan 'The World of Maiko' oleh Mas Hisako Tanefuso yang mengagumkan dan lebih dari 30 buah lukisan oleh artis tempatan berlatarbelakangkan pemandangan di negara ini

juga dipamerkan.

Pameran itu diung- kayahkan oleh Persatuan Persahabatan Brunei-Jepun dengan kerjasama McFarm Sendirian Berhad dan Hotel Antarabangsa Rizqun.

Pameran dibuka untuk kunjungan orang ramai secara percuma bermula 15 hingga 29 Julai.

Untuk keterangan lanjut orang ramai boleh menghubungi Sekretaria BJFA di talian 2650117.

Sastera dan Budaya

سستردان بوداي

PENDAHULUAN

EPIK merupakan cerita-cerita mengenai keperwiraan dan kepahlawanan yang ditunjukkan oleh watak dalam sesuatu karya. Keperwiraan dan kepahlawanan yang ditunjukkan oleh tokoh-tokoh menjadikan mereka kebanggaan rakyat sesuatu bangsa.

Menurut Kamus Dewan, (2002:342.) epik merupakan puisi panjang yang menceritakan tentang bakti seseorang pahlawan. Biasanya pahlawan dalam sejarah atau legenda J.A Cuddon (1997:22) mendefinisikan epik sebagai:

"... a long narrative poem, on a grand scale about the deeds of warriors and heroes. It is polygonal 'heroic' story incorporating myth, legend, folktale and history. Epics are often of national significance in the sense that they embody the history and aspirations of a nation in a lofty or grandiose manner."

Epik dilihat sebagai kisah kepahlawanan wira dan para pembantunya dalam mempertahankan negara. Menurut Harun Mat Piah (2004:65).

Epik ialah kisah kepahlawanan dan kegagahan wira yang mempunyai sifat-sifat unggul yang meliputi fizikal dan mental, ketampanan wajah dan budi luhur yang menjadi simbol keagungan bangsa atau puak yang melahirkan dan mewarisi karya berkenaan.

Dari keterangan di atas, mengemukakan rentetan peristiwa atau gambaran yang dipusatkan kepada watak tertentu yang mempunyai rentetan peristiwa yang dianggap penting dalam perjalanan sejarah bangsa yang melahirkan epik tersebut. Dalam kajian ini, kita akan melihat sejauh mana Awang Semaun dianggap sebagai wira sehingga Syair Awang Semaun dianggap sebagai epik bangsa Brunei.

1.1 TAKRIF WIRA

Wira merupakan lelaki yang mempunyai kekuatan dan keberanian yang luar biasa sehingga mereka ini disanjung dan dihormati oleh masyarakatnya. Kehebatan tokoh wira ini menjadikan mereka menjadi legenda dan wira bangsa. Menurut Kamus Dewan, (1989: 1465) wira adalah pahlawan dan lelaki yang dikenali gagah perkasa dan berwibawa.

Mengikut takrifan kamus pula wira adalah seperti berikut:

1. Suatu nama (dari zaman kuno) yang diberikan kepada lelaki yang mempunyai kekuatan, keberanian atau kebolehan ajaib, disayangi oleh para dewa dianggap kemudian sebagai separuh tuhan dan abadi.

2. Seseorang yang melaksanakan kerja-kerja yang berani dan juga biasa, seorang pahlawan yang masyhur.

3. Seorang lelaki yang memperlihatkan keberanian, ketegasan yang luar biasa atau mempunyai jiwa yang besar, berhubung dengan apa juga perlakuan, baik yang pekerjaan ataupun perusahaan; seorang lelaki yang disanjung dan dihormati kerana kejayaan-kejayaan dan mutu kemuliaannya.

4. Seorang lelaki yang menjadi bahan untuk penulisan sebuah epik; watak lelaki utama dalam sesebuah puisi, lakonan atau cerita.

Kelahiran wira bangsa memberi gambaran terhadap keagungan bangsa tersebut dengan melihat sumbangan dan jasa tokoh tersebut dijadikan ikutan dan pengajaran kepada masyarakat. Menurut Noriah Taslim (1986:10).

Epik lahir daripada keinginan manusia untuk melahirkan satu imej keperwiraan yang unggul mengikut persepsi akal mereka, di dalam bentuk dan dengan cara yang lebih konkrit.

Jadi, wira itu merupakan seseorang yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri yang berjasa kepada bangsa dan negara sehingga beliau menjadi legenda kepada bangsa tersebut.

Ketokohan Awang Semaun sebagai wira bangsa Brunei dapat dilihat dari tiga aspek iaitu:

- Keperwiraan; ii) Ketokohan; iii) Kebijaksanaan.

1.2 KEPERWIRAAN

Keperwiraan bermaksud, mempunyai keberanian dan kegagahan dalam pertempuran atau dalam peperangan. Wira itu harus mempunyai sifat ketaatsetiaan dan mempunyai keperibadian yang tinggi di samping mempunyai kecerdasan dan keperkasaan menentang musuh negara. Menurut Muhammad Haji Salleh (1999:193).

Wira tradisional mempunyai beberapa sifat antaranya mempunyai keperkasaan, kecerdasan fikiran, kepimpinan, kesetiaan dan keperibadiannya yang baik lagi membawa teladan. Wira ini dilukiskan seperti ditakdirkan untuk hidup hanya untuk berjasa kepada kepentingan tuannya. Bagi pandangan masyarakat lama, wira juga harus melatardepankan bahawa dia tidak hanya harus percaya pada nilai-nilai yang terkandung dalam 'system feudal' itu, bahkan harus mempertahankannya sebagai landas-landas benar dan baik.

Dalam SAS, keperwiraan Awang Semaun semasa mengalahkan musuh-musuh negara dapat dikategorikan kepada dua bahagian:

- Mengalahkan musuh dalam negara.
- Mengalahkan musuh dari luar negara.

1.2.1 MENGALAHKAN MUSUH DALAM NEGARA

Mengalahkan musuh bukanlah perkara yang mudah terutama jika musuh itu berada dalam negara sendiri. Musuh itu sukar untuk dikalahkan kerana ia berada di dalam negara dan sukar pula untuk mengenalinya. Musuh ini perlu ditumpaskan kerana ia merupakan 'duri dalam daging'. Ini juga yang terjadi kepada Hang Tuah terpaksa bertikai dengan Hang Jebat.

Dalam SAS, Awang Semaun dapat mengalahkan musuh dalam negara seperti pertarungan dengan Awang

AWANG SEMAUN SEBAGAI EPIK BANGSA

Jerembak di Bukit Berayong. Kehebatan mengalahkan Awang Jerembak pemimpin di Bukit Berayong yang dikatakan berasal dari kayangan. Kegagahan dan kehebatan senjata Awang Jerembak yang mempunyai lebar sembilan depa boleh memutuskan gunung, meranapkan negeri dan juga menghancurkan gunung. Peperangan Awang Semaun dengan Awang Jerembak memang hebat sehingga apabila menabak Awang Semaun bumi bergegar. Kehebatan peperangan dapat dibayangkan dalam rangkap syair di bawah:

381. Si Jerembak turun seorangnya
lembing sebabak yang dibawahnya
tiada lagi bertanya-tanya
seraya ditabaknya nan keduanya.

382. Ditabaknya dengan lembingnya
basar
sembilan depa lebarnya banar
tatarannya himpas di padang sakar
ditabaknya Semaun bumi bergegar.

383. Bernaung akan bunyinya
seperti guruh di dalam dunia
berhembur jauh dengan kilatnya.
semaun menangkis lepas lembingnya.

384. Lembingnya itu ke Bokok tujunya
di laut Palas itu runduknya
bumi membubur itu rupanya
baku menjadi Tabur namanya.

393. Awang Jerembak dihampirinya
serta ditangkap kedua tangannya
semaun menangkap semua badannya
damang memintal lamak betisnya.

Kehebatan Awang Semaun ketika mengalahkan Si Basiong yang memerintahkan negeri Igan juga terkenal gagah, kebal dan suka mengambil isteri orang. Si Basiong enggan untuk tunduk kepada Awang Alak Betatar, lantaran Awang Semaun bersama Awang Jerembak dan Damang Seri disuruh untuk memerangi Si Basiong. Apabila angkatan Awang Semaun sampai ke negeri Igan, mereka dihujani dengan seluban (buluh runcing) oleh laskar-laskar Si Basiong. Awang Semaun, Awang Jerembak dan Damang Seri pun melawan dengan menggunakan senjata masing-masing iaitu Awang Semaun dengan sumpitan, Awang Jerembak dengan penabak dan Damang Seri dengan pemangkornya sehingga habislah negeri Igan rosak binasa dan rakyat banyak yang mati. Akhirnya Si Basiong tunduk kepada Awang Alak Betatar. Gambaran peperangan antara mereka adalah seperti rangkap syair di bawah:

511. Hari siang sampailah sambat
sekalian bangun panglima lompat
rakyat menabak seluban diangkat
datangnya seperti hujan yang labat.

512. Datangnya tiada lagi berputus
berlaksalah beribu beratus-ratus
rakyat Semaun Panglima Unus
sekalian terkena tiadalah lurus.

514. Semaun merakit tiga sekawan
lalu bersorak rakyat sekalian
bahana datang ke atas awan
bergegar rasanya negeri Igan.

516. Sampai ke gunung terabang puncak

beribu mati rakyatnya banyak
mengambil mengaris Awang
Jerembak
kiri kanan ia menambak.

517. Si Basiong menangis teruhung
dengan Si Tugu berdua orang
inilah baharu mati sekarang
bersesallah aku mempelawa perang.

Kehebatan Awang Semaun mengalahkan musuh-musuhnya seperti Awang Jerembak sehingga tunduk dan sanggup pindah ke negeri Butir. Begitu juga Si Basiong tunduk dan mengaku kalah kepada Awang Semaun setelah tewas dalam peperangan dengan Awang Semaun dan pengikutnya.

1.2.2 MENGALAHKAN MUSUH DARI LUAR NEGARA

Kehebatan Awang Semaun dan pengikutnya dapat mengalahkan ilanun sebanyak tiga kali dalam pertempuran di perairan Labuan, peperangan di Muara Besar dan peperangan di negeri Ilanun (Saba). Peperangan Awang Semaun dengan ilanun di perairan Labuan ketika Awang Semaun pergi bersaur. Ketika hendak pulang ke Brunei, mereka bertembung dengan ilanun yang ketuai oleh Datu Gadang. Angkatan ilanun yang berjumlah seramai 1,080 orang dengan 12 buah perahu itu dapat dikalahkan oleh Awang Semaun. Apabila Awang Semaun menyempit habislah perahu-perahu ilanun itu berpelantingan. Cuma yang dapat melarikan diri ialah perahu Datu Gadang.

Peperangan kali kedua antara Awang Semaun dengan ilanun yang diketuai oleh Datu Merimbun. Angkatan ilanun yang terdiri dari 90 buah perahu juga dapat dikalahkan oleh Awang Semaun dengan bantuan Awang Jerembak dan Damang Seri. Peperangan ketiga ialah dengan ilanun yang bernama dari negeri Saba yang terkenal jahat. Akhirnya negeri Saba dapat dikalahkan dan menghantar berbagai-bagai persembahan ke Brunei. Gambaran tentang peperangan itu dapat dilihat dalam rangkap syair di bawah ini:

272. Lari itu terlalu kapat
berkhabar kepada Papar Membakut
dari Tempasuk ke Sugut
Semaun menyempit bukan berabut.

273. Upasnya itu sangat berjasa
Ilanun Suluk sudah binasa
sakti turunan dari angkasa
upasnya itu terlalu bisa.

565. Fasal bilangan Datu Merimbun
di Cinabatangan ia berhimpun
segala Bajau dan ilanun
akan menangkap rakyat Semaun.

566. Sembilan puluh banyak ceruknya
Negeri Brunei yang ditujunya
di Muara Besar perhentianya
Semaun bersuara itu malamnya.

577. Awang Alak berkata manis suaranya
memanggil adinda kesemuanya
negeri Ilanun sangat jahat.
baiklah langgar sekaliannya.

868. Bajau ilanun sekaliannya rata
semuanya itu membari harta

EPIK ialah kisah kepahlawanan dan kegagahan wira yang mempunyai sifat-sifat unggul yang meliputi fizikal dan mental, ketampanan wajah dan budi luhur yang menjadi simbol keagungan bangsa atau puak yang melahirkan dan mewarisi karya berkenaan.

Oleh : Haji Kassim Haji Omar

jikalau ada hendak dipinta
tiada lagi membantah kata.

Kehebatan Awang Semaun mengalahkan musuh dari luar negeri seperti mengalahkan Wang Wangkang (Raja Suluk) yang dibantu oleh Sepanyol dan Manila. Angkatan Wang Wangkang sebanyak 900 buah perahu itu berpelantingan disumpit oleh Awang Semaun. Kehebatan sumpitan Awang Semaun dengan upasnya sebesar Gunung Balambir dan bunyi saja seperti mengempas banir. Cuma yang dapat balik ke negeri Suluk ialah Datu Silipit. Datu Silipit menceritakan kehebatan Awang Semaun, Awang Jerembak dan Damang Seri kepada Raja Suluk. Contoh peperangan ini dapat dilihat dalam rangkap syair di bawah:

2212. Awang Wangkang bermohon lalu keluar
orang menyembah berkampar-kampar
lalu bertitah raja muktabar
Sepanyur Manila aku panggil banar.

2216. Awang Sumping itu jahat perangai
negeri bernama Bandar Brunei
sekalian negeri habis ditunai
bunuh olehmu sebarang sungai.

2243. Tersebut pula Datu Silipit
mulih ke Suluk berdayang singit
berguguran tikar dan lampit,
datang ke negeri membawa sakit.

2244. Naik mengadap lalu menyembah
ampun tuanku Duli Khalifah
habis perahu balah membalah
disumpit Semaun darasnya mudah.

2245. Upasnya basar Gunung Balambir
bunyi seperti mengempas banir
air pun lakap basar selupir
bangkai berkampar hanyut di air.

Kehebatan Awang Semaun, Awang Jerembak dan Damang Seri menjadikan pemimpin-pemimpin yang kalah menjadi pembantu kepada Awang Semaun dalam memperluaskan jajahan takluk Brunei. Ilanun pula menghantar berbagai-bagai persembahan dan menolong membuat mahligai Awang Alak Betatar di Pirasung.

1.3 KETOKOHAN

Ketokohan Awang Semaun sebagai epik bangsa sangat mengagumkan baik di dalam dan luar negara. Ketokohan-nya dalam mengalahkan musuh sehingga musuh tunduk dan menyerah kalah kepadanya. Ketokohan di sini melihat rupa dan bentuk dan sifat seseorang tokoh tertentu. Ketokohan Awang Semaun yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah tentang ketokohan peribadi dalam rupa fizikal dan sifat Awang Semaun.

1.3.1 PERIBADI

Tokoh secara peribadi dalam perspektif sejarah kesusastraan merupakan tokoh-tokoh yang berjaya menaklukkan manusia sekelilingnya sehingga mereka menjadi legenda walaupun mereka masih hidup. Mereka itu juga dianggap wira kerana manusia sezamannya mengiktiraf beberapa syarat dan ciri keperwiraan itu. Ketokohan Hang Tuah yang digambarkan dalam Hikayat Hang Tuah (1975:26).

Ketokohan Awang Semaun dilihat dari segi kekuatan fizikal. Ia mempunyai perahu lumba dengan pengayuh yang luar biasa besarnya. Perahu-perahuanya bernama Surui Palang dan Ikan Temberlang. Panjang kedua-dua perahu itu sepanjang 90 depa, tinggi sembilan depa. Pengayuhnya pula lima pemeluk. Batang pengayuh sebesar gantang besar, sembilan depa lebar daunnya. Kekuatan Awang Semaun ketika mengayuhkan pengayuhnya itu sehingga melentur. Ini dapat dilihat seperti bait-bait syair di bawah:

91. Lima depa besar caruknya
dua depa di menangahnya
sembilan puluh banyak tembukunya
kuasa tidur di atasnya.

94. Himpas mengaris oleknya
rasak bulian akan sangkarnya
tiga puluh depa masuk tembuknya
lalu dihulur kedua buahnya.

Lihat muka 9

AMBIL IKHTIBAR DARI PERISTIWA ISRAK DAN MIKRAJ

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan kepada para nabi dan rasul dengan pelbagai jenis mukjizat. Di antara mukjizat-mukjizat yang telah dianugerahkan itu ialah seperti mukjizat Nabi Musa Alaihissalam membelah Laut Merah dengan tongkat baginda sendiri, mukjizat Nabi Isa Alaihissalam menghidupkan orang mati dan sebagainya. Adapun di antara mukjizat yang telah dianugerahkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam seperti terpancarnya air dari celah-celah jari Baginda, datangnya awan yang berarak memayungi perjalanannya di siang hari yang terik, terbelahnya bulan dan lain-lain lagi. Akan tetapi, di antara mukjizat yang terbesar dan tidak pernah dikurniakan kepada nabi-nabi dan rasul-rasul sebelumnya ialah peristiwa Israk dan Mikraj. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra' ayat 1 yang tafsirnya:

"Maha Suci Allah yang menjalankan hamba-Nya (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) pada malam hari dari Masjidilharam di Mekah ke Masjidilauqa yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya kekuasaan dan kebesaran Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, Lagi Maha Mengetahui."

Israk dan Mikraj ialah peristiwa di mana Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah diisrakkan (diperjalankan) dari Masjidilharam di Mekah ke Masjidilauqa di Palestin dan telah dimikrajkan (dinaikkan) ke langit menuju ke Sidratulmuntaha. Dalam peristiwa tersebut, Baginda telah menyaksikan tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala dan Baginda juga telah diperlihatkan dengan berbagai-bagai kejadian dan peristiwa aneh yang menunjukkan keadaan perilaku manusia dengan balasan-balasan yang bakal mereka terima. Di kemuncak peristiwa inilah Allah Subhanahu Wata'ala telah memfardukan sembahyang lima waktu kepada umat Islam.

Sebagaimana lazimnya, setiap menjelang 27 Rejab, seluruh umat Islam akan merayakan sambutan Israk dan Mikraj dan tidak ketinggalan


DI ANTARA mukjizat-mukjizat yang telah dianugerahkan itu ialah seperti mukjizat Nabi Musa Alaihissalam membelah Laut Merah dengan tongkat baginda sendiri, mukjizat Nabi Isa Alaihissalam menghidupkan orang mati dan sebagainya. Adapun di antara mukjizat yang telah dianugerahkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam seperti terpancarnya air dari celah-celah jari Baginda, datangnya awan yang berarak memayungi perjalanannya di siang hari yang terik, terbelahnya bulan dan lain-lain lagi. Akan tetapi, di antara mukjizat yang terbesar dan tidak pernah dikurniakan kepada nabi-nabi dan rasul-rasul sebelumnya ialah peristiwa Israk dan Mikraj.

galan juga bagi negara kita Brunei Darussalam dengan mengadakan pelbagai majlis ilmu dan keagamaan. Namun sejauh manakah peristiwa Israk dan Mikraj itu dapat menjadi pengajaran dan dihayati dalam kehidupan kita? Semuanya ini tidak akan bererti jika kita hanya memperingatinya sahaja, sedangkan kita sendiri tidak mengambil iktibar atau pengajaran dan tidak membawa perubahan positif kepada diri kita.

Kita renungkan satu peristiwa di mana Allah Subhanahu Wata'ala telah memperlihatkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam perihwal satu kaum yang memotong-motong lidah dan bibirnya sendiri dengan menggunakan gunting yang diperbuat dari besi.

Maka setiap kali lidah dan bibirnya dipotong, maka setiap kali itulah bibir dan lidahnya kembali seperti sedia kala dan dipotongnya kembali, begitulah seterusnya berlaku berulang-ulang. Tatkala Baginda melihat kejadian tersebut, Baginda bertanya kepada Malaikat Jibrail: "Ya Jibrail, siapakah mereka itu? Jibrail menjawab: "Mereka adalah para penceramah dan ahli-ahli pidato yang kerjanya menyuruh orang mengerjakan sesuatu, tetapi mereka sendiri tidak melakukannya."

Dalam hal ini, jelaslah bahawa mereka adalah orang-orang yang suka bercakap dan memberi nasihat, akan tetapi mereka sendiri tidak melakukannya. Perkara ini boleh diumpamakan sebagai 'cakap tidak serupa bikin.' Oleh itu kita seharusnya ingat bahawa segala kata-kata yang dikeluarkan dari mulut kita biarlah kita sendiri yang membuatnya sebelum mengajarkan kepada orang lain. Bukankah Allah Subhanahu Wata'ala telah memberi peringatan dalam Al-Qur'an Surah Ash-Shaff ayat 2 - 3 yang



tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya? Amat besar kebenciannya di sisi Allah kamu memperkatakan sesuatu yang tidak kamu melakukannya."

Dari ayat tersebut menjelaskan kepada kita betapa hebatnya kebencian Allah kepada hamba-Nya yang pandai berkata-kata, tetapi tidak melakukannya. Sebagai contoh, orang yang menyuruh atau menasihati orang lain untuk melakukan kebaikan seperti menyuruh bersembahyang, menutup aurat dan sebagainya. Akan tetapi, dia

sendiri tidak berbuat demikian, dalam hal ini perbuatan sedemikian hendaklah dijauhi, jangan sampai kita diperkatakan seperti 'ketam menyuruh anaknya berjalan betul'.

Akhirnya marilah kita sama-sama bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengurniakan agama Islam sebagai anutan dan pegangan, menjadikan kitab suci Al-Qur'an sebagai panduan hidup dan menjadikan peristiwa-peristiwa bersejarah dan mukjizat-mukjizat para rasul sebagai pengajaran dan iktibar yang menguatkan supaya kita menjadi sebaik-baik

umat manusia yang menuju ke arah kesempurnaan iman dan taqwa, mudah-mudahan kita mendapatkan hidayah dan petunjuk ke jalan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala serta selamat di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra' ayat 60 yang tafsirnya:

"Dan tiadalah Kami menjadikan pandangan (pada malam Mikraj) yang telah Kami perlihatkan kepadamu melainkan sebagai satu ujian bagi manusia."

WAKT SMIHIG, AMSAK, SHURUQ DAN ZHUR

Wakt 2 smihig, amsak, shuruq dan zhuri baqi dattere brooni dan mowara mowali dri hari rabu, 29 rejab, 1427 برسامان دغن 23 أوگوس, 2006 هیگ کهارى ثلاث, 5 شعبان, 1427 برسامان دغن 29 أوگوس, 2006 اداله سرفت دباوه این :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	سوروق	ضحى	مسيحي
رجب									لوگوس
29	12.25	3.37	6.31	7.42	4.47	4.57	6.15	6.39	23
30	12.24	3.36	6.31	7.41	4.47	4.57	6.15	6.39	24
شعبان									
1	12.24	3.35	6.30	7.41	4.47	4.57	6.15	6.38	25
2	12.24	3.34	6.30	7.40	4.47	4.57	6.15	6.38	26
3	12.23	3.33	6.29	7.40	4.47	4.57	6.14	6.38	27
4	12.23	3.33	6.29	7.39	4.47	4.57	6.14	6.38	28
5	12.23	3.32	6.28	7.39	4.47	4.57	6.14	6.38	29

Wakt 2 smihig baqi dattere totog dtembe satow minit dan dattere blait dtembe tiy minit, smihig فرض جمعة دسلوروه نكارا بروني دارالسلام دمولاي تري فوكل 12.45 تتهاري.

NAMUN sejauh manakah peristiwa Israk dan Mikraj itu dapat menjadi pengajaran dan dihayati dalam kehidupan kita? Semuanya ini tidak akan bererti jika kita hanya memperingatinya sahaja, sedangkan kita sendiri tidak mengambil iktibar atau pengajaran dan tidak membawa perubahan positif kepada diri kita.

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PENGHINAAN TERHADAP NABI SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM

KHATIB Asy-Syarbini dalam bab *Ar-Riddah* menjelaskan bagaimana suatu perbuatan atau perkataan daripada seorang Muslim yang dianggap sebagai mendustakan dan menghina mana-mana Nabi atau Rasul. Antara pendustaan dan penghinaan terhadap para Nabi dan Rasul ialah:

- * Dengan menafikan (tidak membenarkan) kenabian atau kerasulan mana-mana Nabi atau Rasul Allah, iaitu daripada 25 orang nabi yang wajib diimani. Begitu juga syak dengan kerasulan salah seorang Rasul.
- * Dengan mendustakan mana-mana Nabi atau Rasul.
- * Dengan menghina diri Rasul atau Nabi tersebut.
- * Atau dengan merendahkan-merendahkan (memperolok-olokkan) Rasul atau Nabi.
- * Atau dengan merendahkan-merendahkan nama Rasul atau Nabi.
- * Atau dengan memperkecilkan satu anggota daripada anggota-anggota tubuh Nabi dengan maksud penghinaan.
- * Atau dengan mempersendakan sunnah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Antara contoh mempersendakan sunnah Rasulullah itu adalah seperti berikut:
 - Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam menjilat ketiga-tiga jari Baginda apabila telah selesai makan. Adapun sunnah ini berdasarkan riwayat daripada Anas yang maksudnya:

"Bahawa (Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam) jika Baginda telah (selesai) makan sesuatu makanan, Baginda menjilat ketiga-tiga jari Baginda." (Hadis riwayat Muslim).

Lalu seseorang itu mengatakan cara makan Nabi sedemikian itu menjijikkan!

- Contoh yang lain, apabila dikatakan kepadanya: "Potonglah kuku kamu kerana itu merupakan sunnah."

Maka dia berkata: "Aku tidak akan melakukannya sekalipun ianya (memotong kuku) adalah sunnah!"

Dia bermaksud dengan jawapan-jawapan tersebut untuk mengejek-ejek atau mempersendakan sunnah.

Contoh-contoh di atas merupakan suatu penghinaan terhadap Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

MENZAHIRKAN BENTUK DIRI NABI SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM ADALAH DILARANG

Menzahirkan bentuk fizikal Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam apa jua bentuk, cara dan niat adalah dilarang dalam Islam. Bahkan hukumnya haram. Sama ada tujuannya adalah untuk menyanjung atau mengagungkan, ataupun dengan niat untuk menghina. Cara menzahirkan itu pula adalah melalui apa jua medium (bentuk atau cara), misalnya:

1. Melalui Ukiran, Lukisan Atau Lakaran

Sejarah telah merakamkan bahawa tujuan sesuatu benda diukir menjadi patung pada mulanya hendak dijadikan iktibar atau mengenang jasa dan sebagai penghormatan, tetapi berakhir dengan ukiran tersebut menjadi objek yang disembah, dipuja, diagungkan dan diletakkan di tempat yang tinggi seolah-olah ianya sesuatu yang mulia.

Beginilah yang telah disebut dalam Surah Nuh bahawa patung yang pada asalnya diukir sebagai penghormatan untuk orang-orang salih pada zaman Nabi Nuh, disembah dan diagungkan pula oleh orang yang terkemudian. Ini adalah hasil dari bisikan syaitan dan juga kerana mereka menyangka itulah yang telah dilakukan oleh nenek moyang mereka yang tafsirnya:

"Dan (ketua-ketua) mereka (mengasut dengan) berkata: 'Jangan kamu menyangkalkan (penyembahan) tuhan-tuhan kamu, terutamanya (penyembahan) Wadd, dan Suwa', dan Yaghuts, dan Ya'uq serta Nasr.'" (Surah Nuh: ayat 23).

Oleh kerana itu Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah melarang dengan kerasnya perbuatan mengukir dan melakar atau melukis objek-objek yang bernyawa sebagaimana sabda Baginda

PENGHINAAN TERHADAP NABI SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 229
Bahagian Akhir

riwayat Ibnu 'Umar Radiallahu'anhuma yang maksudnya:

"Sesungguhnya mereka yang membuat gambar-gambar (berjism iaitu patung atau tidak berjism iaitu lukisan, nenun, ukiran dan sebagainya) ini akan dikenakan sekta pada Hari Kiamat. Dikatakan kepada mereka (dengan pertanyaan penghinaan): 'Hidupkanlah apa yang telah kamu cipta itu.'" (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Melukis gambar Nabi merupakan pembowongan dan pendustaan semata-mata kerana mereka yang melukis gambar itu tiada melihat Nabi dan mustahil dia melihat Nabi kerana dia hidup dalam zaman yang berlainan. Perbuatan ini juga dilarang hatta sekalipun semasa hidup Baginda sendiri.

2. Melalui Lakonan Filem, Pentas atau Rakaman Suara

Para ulama di seluruh dunia, dalam fatwa mereka dan juga keputusan persidangan Islam, telah melarang dan membantah dengan keras dan seterusnya mengharamkan sebarang lakonan yang dilakukan di dalamnya (karakter) Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam atau ahli keluarga Baginda atau Nabi-nabi yang terdahulu atau para sahabat. Para ulama juga menentang sebarang percubaan untuk melakonkan karakter Baginda dan mereka yang lainnya dalam filem, lakonan pentas atau sandiwaya radio.

Perbuatan ini dianggap sebagai suatu penghinaan terhadap darjat dan merendahkan serta menjatuhkan martabat Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Berdasarkan penjelasan di atas, ukiran-seperti membuat patung dan lukisan (karakter), lakonan dalam filem atau di atas pentas, suara-suara melalui radio dan sebagainya dalam bentuk apa pun, semua ini dianggap menjatuhkan martabat dan kemuliaan Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

HUKUMAN DARI PENDUSTAAAN DAN PENGHINAAN TERHADAP NABI MUHAMMAD SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM

Menurut matan Al-Minhaj Ath-Thalibin dalam kitab Mughni al-Muhtaj, apabila seseorang Muslim itu mendustakan mana-mana Nabi atau Rasul sebagaimana contoh-contoh yang telah disebutkan di atas, maka akibat dari perbuatannya itu boleh membawa kepada

riddah (murtad, iaitu terkeluar dari agama Islam).

Perkara ini telah pun ditegaskan berulang kali dalam beberapa firman Allah Ta'ala dan hadis Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam serta ijmak ulama. Allah Ta'ala dalam firman-Nya telah menyatakan kufur ke atas sesiapa yang menghina Allah dan Rasul-Nya yang tafsirnya:

"Katakanlah: 'Patutkah nama Allah dan ayat-ayat-Nya serta Rasul-Nya kamu memperolok-olok dan mengejeknya?' Janganlah kamu beralih (dengan alasan-alasan yang dusta), kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu (melahirkan) iman.'" (Surah At-Taubah: 65-66).

Al-Imam Ibnu Al-Mundzir juga menyatakan kesepkatan ulama bahawa sesiapa yang menghina Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, maka ke atasnya hukuman bunuh.

Manakala dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala yang lain, orang yang mempermain-mainkan para Rasul Allah yang terdahulu telah ditimpakan dengan azab, firman-Nya yang tafsirnya:

"Dan demi sesungguhnya, telah diperolok-olokkan beberapa Rasul sebelumnya, lalu orang-orang yang mengejek-ejek di antara mereka, ditimpakan balasan azab bagi apa yang mereka telah perolok-olokkan itu." (Surah Al-Anbiya': ayat 41).

Adapun pendustaan terhadap Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam akan menempah tempat yang diperbuat dari api neraka. Dalam sebuah hadis sahih daripada Abu Hurairah Radiallahu'anhua Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya:

"Dan sesiapa yang mendustakanku dengan sengaja, maka (hendaklah) dia (sendiri) menyedihkan tempatnya dari api neraka." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Daripada Abu 'Ubaid daripada Salmah bahawa beliau mendengar Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sesiapa yang membangsakan (mengatakan) perkataan kepadaku (sedang) aku tidak pernah mengatakan perkataan itu, maka (hendaklah) dia (sendiri) menyedihkan tempatnya dari api neraka." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

PENDUSTAAAN DAN PENGHINAAN DARIPADA MUSUH-MUSUH ISLAM

Pendustaan dan penghinaan yang dilakukan oleh sesiapa pun tidak terkecuali daripada hukum dalam Islam. Kerana itulah antara sebab yang boleh membatalkan perjanjian keamanan bagi ahli dzimmah ialah apabila mereka secara terang-terangan mencela agama Islam, Al-Quran, menghina Allah atau menyatakan sesuatu yang buruk mengenai Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam atau rasul-rasul yang lainnya.

Begitu juga penghinaan yang dilakukan oleh

ahli keluarga dan kerabat yang kafir. Pada asalnya, hukumnya adalah makruh bagi seorang yang berperang membunuh ahli keluarganya dan mahramnya yang kafir, bahkan perkara ini sangat ditegah. Namun Imam An-Nawawi berpendapat bahawa jika mereka menghina Allah Subhanahu Wata'ala atau menghina Rasul-Nya Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, iaitu dengan mengatakan sesuatu yang buruk mengenai Rasul, atau menghina agama Islam, maka pada ketika itu tidak lagi dihukumkan makruh membunuh mereka. Perkara ini sebagaimana dalam syarah matan Al-Minhaj dalam Mughni Al-Muhtaj yang artinya:

"Dan makruh bagi orang yang berperang membunuh kerabat dan (membunuh) mahram adalah lebih lagi (makruh hukumnya). Saya berpendapat: Melainkan jika dia (orang yang berperang itu) dengarnya (kerabat dan mahram yang kafir) menghina Allah atau Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Wallahu'alam."

Ini kerana mendahulukan hak Allah dan hak Rasul-Nya adalah lebih utama dalam semua hal sebagaimana dalam firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Mujaadalah yang tafsirnya:

"Engkau tidak akan dapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, tergamak herkasih mesra dengan orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan Rasul-Nya, sekalipun orang-orang yang menentang itu ialah bapa-bapa mereka, atau anak-anak mereka, atau saudara-saudara mereka, ataupun keluarga mereka." (Surah Al-Mujaadalah: ayat 22).

Manakala melahirkan kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam ayat di atas mencerminkan keimanan seseorang. Itulah juga yang disebut dalam hadis riwayat Anas bin Malik bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Tidak beriman salah seorang daripada kamu sehingga aku lebih dicintainya daripada anaknya, ayahnya dan manusia keseluruhannya." (Hadis riwayat Muslim).

Perbuatan menghina Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam itu jika datangnya daripada orang Islam, maka akibatnya adalah selain dia menjadi kufur dan jika tidak segera bertaubat; akan dikenakan hukuman yang amat berat serta dijanjikan dengan azab di akhirat kelak.

Jika penghinaan itu datangnya daripada orang-orang bukan Islam, maka kewajiban kita orang Islam membela dan mempertahankan kemuliaan dan kehormatan Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam itu.

WALLAHU'LAM

IKTIBAR DARI KEJADIAN TSUNAMI

MALAKA petaka ombak besar yang dikenali sebagai 'Tsunami' yang terbentuk daripada gempa berenergi 8.9 pada skala Richter yang terjadi pada penghujung tahun 2004 tersebut telah mengakibatkan beribu-ribu lagi hilang dan terbunuh di kawasan pantai barat Asia serta kemusnahan teruk di bandar serta pulau peranginan di Malaysia, Thailand, Sri Lanka, India dan Myanmar serta di Sumatera. Ombak besar setinggi hingga enam meter menerjah pesisiran pantai negara-negara tersebut juga mendatangkan malar petaka adalah merupakan yang kelima terbesar sejak tahun 1900. Baru-baru ini terjadi lagi kejadian Tsunami yang melanda di Jawa Barat Indonesia yang mengorbankan beratus-ratus jiwa pada bulan Julai 2006 yang lepas.

Bencana atau musibah pada hakikatnya adalah keadaan yang tidak diinginkan dan tidak dikehendaki oleh manusia, sebab bencana yang berupa penderitaan atau kesengsaraan adalah merupakan keadaan yang tidak menyenangkan bahkan menyusahkan bagi manusia seperti berlakunya gempa dan gelombang Tsunami yang membuat manusia serak-peranda, anak terpisah daripada ibunya, suami berpisah dari isterinya, ada yang mati dan hilang tidak tahu ke mana dan di mana keluarganya, ratusan ribu nyawa yang hilang dan ratusan rumah, kedai dan lain-lain hancur ditelan gelombang Tsunami.

Pastinya bencana Tsunami mengingatkan kita kepada peristiwa banjir dan banjir besar di zaman Nabi Allah Nuh Alaihissalam. Dengan anjil kematian yang begitu besar (mencecah lebih 150,000 orang), mungkin ia menyamai jumlah mereka yang ditenggelamkan oleh banjir di zaman alaihissalam. Ia adalah banjir yang meliputi keseluruhan muka bumi dan kisah tentang pernah berlakunya banjir besar itu, diktat oleh semua tamadun manusia.

Sewajarnya kisah di zaman Nabi Nuh Alaihissalam itu dijadikan iktibar. Ini adalah kerana, Allah Subhanahu Wata'ala mengemukakan ingatan umat manusia kepada peristiwa di zaman Nabi Nuh itu supaya ia terus menjadi peringatan, amaran dan pengajaran untuk sekalian umat manusia, mukmin dan kafir. Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Haqqaq ayat 11 - 12 yang bermaksud:

"Sesungguhnya Kami, ketika air (banjir) melampaui hadnya (serta ditenggelamkan gunung-ganang), telah mengangkut (serta menyelamatkan) nenek moyang kamu ke dalam bahtera Nabi Nuh (yang berbilang laju pelayarannya). (Kami lakukan yang demikian) untuk Kami

jadikan peristiwa itu satu pelajaran bagi kamu dan untuk didengar serta diambil ingat oleh telinga (orang-orang) yang mahu menerima pengajaran."

Jika kita amat-amati peristiwa yang terjadi di zaman Nabi Nuh Alaihissalam itu, tidak jauh bezanya dengan bencana Tsunami 26 Disember 2004 yang lalu. Cuma mungkin berbeza dari segi skala kerana Tsunami yang Allah Subhanahu Wata'ala datangkan kepada kita hanya menelan manusia yang menghinai daratan perairan Lautan Hindi, tidak segenap pelusuk bumi.

Firman Allah dalam Surah Huud ayat 40 - 41 yang tafsirnya:

"(Nabi Nuh terus bekerja) sehingga apabila datang hujan Kami untuk membinasakan mereka dan air memuncat-muncat dari muka bumi (yang menandakan kedatangan taufan), Kami berfirman kepada Nabi Nuh: Bawalah dalam bahtera itu dua dari tiap-tiap sejenis haiwan (jantan dan betina) dan bawalah ahlinya kecuali orang yang telah ditetapkan hukuman azab atasnya (disebabkan kekefuerannya), juga bawalah orang-orang beriman dan tidak ada orang-orang yang berinfir yang turut bersamasamanya, melainkan sedikit sahaja. Dan (ketika itu) berkatalah Nabi Nuh (kepada pengikut-pengikutnya yang beriman): 'Naiklah kamu ke bahtera itu sambil berkata: Dengan nama Allah bergerak lajunya dan berhentilah. Sesungguhnya Tuhanku adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.'"

Kemunculan banjir besar di zaman Nuh itu bermula dengan limpahan air dari apa yang diistilahkan oleh Al-Qur'an sebagai 'at-Tannur'. At-Tannur ini pada makna asalnya adalah ketuhar atau 'oven' yang digunakan untuk membakar roti. Ia dinamakan sedemikian rupa kerana di dalam ketuhar tersebut api marak membakar menyala-nyala di dalamnya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala lagi dalam Surah Al-Hadiid ayat 22 - 23 yang tafsirnya:

"Tidak ada sesuatu kesusahan (atau bala bencana) yang ditimpakan di bumi dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada di dalam Kitab (pengetahuan Kami) sebelum Kami menjadikannya; sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah. (Kamu diberitahu tentang itu) supaya kamu tidak bersedih hati akan apa yang telah luput daripada kamu dan tidak pula bergembira (secara sombong dan bangga) dengan apa yang diberikan kepada kamu dan (ingatlah), Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri."

Justeru itu, yang menjadi penyebab utama bencana di muka bumi ini sebenarnya adalah disebabkan oleh manusia itu sendiri, bukannya jin, haiwan dan bukan pula makhluk-makhluk lain. Antara perbuatan-perbuatan yang menyebabkan bencana diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ialah:

PERBUATAN FASIQ

Menurut para ahli tafsir, fasiq adalah orang yang melakukan dosa besar dalam konteks tertentu adalah menunjukkan ketidakpatuhan terhadap apa yang diperintahkan oleh Allah. Perbuatan fasiq adalah merupakan salah satu sebab turunnya bencana di muka bumi ini. Perkara-perkara yang tergolong dalam perbuatan fasiq ialah seperti meminum khamar (arak), kerana minum khamar atau arak adalah satu perbuatan yang dilarang oleh Allah sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 219 yang tafsirnya:

"Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: 'Pada kedua-duanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa kedua-duanya lebih besar daripada manfaatnya'. Dan mereka bertanya pula kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah : '(Derma)kanlah apa-apa yang berlebi di keperluan (kamu)'. Demikianlah Allah menerangkan

منوجو كرىضان الله Menuju Keredaan Allah كلوان قوسه دعوه اسلاميه

kepada kamu ayat-ayatnya (keterangan-keterangan hukum-Nya supaya kamu berfikir."

PERBUATAN ZINA

Zina adalah termasuk dari perbuatan keji dan dosa besar dalam Islam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa' ayat 32 yang tafsirnya: "Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)."

KEZALIMAN YANG BERMAHARAJALELA

Perbuatan zalim yang dilakukan oleh manusia di muka bumi ini ternyata merupakan salah satu sebab diturunkan-Nya bencana atau musibah sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ankabut ayat 31 yang tafsirnya: "Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan; Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar."

Kita dapat melihat bagaimana Allah Subhanahu Wata'ala menghancurkan umat-umat terdahulu yang berbuat kezaliman seperti Firaun, Qarun, kaum Nabi Nuh, kaum Nabi Luth dan sebagainya.

Kesimpulannya, setiap musibah atau bencana yang berlaku mempunyai berbagai-bagai tujuan yang berkaitan dengan perbuatan manusia itu sendiri. Begitu juga ujian yang Allah berikan kepada orang-orang yang beriman seperti kejadian Tsunami. Bagi orang yang beriman dan masih hidup serta melihat langsung kejadian Tsunami mungkin jadi pengajaran baginya semurni hidup untuk meningkatkan keimanan kepada Allah, kerana mati apabila-bila masa akan datang dan kita mesti bersiap bila-bila masa. Bagi yang sudah mati disebabkan Tsunami terpelanglah kepada amalnya masing-masing kalau baik, baikkah ia, kalau amalnya buruk, maka buruklah ia.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Orang ramai perlu lebih peka

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Peranan Orang Ramai Memantau Kenaikan Harga Barang'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Menjadi pengguna yang bijak

SALAH satu punca yang menyebabkan kenapa ramai orang-orang kitani begitu cenderung untuk membeli-belah di negara-negara jiran ialah kerana perbezaan harga barangannya yang murah. Akibatnya ramailah yang berpusu-pusu keluar untuk mendapatkan bekalan makanan yang sememangnya ada dijual di negara kita tetapi oleh kerana harganya lebih murah maka mereka lebih peka untuk membeli di luar negeri. Oleh yang demikian, kita (orang ramai) sebagai pembeli atau pengguna hendaklah memainkan peranan kita memantau perkembangan harga barangan yang dijual di negara kita supaya kita boleh mendapatkan harga yang lebih murah dan dapat mengelakkan para pekedai menaikkan harga sesuka hati mereka. Maka caranya ialah kita hendaklah bijak membeli barangan di negara kita dan bukannya memantau harga barangan di luar negeri.

Sebagai pengguna kita diberikan hak untuk mendapatkan harga bagi suatu barang dalam nilai yang berpatutan serta selaras dengan harga yang ditetapkan secara purata di kebanyakan kedai atau pasar raya. Maka adalah suatu langkah yang bijak jikalau kita selalu mengadakan 'survey' ke atas harga-harga barangan yang diletakkan oleh para pekedai kerana dengan cara ini kita boleh mengelakkan dari mengalami kerugian.

Sebagai masyarakat kitalah yang patut melakukan pemantauan umum tatkala kita sedang membeli-belah sebagai suatu langkah berwaspada. Di samping itu, dengan adanya perubahan dari segi ekonomi serta permintaan 'demand' orang ramai yang tinggi, terdapat sebahagian barang dinaikkan harganya secara menyeluruh seperti minyak, susu, coklat, minuman dan sebagainya. Maka melalui pemerhatian umum orang ramai dapat mempertingkatkan pengetahuan mengenai kenaikan tersebut agar nanti kita tidak tertipu dengan harga-harga yang diletakkan oleh pekedai yang mana sesetengahnya menaikkan harga lebih tinggi dari yang sepatutnya.

Walaupun, pihak kerajaan telah menubuhkan sebuah jabatan khas yang bertanggungjawab dalam memata-matai harga barangan di kedai-kedai, namun orang ramai juga hendaklah memainkan peranan dalam melakukan pemantauan sendiri dan melaporkan jika terdapat pekedai yang mengambil kesempatan menaikkan harga sesuka hati. Dengan cara ini kita dapat membantu mengawal kenaikan harga barangan dan kita juga dapat mengetahui mengenai mana-mana kedai yang mempunyai harga barangan yang lebih murah.

Maka dapatlah kita simpulkan bahawa dalam mengawal kenaikan harga barangan memerlukan orang ramai menjalankan tanggungjawab sebagai mata dan telinga kerajaan untuk memantau perkembangan harga barangan di negara kita. Bukan itu sahaja, kita sebagai pengguna seharusnya mengambil inisiatif untuk menjadi pengguna yang bijak dalam memilih dan membeli barang yang berpatutan serta berkualiti lebih-lebih lagi ketika ini dengan adanya kurniaan kerajaan yang memberikan kenaikan tangga gaji, kemungkinan ada pihak yang mengambil kesempatan menaikkan harga jualan maka kita sebagai orang ramai yang menjadi pihak pengguna hendaklah berhati-hati dalam melakukan pembelian supaya kita dapat berjimat serta menjadi pengguna yang bijak.

Norliza binti Haji Akub @ Yusri,
No. 43B, Simpang 637-84-85,
Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati,
Kampung Lambak Kiri, Berakas.
No. k/p: 00-271421.

ISU kenaikan harga barangan runcit kurang mendapat perhatian di negara ini berbanding dengan keadaannya di luar negara. Tidakkah seperti isu harga minyak dunia yang sering menjadi perhatian global, turun dan naiknya harga minyak walau beberapa sen sekalipun pasti akan menjadi berita hangat kepada sektor pengeluaran dan juga pengguna seluruh dunia, pelbagai sektor akan terjejas dan menerima kesan sampingannya.

Di Negara Brunei Darussalam, apa yang menjadi kebimbangan ialah kenaikan harga barang selain minyak seperti barangan runcit, elektronik, perabot dan sebagainya. Daya beli orang-orang Brunei adalah sangat tinggi, justeru itu pelbagai pihak dari sektor pengeluaran dan agensi-agensi jualan cuba mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang, sekalipun tidak keterlaluan namun sedikit sebanyak memberikan implikasi yang nyata.

Seperti mana semua orang maklum bahawa harga barangan runcit di setiap kedai di kawasan perkampungan yang jauh dari kawasan urbanisasi adalah sedikit lebih tinggi berbanding gedung-gedung perniagaan yang lebih besar dan mewah. Namun ini bukanlah menjadi satu isu bagi rakyat di negara ini, kerana kedai-kedai runcit itu sendiri mempunyai kelebihanannya yang tersendiri, selain menyediakan keperluan harian yang serba lengkap, ianya juga selalu menutup waktu perniagaannya pada lewat tengah malam.

Namun demikian beberapa pusat jual-

an yang lain ada mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barangan mereka, kesempatan ini diambil memandangkan sebilangan besar penduduk negara ini kurang prihatin akan isu kenaikan harga barang.

Maka pelbagai pihak cuba untuk menegakkan isu berkenaan, pihak Radio Televisyen Brunei sendiri menyediakan segmen pengguna dalam berita nasionalnya pada setiap hari Jumaat, 8.00 malam demi untuk memberikan kesedaran dan menggamit orang-orang kitani agar lebih sensitif dan responsif dalam isu pengguna.

Akan tetapi setiap usaha yang diungkapkan oleh pelbagai pihak dari sektor kerajaan itu tidak akan memberi manfaat jika sekiranya orang ramai selaku pengguna tidak peka akan hal yang sedemikian. Sebolehnya orang ramailah yang menjadi mata dan telinga dalam sama-sama membantu pihak kerajaan demi untuk kebaikan semua pihak.

Orang ramai tidak sepatutnya mementingkan diri sendiri, pihak kerajaan berkuasa dalam menangani isu kenaikan harga barang, namun orang ramai lebih berperanan dalam usaha untuk memberikan maklumat yang tidak kendur-kendurnya kepada pihak kerajaan.

Abdul Rahim Raya @ Mohd. Taib,
No. 21, Simpang 51-17-5, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Kampong Rimba, Gadong, BE 3119.
No. k/p: 00-282578.

Laporkan segera kepada pihak berkenaan

BARU-BARU ini kitani telah menyambut ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 dengan acara yang penuh gilang-gemilang dan berwarna-warni.

Kemeriahan sambutan Hari Keputeraan ini menjadi lebih bermakna apabila baginda berkenan untuk menaikkan gaji dan elaun sara hidup kepada para anggota perkhidmatan kerajaan.

Berita yang gembira ini disambut dengan baik malahan telah menjadi suntikan semangat kepada mereka untuk bekerja lebih keras dan menyumbangkan bakti kepada negara yang tercinta ini.

Ini dapat dilihat melalui titah baginda sempena Hari Keputeraan Ke-60 tahun pada 15 Julai 2006 yang lalu di mana antara lain bertitah: "Beta berharap, tambahan pendapatan yang bakal diterima oleh pegawai dan kakitangan kerajaan, biarlah digunakan dengan secermat mungkin, di samping dapat berusaha untuk menyimpan melalui 'financial planning' bagi keperluan-keperluan mendatang."

Sehubungan dengan itu juga, baginda berharap agar kenaikan gaji elaun sara hidup yang diberikan itu tidaklah digunakan dengan sewenang-wenangnya. Sementara bagi para peniaga pula, baginda mengingatkan supaya tidak mengambil kesempatan ke atas mereka dengan menaikkan harga barang jualan mereka dengan sesuka hati. Ini ditekankan lagi di dalam titah berkenaan baginda di majlis yang sama iaitu: "Kepada para peniaga pula adalah diingatkan supaya tidak akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga-harga barangan mereka."

Melalui kedua-dua petikan titah di atas, dapatlah dikatakan bahawa sikap pemedulian baginda terhadap keperluan

dan kepentingan rakyat baginda adalah sebagai salah satu lambang kasih sayang dan sebagai tanda penghargaan di atas perkhidmatan yang telah diberikan oleh para anggota perkhidmatan kerajaan.

Disebabkan kesedaran ini jugalah, para anggota perkhidmatan kerajaan disarankan untuk memastikan bahawa para peniaga tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barangan jualan mereka.

Sementara bagi mereka yang telah merasakan harga barangan yang dibeli itu telah naik daripada harga sebelumnya maka mereka hendaklah memberitahu atau membuat laporan kepada pihak yang berwajib agar sebarang tindakan dapat diambil ke atas peniaga yang tidak bertanggungjawab tersebut.

Kesimpulannya, gunakanlah wang ringgit hasil daripada kenaikan gaji tersebut sebagai salah satu pemangkin untuk meningkatkan mutu kerja di tempat kerja masing-masing.

Sementara bagi para peniaga pula, janganlah sewenang-wenangnya menaikkan harga barangan jualan mereka kerana ini akan menyusahkan orang ramai dan diri peniaga itu sendiri.

Hal ini boleh menyebabkan para pelanggan lari daripada membeli barang-barang keperluan di negara sendiri sebaliknya akan menggunakan wang yang ada untuk membeli barang-barang keperluan yang lebih murah dari luar negeri.

Oleh itu, marilah kitani sama-sama berganding bahu bagi membantu perkembangan ekonomi negara kitani dengan cara menjalankan perniagaan dengan jujur dan ikhlas tanpa menggunakan tipu muslihat seperti menaikkan harga barang jualan mereka dengan sewenang-wenangnya.

Abdul Muin bin Dr. Haji Serbini,
No. 7, Simpang 867, Kampong Serdang, Jalan Kota Batu, BD 2117.
No. k/p: 00-291429.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Israk Mikraj Contoh Yang Perlu Ditela-dani'. Tarikh tutup 30 Ogos 2006.
2. 'Brunei Jadi Pusat Produk Halal Antara-bangsa'. Tarikh tutup 6 September 2006.
3. 'Guru Pemangkin Pembangunan Negara'. Tarikh tutup 13 September 2006.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.
e-mel: pelita@brunet.bn

Peniaga perlu lebih jujur

KITA sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam telah dikejutkan dengan khabar gembira mengenai dengan kenaikan mata gaji khas dan elaun sara hidup kepada anggota perkhidmatan kerajaan. Justeru itu raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah mengingatkan: "Kepada para peniaga pula adalah diingatkan supaya tidak akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga-harga barangan mereka."

Namun yang demikian peranan orang ramai bagi memantau kenaikan harga barang adalah penting untuk kebaikan bersama. Kita sebagai pengguna perlu bijak membuat pilihan ketika kita membeli barang atau keperluan seharian.

Kita juga dapat membezakan barangan yang kita beli itu sama ada mahal ataupun murah. Jika barang itu sama tetapi berlainan harga sudah tentunya kita akan memilih dan membelinya dengan harga yang murah, walaupun pemantauan dari sebuah kedai ke sebuah kedai yang lain untuk memastikan barangan yang kita beli itu dijual dengan harga yang sama. Seperti membuat tinjauan ke kedai-kedai besar dan ke kedai-kedai runcit.

Jika mereka menjual barangan mereka dengan harga yang mahal kita perlu membuat laporan kepada pihak yang berkenaan dengan segera. Ada

sesetengah kedai yang menaikkan harga dengan sesuka hati mereka dan semata-mata ingin mengaut keuntungan yang berlebihan.

Kita sebagai pengguna memang arif mengenai harga jualan barang seperti minyak masak, beras, gula, barangan makanan, minuman dan sebagainya. Kerana barangan-barang ini merupakan barangan harian yang perlu kita gunakan dan beli setiap waktu.

Oleh itu sudah tentunya kita mengetahui harga sebenarnya dan tahu jika penjual menaikkan harga pada barang-barang ini. Kita sebagai pengguna dan juga pembeli haruslah melakukan sesuatu jika mendapati mana-mana penjual menaikkan harga barangan mereka. Janganlah kita bersikap endah tak endah dan mengamalkan sikap 'malas tak ku ingau' sahaja dan membiarkan penjual untuk mengaut keuntungan yang berlebihan.

Sementara itu, para peniaga perlu jujur dan bertanggungjawab dan jangan hanya memikirkan keuntungan yang banyak. Sama-samalah kita bertanggungjawab.

Hajah Hayati binti Haji Hidup,
No. 13, Kampong Jaya Bakti, Jalan Surapit, Perpindahan Berakas, BB 3113.
No. k/p: 00-128883.

TIP FOTOGRAFI

TIP MENGGILAP FOTO DIGITAL AWDA

Rahsia 8 : Sudut-sudut luar biasa

KEBANYAKAN gambar-gambar diambil pada paras mata. Ini mungkin sudah menjadi satu kebiasaan, di mana awda membidik pada paras mata awda untuk memastikan semua orang masuk dalam syot.

Kerana kebanyakan kamera digital kini mempunyai skrin LCD, awda sekarang boleh memegang kamera jauh dari mata awda dan cubalah mengambil gambar dari sudut-sudut luar biasa.

Cuba halakan ke atas kamera awda ke kiri atau kanan ke posisi yang terbaik untuk subjek awda dalam bingkai gambar. Cuba mengambil gambar dari paras bawah atau atas subjek awda. Cuba dari posisi jauh atau dekat.

Terdapat banyak cara untuk menggambar subjek. Menggunakan sudut-sudut kamera berlainan boleh menyerlahkan imej gambar-gambar yang awda ambil. Lebih banyak awda praktik menggunakan sudut-sudut berlainan, lebih cepat awda ketahui mana yang sesuai dan mana yang tidak.

Tip sudut : Posisikan badan awda di posisi baring dan halakan kamera awda ke langit untuk sudut menarik mengambil syot bunga atau daun-daunan.

SIRI KELAPAN

OLEH : HM YUSOF

Minggu Depan: Rahsia fotografi waktu siang!

Selamat berkarya.

Semua istilah fotografi yang digunakan adalah istilah rasmi 'Buku Istilah Fotografi' yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu Brunei Darussalam - MABBIM - Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Bersambung

Istilah-istilah fotografi terkini :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
Half-length portrait	Potret separuh
Half-tone	Ton separuh
Heavy shadow	Bayang tebal
High light	Cahaya sorotan
High-angle view	Pandangan sudut tinggi
High-contrast	Kontras tinggi
High-key lighting	Pencahayaan penting tinggi
High-speed exposure	Dedahan kelajuan tinggi
High-speed flash	Denyar kelajuan tinggi
High-speed lens	Kanta kelajuan tinggi



REMAJA

'BINGKASLAH'

OLEH : H. A. MANAP

SEHARUSNYA inilah suatu yang patut disedari oleh kalangan belia remaja kita. Bingkas dari kelalaian dan kealpaan sekeliling adalah merupakan tuntutan yang menghendaki kita untuk lebih memahami kenapa kita amat diperlukan untuk menjadi penggerak kemajuan. Kita perlu bingkaskan dari pelbagai halangan yang menyebabkan kita tidak aktif, kita perlu melihat lebih jauh ke hadapan hala tuju yang lebih terarah dan sempurna jalannya. Melihat kepada ungkay kerajaan yang tidak pernah kendur-kendurnya dalam menyediakan pelbagai kemudahan asas, belia remaja perlu lebih ke hadapan bergerak seiring dengan kehendak yang diinginkan. Tahun ini pengisytiharan Hari Belia Kebangsaan jelas menunjukkan betapa generasi belia remaja adalah amat diperlukan dalam sama-sama menggerakkan kemajuan negara dan pelbagai program pembangunan.

Program seumpamanya ini adalah bertujuan bagi mewujudkan suatu keadaan di mana generasi belia remaja kita tidak akan tertinggal dengan perubahan semasa yang semakin ligat bergerak. Kepantasan ini memerlukan tenaga belia remaja yang cergas dan cerdas bertindak, tidak lesu dalam menghadapi suasana dan mampu mempamerkan keupayaan diri yang berdaya saing. Negara kita kini sedang berada dalam satu proses perubahan memajukan setiap isi di dalamnya untuk menjadikan kita sebagai sebuah negara yang makmur dan juga menjadi negara yang boleh berperanan menyumbang keupayaan di dalam dan juga luar negara. Kita perlu kepada golongan yang berkemahiran, ahli teknokrat, kita mahu lebih banyak 'young achievers' yang boleh mengharumkan nama negara di dunia antarabangsa. Inilah yang ingin kita lahirkan sebagai 'investment' dari segi tenaga manusia yang berkemahiran. Namun segalanya tidak akan mungkin dapat kita lakukan andainya kita masih lagi dibuai oleh mimpi indah dan khayalan kosong semata. Kita yakin kita perlu bingkaskan dari kemelut sedemikian ini untuk memenuhi kehendak dan pengisian keperluan sedemikian.

Generasi belia perlu melihat dan mempelajari akan sejarah serta pencapaian gemilang yang pernah dilakarkan dalam sejarah dan tamadun kehidupan bangsa yang kita ada. Pemimpin yang terdahulu telah berusaha dengan sesungguhnya untuk mewujudkan sebuah generasi belia remaja yang berkeupayaan tinggi. Kini kita perlu menyambung dan meneruskan cita-cita bangsa. Pemimpin negara yang kita kasihi seorang raja yang amat prihatin dengan generasi belia jelas telah memberikan pelbagai usaha untuk mewujudkan sebuah masyarakat belia yang dinamik dan progresif. Baginda menginginkan lahir dan wujudnya generasi belia berkeupayaan dan ber-

pengetahuan tinggi. Ini adalah suatu hal penting yang tidak boleh kita pandang ringan begitu sahaja. Justeru dalam memenuhi kehendak sedemikian ini kita perlu ke hadapan melihat perkembangan sekeliling untuk disertai dan kita menjadi 'player'nya. Inilah yang menjadi keutamaan kita sekarang. Kita mahu meletakkan generasi belia kita merupakan anggota masyarakat dunia yang terpakai dan berkemahiran. Penyertaan kita di dalam beberapa penyertaan di arena antarabangsa di pelbagai bidang seperti kemahiran IT, ekonomi, perdagangan, pendidikan dan sebagainya adalah merupakan pendedahan ke arah mewujudkan generasi belia remaja yang berpandangan jauh dan positif. Kita tidak mahu mewujudkan generasi yang 'inward looking' dan apa yang ingin kita lahirkan ialah generasi yang mempunyai visi yang jelas dan komitmen yang tinggi.

Justeru jika kita perhatikan Hari Belia Kebangsaan yang disambut setiap tahun adalah pengiktirafan tinggi untuk mengangkat martabat belia itu sendiri ke arah yang lebih dihormati dan digalati. Kita tidak mahu generasi belia kita pasif dan menjadi mangsa eksploitasi kemunduran seperti mundur ahlak, mundur daya saing, mundur kepimpinan dan tidak mempunyai nilai keupayaan diri yang tinggi. Kita juga tidak mahu mewujudkan suatu pembawaan negatif yang lahir dari ketidakpedulian kepada kalangan generasi muda belia.

Kita perlu pandai meletakkan ketentuan bagaimana hala tuju generasi belia kita, kita gembeng agar kehidupan mereka tidak akan sia-sia. Inilah sebenarnya perubahan besar yang perlu kita lalui dan realisasikan sebagai hala tuju utama. Lihatlah keupayaan kita yang sebenarnya, kalau selama ini kita hanya mampu menjadi pemerhati akan kecemerlangan orang lain, sekarang adalah masanya untuk kita menjadi pencapai kegemilangan tersebut. Kekuatan kita ialah nilai dan budaya yang kita ada. Justeru bila ini terjadi maka kesan yang akan kita peroleh ialah terciptanya kecemerlangan diri dengan kualiti yang tinggi. Ini bukanlah suatu perkara yang menjadi impian semata-mata inilah juga kemampuan yang ingin kita paparkan. Bagi membentuk keupayaan sedemikian maka adalah wajar bagi penglibatan generasi muda belia untuk mendekati budaya berpersatuan. Ini penting untuk membiasakan pendedahan diri, dan juga meningkatkan kemahiran dalam mengenali dunia luar dan sekeliling kita. Langkah ini nanti sudah pasti akan menjadikan kita lebih dewasa dan memahami akan setiap perubahan dan trend semasa yang berlaku. Ayuh bingkaskan dari kepompong yang menyekat, kita gerak langkah dengan mengorak jauh ke hadapan bersama mereka yang sudah maju ke hadapan.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan sahaja.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan berlakunya jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar 735 keluaran 9 Ogos 2006, ialah :

Bangunan Maktab Anthony Abell, Seria.

Pemenang Soalan Alai Pintar 735 keluaran 9 Ogos 2006

Dk. Siti Noorhazli Amiza binti Pg. Mahrup,
Sekolah Menengah Sayyidina Ali.
Umur : 13 tahun

Fatin Haziqah binti Haji Nor Amin,
Sekolah Menengah Sayyidina Hassan, Kilanas.
Umur : 13 tahun

Nur Atiqah binti Hamidon,
Sekolah Rendah Sungai Tali, Lumut III.
Umur : 11 tahun

ALAI PINTAR

ALAI DIALU-
ALUKAN
MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN
RUJUKAN,
JABATAN
PENERANGAN



SOALAN ALAI PINTAR 737

1. Apakah nama bangunan ini?

.....

2. Di manakah letaknya?

.....

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 737

Nama :

Umur :

Alamat :

.....

Telefon rumah (jika ada) :

.....

Sekolah :

.....

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 737,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

PANAS. Lebih panas daripada kelmarin. Angin yang bertiup turut membawa udara gersang. Kering. Dedaun jati berterbangan sambil mengeluarkan bunyi bergeseran.

"Haiyaaa ... matii eh, susaaa eh ..., mati, mati," Ah Nan mengeluh panjang. Tangan kirinya menggaru-garu kulit kepala yang tidak gatal. Tompok-tompok uban di kepalanya semakin memutih. Baju singlet yang tidak seputih ubannya diselak hingga ke paras dada. Tampak perut buncitnya. Jelas sedikit melantun ke bawah. Berkilat-kilat dipancar mentari.

"Rugi-rugi ... lagi-lagi buang, lagi-lagi buang ... habis karang apa lagi kan dibuang ... haieeeyah! Waa mau ..., terpacul sedikit bahasa Cina Ah Nan. Sambil memegang ujung perut ..." Aji, oh Aji! Tolong liatkan dulu bawang ani, perut ani buat hal lagi ..." Ah Nan terus berlari menuju tandas awam. Hampir saja dengan pasar.

Liau Aji antara penghuni Pasar Kembura yang setia. Pasar ini terletak di Kampung Hijau. Kawasannya mampu menampung kenduri seluruh penduduk kampung. Liau Aji dan Ah Nan sama-sama mendapat kedai perniagaan barang-barang runcit. Kedai mereka bersebelahan saja. Manakala kedai di sebelah kanan dan kiri sekali turut didiami oleh bangsa Cina. Kedai No. 23 di sebelah kanan dipunyai oleh orang Melayu tapi isterinya berbangsa Cina yang sudah lama memeluk agama Islam. Manakala kedai No. 12 dipunyai oleh seorang perempuan Melayu. Masih bujang.

"Saya cuba sajalah tauke ..., kalau dapat saya banyak syukur, asal dapat sasup nasi untuk saya dan keluarga. Bukan untuk bikin kedai basar tauke ..., terang Liau Aji.

"Haji usah cakap macam itu bah, ini kedai kalau dapat, kita boleh bikin kedai lebih besar lagi laaaa, pikir jauh-jauh haji. Ini tempat banyak bagus. Boleh terima banyak wang besar...", Ah Nan meyakinkan. Matanya menerkam Liau Aji. Seolah-olah memaksa Liau Aji mengiakan kata-katanya tadi.

Liau Aji mengangguk. Ah Nan tersenyum. Tampak garis-garis hitam terukir pada gigi hadapannya.

"Allahakbar, Allahakbar! ..." Azan Zuhur di surau mengejutkan Liau Aji.

"Aji, salah makan tia aku ani, baik tutup dulu Aji ... Nanti kalau parut ani bikin kacau ... Siapa jaga kedai? ..." ujar Ah Nan dengan wajah yang sedikit berpeluh. Jari-jemarinya kembali bertugas mengupas kulit bebawang.

Liau Aji perlahan-lahan ke surau.

Pagi-pagi lagi Liau Aji dan Ah Nan sibuk menyusun barang-barang runcit. Bakul bebawang disusun rapi. Tepat di atas garisan kuning. Bawang merah diletakkan dekat pintu kedai. Diikuti dengan bawang putih. Seterusnya bawang besar. Begitu juga dengan karung-karung beras dan gula. Disusun berpangkat-pangkat. Meninggi. Lagi tinggi lagi baik. Tujuannya menarik anak mata pelanggan.

Sekali pandang kedai Liau Aji dan Ah Nan seperti satu pintu sahaja. Apa tidaknya, susunan isi kedai sama sahaja.

"Aji, sekarang Aji tau kah ... Bisnis banyak jatuh, kedai basar-basar banyak sakit ...," jelas Ah Nan.

"Atu kedai basar Nan, kitani kedai damit ani bukan lagi sakit tapi kira masuk ICU sudah ... Dulu inda macam ani, ada-ada saja jalama yang datang mambali arah kitani ani ... Ani nah, bawang kitani ah ... bakul pun macam tanah sudah," Liau Aji memisimisi bawang yang sudah berdaun hijau.

"Apa indanya Aji ..., di Kampung Hijau ani sudah banyak kedai ... Sana sini kedai ... Kedai makan ada, kedai minum ada, kedai

B A W A N G

basi ada, kedai kayu ada, kedai batu, kedai permata samua ada ... Kedai bawang macam kitani ani pun ada ..., lagi basar-basar bawangnya," Ah Nan tampak hampa.

"Tapi Nan ... bawang-bawang diorang atu bukan made in Brunei tu, dari luar bah tu ... Ni nah bawang kitani ani ... baru ya ... Kitani mananam sendiri, di atas tanah kitani sendiri ... Walaupun damit tapi Nan kitani makan hasil tanah kitani sendiri bah ...," Liau Aji mencapai Tiga Limanya. Dinyalakan. Asap perlahan-lahan merangkak ke udara.

"Bukan jua apa Aji, atu nah ... Jambatan Si Luncai di kuala jalan ah, balum tah lagi baik-baiknya ... Ani sudah masuk setengah tahun, masih jua lagi rusak ..., atu jua sababnya jualan bawang kitani ani menu-run," kata Ah Nan.

Liau Aji mengangguk kepala.

Bagi Liau Aji, Jambatan Si Luncai adalah alat perhubungan utama penduduk Kampung Hijau menuju ke Pasar Kembura. Sejak jambatan itu rosak, perniagaan bawang semakin tenat. Tidak kira bawang merah, bawang putih mahupun bawang besar. Semuanya turun saham. Sebelum jambatan itu rosak, jualan Liau Aji mampu menampung keperluan keluarganya. Liau Aji mampu membeli sekilo dua udang galah Temburong! Namun sekarang semuanya berubah. Tambahan pula kedai banyak dibina. Tumbuh di sana sini macam kulat.

Petang itu, Liau Aji dan Ah Nan sengaja akhir pulang ke rumah mereka. Manalah tahu di saat-saat akhir akan berkunjung si pembeli. Lazimnya setengah jam sebelum jam



empat, Liau Aji dan Ah Nan sudah bersedia hendak pulang. Tapi hari itu, walaupun garis-garis merah di kaki awan sudah menjelma, mereka masih setia menanti.

"Nan, Nan ... Macam ani gayanya, inda dapat lagi kan ditahan-tahan ni ..., Ujung-ujung anak bini kitani mati kebulur inda makan, pasal Jambatan Si Luncai atu tah sababnya bawang kitani inda kana bali ... urang kampung di subarang atu payah kan ka mari ... Bukan kitani saja, atu nah kedai-kedai lain ah ..., sama jua inda ada orang mambali ... Nan baik kitani bajumpa lagi dangan Ketua, kitani adukan lagi hal ani ...," cadang Liau Aji.

"Aji, ingatku bukannya sakali dua kitani bajumpa Ketua ... Karang sama jua jawabannya arah kitani tu ... Sabar tah dulu, sabar ...," Ah Nan mengingatkan Liau Aji.

"Assalamualaikum ..." "Waalaikumsalam ..., eh Liau, Ah Nan bah masuk tah. Ada hajat usulnya nih ... Bah duduk tah dulu," pelawa Pak Ketua.

Perbincangan bermula. "Basah-basahkan jua leher atu Liau Aji ... Ah Nan, buat masa ani ia tah ganya yang bulih dibuat tu ...," kata Pak Ketua sambil menghulurkan kopi kepada Liau Aji dan Ah Nan.

"Bukannya sangaja dilambat-lambatkan pambinaan jambatan atu ... Kerajaan kitani kan memajukan lagi Kampung Hijau ani bah, jadinya parancangan atu mamarlukan masa bukannya kan dihantam-hantam saja membuat jambatan ani ... Basar usinnya tu ... Bukannya kan syukur-syukur saja," Pak Ketua berhenti. Meneguk kopinya seketika.

"Kalau karas hati atu ...

apa masalah pun dapat diatasi, jalan rezeki di mana-mana, asalkan bakarih ... Kalau kan duduk tepuruk, bakurapak kusung ganya ... inda tah guna-guna tu," Pak Ketua mengakhiri perbualan.

Tampak sesekali si kunang-kunang memancarkan cahaya. Bayu sejuk menyelinap mencium kulit tubuh. Burung wak-wak bersahut-sahutan antara satu sama lain. Sehingga menghasilkan satu irama unik bukti keagungan Tuhan. Bulan mengembang indah. Menunggu dirindui Sang Pungguk.

"Liau, inda ku setuju tu, inda dapat jua kan dipakai pandapat urang ani ... Yang mamikul bahu kita sendiri jua, yang bajual mua ... yang malu kita jua, bukannya urang lain ...

Bukannya katua atu, eeehh mambali malu ..." Buajah Banun membantah.

"Bah macam mana tah lagi babunya ... Inda ada urang kan bakarih ka Pasar Kembura atu bah, jambatan sudah inda ada ... kan manyubarang sungai inda bisdurang mau tu ... payah tah mamasak inda babawang sanggup bisdurang tu ...," Liau Aji beredar ke kerusi rotannya.

"Kan diharap urang-urang kampung ani ganya kan mambali ... payah babunya ... Habis-habis pun dua tiga kilo bawang kana bali sahari ... kedai-kedai lain pun banyak ... sama jua manjual bawang ... kadai banyak, urang kan mambali inda ramai ... eeehh apatah gayanya lagi nah ...," mata Liau Aji menanti reaksi isterinya.

HARGA BAWANG MERAH \$ 3.00 SEKILO.

"Bawang, bawang! ...

Bawang mirah ada, bawang putih ada ...,

bawang basar ada, lagi basar-basar!

Bawang ... Bawang!"

kepulan asap rokok Tiga Lima berlari-lari

ke udara. "Eh, Liau Aji ..., Liau barapa sakilo bawang kita

ah?" tanya Buajah Patmah.

Sapupu dua kali Buajah Banun.

GERPEN

OLEH : A. MADIMAN

"Inda jua ku setuju Liau ..., Buajah Banun membantah lagi. Lalu berdiri meninggalkan Liau Aji.

Liau Aji cuma berdiam diri. Tangan kanannya menggapai Tiga Limanya. Seketika, asap rokok menari-nari ke udara. Lalu menghilang di celah-celah siling rumah yang sudah tua.

Pagi itu tidak seceria pagi-pagi yang sudah. Walaupun siulan burung masih semerdu sebelumnya, Liau Aji tidak terhibur. Liau Aji merasa seperti kehilangan sesuatu. Kebosanan di pagi itu benar-benar menguji kesabarannya. Sebelum ini, bila bersembang dengan Ah Nan, sekotak Tiga Limanya habis tidak disedari. Kali ini sebatang rokok pun belum tentu habis.

"Ah Peng ... ka mana Ah Nan inda ada pagi ani ..., Liau Aji bertanya kepada penghuni kedai No. 22, Ah Peng.

"Dia pegi kampung sebelah Liau ..., jua itu bawang!" jawab Ah Peng pendek.

"Ya tah ni nah ..., aku jua yang mamaloi di sini ani ..., si Ah Nan atu basamangat bah ..., tarus ia ka kampung atu ..., aku ani pun basamangat jua ..., tapi babunya ani ... payah ... Ari ani inda tau lagi adakah inda urang datang mambali bawang-bawangan ani? Abis udah tapacul daun-daun bawang ani ..., ujung-ujung manjual daun bawang ku pulang karang ... Pambali ani satu jua ..., cubatah mambali arah sama-sama diri ..., Liau Aji bermonolog.

Pagi berganti petang. Siang disalin malam.

"Nyaman banar masakan babunya ani ..., dari daulu sampai tia malam ani ..., inda barubah rasanya ... Siranya cukup, ajino-motonya inda labih, asannya inda mamasam ... Bawang mirahnya cukup, bawang putihnya cukup ..., kalau masakan inda babawang inda nyaman babunya ... Bawang ani kaparlukan sahari-hari bah," Liau Aji memulakan bicara. Tangan tuanya 'cakah' menyuaip juadah.

"Si Ah Nan atu pandai ia ..., ka kampung subarang ia bajual bawang ... Kana bali tu ..., siapa inda mau masakan nyaman ... Masa ani pun banyak jua sudah hotel mamakai bawang dalam masakan bisdurang ... Kira bawang masa ani top kalah lagi cheese ..., kalah lagi plan-ta. Masakan urang putih tuuu ..., inda ngam dangan batang tubuh kitani ... Tau bah si Ah Nan atu ..., di kampung subarang atu banar-banarkan mau bawang ..., sambung Liau Aji.

"Liau, fahamku tu isi hati kita atu ... Bukannya ku inda mau bah Liau ..., ganya mambali malu bah ..., di kampung subarang atu banyak sanak saudara ku tu ... Kita inda pulang ada ..., apanya bisdurang karang ..., luan jua Liau Aji laki Si Banun atu, tajual-jual bawang ka rumah-

rumah urang ..., kata Buajah Banun.

Liau Aji makan terus. Perlahan ...

HARGA BAWANG MERAH \$ 3.00 SEKILO.

"Bawang, bawang! ... Bawang mirah ada, bawang putih ada ..., bawang basar ada, lagi basar-basar! Bawang ... Bawang!" kepulan asap rokok Tiga Lima berlari-lari ke udara.

"Eh, Liau Aji ..., liau barapa sakilo bawang kita ah?" tanya Buajah Patmah. Sapupu dua kali Buajah Banun.

"Bisa saja ... \$1.80 sakilo ..., jawab Liau Aji.

"Bah juali tah ku 3 kilo ..., murah liau manjual ani ..., Ada urang atu \$3.00 dijualnya ... Mula-mula ia datang \$1.80 sakilo ..., udah atu \$3.00 tia sakilo ..., jelas Buajah Patmah.

"Liau juali ku sakilo ..."

"Liau sakilo ..."

"Sakilo ..."

"Dua kilo ..."

"Tiga ..."

"Bah, abis udah bawang! ..., isuk lagi ka mari!"

Liau Aji mempercepat langkahnya. Di wajahnya terukir senyuman puas. Puas yang teramat. Puasnya Liau Aji di puncak klimaks!

"Oooooi babunya! Babunya! ... Nah liat tah ni, asil bajual bawang ani! ...," teriakan Liau Aji kedangan ke dapur Buajah Banun. Liau Aji merehatkan punggungnya di atas anak-anak tangga yang seusianya. Kotak rokok Tiga Lima itu dihentak-hentak ke telapak tangan kirinya.

"Ehhh! Liau Aji masih jua kita ka kampung subarang atu?!" dahi Buajah Banun berkerut. Di tangan kirinya sebiju bawang yang belum dibuka kulitnya.

"Buajah Patmah baki-rim salam ..., kata Liau Aji sambil menghisap rokok. Hembusan asap keluar dari kedua-dua lubang hidungnya yang sebesar duit syiling lima sen.

"Nah, inda paham bah kita ani Liau, menggagahi ... Ani tau tia Si Patmah atu kita bajual-jual bawang, eh, mambali malu kita ani ...," Buajah Banun berleter.

"Ya tah kita ani babunya ..., luan kan diikut rasa hati atu, apa kan dimalukan ... Bukan kediaku mencuri ..., kan hidup ani babunya pabaik tah ku tagadai-gadai ... Jangan keluargaku inda makan. Babunya ... sambilan dari sapuluh pintu rajiki atu dari bajual-bali ... Halal bah yang kubuat ani babunya ..., kepulan asap beberapa kali berlari-lari ke udara.

"Indaku ijin Liau ah ... jangan tah kita kan ka kampung subarang atu lagi ... Tu nah, Si Ah Nan ah ... bawang punya pasal ... nuhun ka pulau ia pulang Umur macam kita ... Tapi awal maninggalnya!" kata Buajah Banun.

Dari muka 8

"Liau, dalam ini dunia mana ada orang duduk-duduk ... Itu rezeki terbang masuk kita punya mulut. Kita kena korban Liau ... Tenaga, masa ..." kata-kata Ah Nan berulang-ulang di benak Liau Aji.

Suasana masih terang-terang tanah. Kedengaran si ibu pipit meninggalkan kata-kata nasihat kepada anak-anaknya yang masih merah. Halaman rumah becak akibat hakis air hujan yang turun semalam. Dulunya ketika pokok-pokok jati berjanji di

halaman rumah Liau Aji, keadaannya tidak setruk itu. Kelihatan beberapa ekor ikan karuk bermain-main dalam takungan bekas tayar kereta.

Liau Aji memasukkan beberapa kilo bawang ke dalam bakul rotan. Hujan turun. Tanah becak. Jam-batan Si Luncai ... Buah-banun! Semua itu tidak mahu Liau Aji jadikan 'sasaban'.

Liau Aji terus memasukkan bawang-bawangnya ke dalam bakul. Bakul itu dianyam sendiri oleh Buah-banun. Di tepi bakul itu dialis dengan daun mengkuang jingga. Warna kegemaran Liau Aji.

Selalunya bakul itu digunakan oleh Liau Aji menyimpan 'bata' nya bila seharian di Pasar Kumbura.

"Bawang! ... Bawang! ... Bawang mirah ada ... bawang putih ada ... Bawang basar pun ada! Bawang! Bawang!" Liau Aji memecah keheningan pagi.

"Assalamualaikum Liau ... Apa abar kita? Pagi-pagi sudah berniaga ni ... Bah jualiku bawang mirah itu dua kilo," pinta Siti Khadijah. Siti Khadijah seorang guru agama terlatih. Ditugaskan di kampung seberang sudah hampir tiga tahun.

"Kalau ramai orang muda-muda macam Liau

ani ... Bertambah maju lagi kampung kitani, lagi pun pandai Liau ani ... Barang-barang asas macam bawang-bawangan ani dijualnya," puji orang kampung.

"Awu eh, banar tu ... Lagi pun masakan inda babawang inda nyaman ... Inda harum masakan, pabai tida ada kapala ram-pah inda jua nyaman masakan kalau inda ada bawangnya," kata orang kampung lagi.

"Bah Liau juali ku tiga kilo ..."

"Liau minta ku dua kilo ..."

"Bah ... Liau ampiti ku sakilo ..."

"Dua kilo Liau ..."

"Liau sakilo ..."

Semua bawang habis dijual. Langis. Cuma yang tinggal beberapa helai kulit bawang yang terselit pada anyaman bakul. Liau Aji amat gembira. Kali ini kegembiraannya melampaui gembiranya Liau Aji kelmarin. Liau Aji terasa dunia ini dia yang punya. Kekadang Liau Aji seperti terawang-awang di udara. Seperti si angkasawan di dalam 'Sputnik 1'. Liau Aji tersenyum sendiri. Tampak hujung tepi mulut Liau Aji hampir-hampir mencecah kedua-dua cuping telinganya. Jari-jemarinya sibuk menghitung wang. Ada

yang bewarna merah. Jingga. Hijau! ... Yahooo!!!

Liau Aji berteriak. Sekuat hatinya. Wang hasil jualan bawang dijulangnya. Matanya terpejam rapat. Liau Aji gembira. Teramat gembira ...

"Liau, Liau ... Ooh Liau!" Buah-banun menggamit bahu Liau Aji.

"Mangapa kita ani Liau? Tariak-tariak ani?" Buah-banun menggamit lagi bahu Liau Aji.

Mata Liau Aji masih terpejam. Liau Aji berdiri di atas tikar mengkuang tempat penidurannya. Kedua-dua belah tangannya masih terjulang!

"Mengigau kita ani Liau? Bawa mangucap Liau eh! ... Buajah Banun cuba menyedarkan Liau Aji sambil menggamit-gamit bahu Liau Aji.

Liau Aji menggosok kedua-dua matanya.

"Astaghfirullah ... Liau ... Liau, sampai tamimpimpi kita ulih bawang ani ..."

Malam itu, sekunang-kunang tidak mahu menaburkan kerlipan cahayanya. Sang rembulan malu-malu di balik awan hitam. Sang pungguk pun tak merinduinya. Seketika, hujan pun turun membasahi bumi ...

Dari muka 3

97. Sebuah dinamai Surui Palang sebuah dinamai Ikan Temberlang sembilan puluh an-jangnya gubang sama panjang kedua timbang.

115. Pengayuhnya itu empat persegi himpas mengaris dengan kurinci Damang Seri nan mengemudi Semaun dicaruk berjutai kaki.

119. Pengayuhnya Damang lima pemeluk pengayuh Semaun dengan setolok hilir ke laut bertingit duduk ke dalam rimba ombak mengamuk.

120. Batang pengayuhnya gantang besarnya sembilan depa lebar daunnya sehasta kita akan tebalnya itu pun melentur dikayuhkannya.

Kehebatan fizikal Awang Semaun juga diperlihatkan dengan kekuatannya apabila berlumba perahu. Ketika berlumba perahu, laju perahu seperti burung pipit terbang.

Ombaknya besar naik ke bukit dan pulau putus memutus. Cuba perhatikan rangkap syair di bawah ini:

169. Semaun bertingit berkentam bibir air menari besari selupir maklum tuan hatinya kafir rundingan baik tiada menyampir.

181. Laju Semaun bukan sedikit terbag seperti si burung pipit caruk menyambur gubang pun sempit terfagar pulang di tambing bukit.

182. Ombaknya gubang naik ke bukit Pilon putus dengan Punyit Muara Besar tiada berpipit Lubuk Tabur dengan Muara Damit.

1.4 KEBIJAKSANAAN

Menurut Kamus Dewan (2002:156) kebijaksanaan yang dimaksudkan di sini ialah arif, pintar, berhati-hati dan pandai melakukan sesuatu pekerjaan.

Kebijaksanaan wira atau tokoh terdapat juga dalam hikayat-hikayat Islam seperti yang digambarkan dalam Hikayat Iskandar Zulkarnain. Iskandar Zulkarnain digambarkan sebagai pemimpin yang bijaksana memimpin bala tentera dari pelbagai bangsa seramai 50 laksa. Menurut Munro S. Edmonson (1971:150):

Wira bukannya dilahirkan seperti manusia biasa tetapi adalah dibina daripada suatu tradisi yang diwarisi. Wira merupakan tokoh-tokoh yang berjaya menunjukkan manusia sekecilnya sehingga mereka menjadi legenda walau-

pun mereka masih hidup. Mereka itu dianggap pula sebagai wira kerana manusia yang sezaman dengannya telah mengiktirafkan beberapa syarat dan aspek perlakuan yang dianggap sebagai ciri keperwiraan. Sesiapa yang memenuhi syarat-syarat berkenaan, maka manusia sezaman mengakui tokoh tersebut sebagai wira. Andai kata tokoh tersebut mewakili segala cita-cita dan tanggapan seluruh masyarakatnya tentang keunggulan, kehandalan dan keperwiraan, maka besar kemungkinan tokoh tersebut akan menjadi wira bangsa.

Inilah yang dikatakan kebijaksanaan tokoh atau wira bangsa itu dapat memimpin dan mengawal keselamatan negara. Kebijaksanaan ini terselara sehingga mereka ditakuti dan digeruni oleh musuh. Dalam SAS, kebijaksanaan Awang Semaun dalam melaksanakan tugas mempertahankan negara dan menegakkan musuh. Kebijaksanaan Awang Semaun ini semasa mengayuh ke negeri lain bersama kawannya Awang Jerambak dan Damang Seri untuk membarigakan Negeri Brunei dan juga untuk memartabatkan raja Brunei. Peristiwa tersebut dapat dilihat dalam syair di bawah:

613. Tahukah kamu akan namanya aku Semaun jadi panglimanya Si Jerambak Damang yang ketiganya mengayuh negeri semua-muanya.

614. Raja kami Awang Alak Betatar di Bandar Brunei negeri yang basar ialah menyuruh kami melanggar kamu mengauki-jangan kelakar.

664. Semaun ke rumah Awang Sikandar Awang takut terkajar-kajar Semaun berkata suaranya basar berpapulah kamu Awang Alak Betatar.

665. Awang Alak Betatar rajanya kami di Negeri Brunei memegang negeri gagah perkasa sangat berani barang melawan nescaya pani.

665. Awang Sikandar tunduk menyembah meminta ampun mana perintah mengaku ampun tiada membantah aku ke Brunei menghantar pesambah.

Kekuatan fizikal ketiga-tiga sahabat Awang Semaun yang terkenal dengan sumpitannya seperti Awang Jerambak dengan kekuatan yang membantun pohon mengaris besar yang dijadikan senjata untuk menewaskan musuh. Kehebatan Damang Seri dengan pemangkurnya. Kehebatannya mereka ini bila berhadapan dengan 12 buah angkatan ilanun di perairan Labuan. Peperangan berlaku ketika Awang Semaun bersaur ketika hendak balik ke Bru-

nei. Awang Semaun telah bertembung dengan angkatan ilanun yang diketuai oleh Datu Gadang. Angkatan mereka seramai 1,080 orang (90 setiap perahu yang terdiri dari 12 perahu). Tujuan ilanun itu ialah untuk menangkap Awang Semaun, apabila Awang Semaun menyimpit, habis perahu ilanun itu terpelanting, contoh beberapa rangkap dalam SAS yang menyatakan peristiwa tersebut.

272. Lari itu terlalu kuat berkhawatir kepada Papar membakut dari Tempasuk ke Sugut Semaun menyimpit bukan berabut.

273. Upasnya itu sangat berjasa Ilanun Suluk sudah binasa sakti turunan dari angkatan upasnya itu terlalu bisa.

565. Fasal bilangan Datu Merimbun di Cinabatang ia berhimpun segala Bajau dan Ilanun akan menangkap rakyat Semaun.

Dalam peperangan yang berlaku sebanyak tiga kali, kekuatan Awang Semaun begitu terselara. Peperangan yang pertama, semua perahu ilanun habis terpelanting hanya yang sempat melarikan diri ialah perahu Datu Gadang. Peperangan yang kedua ilanun diketuai oleh Datu Merimbun yang pergi ke Muara Besar untuk menangkap Awang Semaun. Pasukan ilanun yang seramai 90 buah perahu itu dapat dikalahkan oleh Awang Semaun dengan bantuan Awang Jerambak dan Damang Seri.

566. Sembilan puluh banyak ceruknya Negeri Brunei yang ditujunya di Muara Besar perhentian Semaun bersaur di malamnya.

577. Awang Alak berkata manis suaranya memanggil adinda kesemuanya negeri ilanun sangat jahatnya baiknya langgar sekalianya.

868. Bajau ilanun sekalianya rata semuanya itu membari harta jikalau ada hendak dipinta tiada lagi membantah kata.

Kebijaksanaan Awang Semaun menghadapi musuh perang seperti melawan angkatan perang Wangkang (Raja Suluk) yang dibantu oleh Sepanyol dan Manila. Angkatan yang mengandungi 900 buah kapal itu habis terpelanting disumpit oleh Awang Semaun. Cuma yang berjaya balik ke negeri Suluk ialah Datu Silipit. Datu Silipit telah menceritakan tentang keberanian dan kegagahan Awang Semaun, Awang Jerambak dan Damang Seri kepada Raja Suluk. Contoh petikan rangkap

SAS yang menyatakan peristiwa tersebut:

2212. Awang Wangkang bermohon lalu keluar orang menyembahkan berkampar-kampar lalu bertitah raja muktabar Sepanyur Manila aku panggil banar.

2216. Awang Sunting itu jahat perangai negeri bermama Bandar Brunei sekalian negeri habis ditani bunuh oleh mu sebarang sungai

2243. Tersebut pula Datu Silipit mulih ke Suluk berdayung singit bertaguguran tikar dan lampit datang ke negeri membawa sakit.

2244. Naik mengadap lalu menyembah ampun tuanku Duli Khalifah habis perahu balah membalah disumpit berkampar hanyut di air.

Kepahlawanan wira itu mendapat sanjungan dari raja kerana taat setia, gagah perkasa dalam menentang musuh dan mempertahankan nilai-nilai tradisional bangsa Melayu. Kehebatan Awang Semaun sudah terselara ketika beliau dapat mencari mahkota Sultan Melaka yang terjatuh di laut dan dijaga oleh buaya putih. Cerita mengisahkan raja Melaka bermain-main di laut. Semasa baginda memerhatikan seekor ikan emas bermata intan, mahkota baginda terjatuh ke dalam laut. Mahkota itu dijaga oleh beberapa ekor buaya putih. Hang Tuah sebagai laksamana tidak berjaya mendapatkan mahkota raja Melaka yang jatuh ke dalam laut. Gambaran peristiwa tersebut dapat dilihat dalam rangkap syair di bawah:

2849. Derma Sakti ikan ketumas matanya intan siriknya emas sisiknya candai seperti air mas timbul melanting di air pinarnas.

2950. Rakyat melihat sangat hairannya sultan pun tunduk dengan isterinya sultan memandang di atas kurungannya mahkota jatuh dengan kerisnya.

2851. Mahkota jatuh di air yang jernih sembilan puluh depa dalamnya lebih hendak ditungap buaya putih dua laki bini tiada berlali.

2852. Lalu terkejut sultan mahkota merasai mahkota jatuh nyata keris melungsur di padang serta tiada sempat dipandang mata.

2853. Bertitah baginda di dalam hajungnya

dari mana fakir orang semuanya siapa bercakap dapat mengambilnya seorang tiada menjawab titahnya.

2854. Seorang tiada berani menga harungan dalam tiada terhingga sambilan puluh depa dalam diduga hanya si Tuah bercakap jua.

2955. Si Tuah segera berdatang sembah ampun tuanku daulat bertambah patik menjunjung kurnia limpah patik mengerjakan titah khalifah.

2256. Patik ini hamba yang jati tiada mungkir hidup dan mati dengan daulat Seri Bupati sambil bersikap dengan seperti.

2857. Si Tuah masuk pada cambul merah lalu dihantar di laut juarah dipandang si Tuah cahayanya carah cambul pun sudah datang ke tanah.

1858. Dihulur masuk ke dalam air hatinya tiada menaruh gigir mengadu untuk dengan takdir dilihatnya tanah tiada hampir.

2858. Setelah cambul datang ke tanah buaya putih bercampur merah hendak merungkup itu si Tuah apakala daulat Duli Khalifah.

2859. Sepuluh depa itu jauhnya tiada boleh hampir kepadanya si Tuah menurut rupa mahkotanya tiada bersalahan buatan semuanya.

2860. Tangan si Tuah cambul mengambil keris selalu timbul ditarik orang lalu berparut buaya membutut berjambul-jambul.

2871. Mahkota dahulu Seri Betara di Selat Berantai jatuh ketara buaya putih yang memelihara tempat terkawal ke sana segera.

1.5 RUMUSAN

Ketokohan Awang Semaun sebagai epik bangsa sudah teruji sehingga beliau menjadi legenda. Kehidupannya sebagai rakyat yang taat setia kepada raja dan banyak berjasa kepada raja dan negara. Keperwiraannya mengalahkan musuh yang menyerang Negeri Brunei membuktikan kegagahannya dengan bentuk fizikal yang luar biasa serta senjata sumpitan yang boleh menerbangkan musuh dan juga bukit-bakau.

Begitu juga kebijaksanaan Awang Semaun mendapatkan mahkota Sultan Melaka yang jatuh ke dalam laut yang dijaga oleh buaya putih menunjukkan keberanian dan kebijaksanaan itu membuktikan Awang Semaun itu adalah wira bangsa Brunei.

Kehebatan dan ketokohan Awang Semaun ini melayakkan beliau digelar sebagai Malik Penglima. Orang yang menerima anugerah sebagai Malik Penglima ini mempunyai ciri-ciri tertentu seperti orang itu mempunyai jasa dan kepahlawanan dan tidak masuk senjata, kebal dan deras seperti yang dikatakan oleh Amin Sweeney (1968):

"Jikalau raja menggelar Malik itu, dipilih orang yang tiada masuk senjata, kebal dan deras, sebab pekerjaannya terlalu keras dan kasar, iaitu mengaturkan sekalian kedudukan raja-raja dan manteri hulubalang sekalian yang naik di dalam lapau atau di balai Wazir Cheteria. Apabila salah kedudukannya, bukan tarafnya duduk tempat itu, maka berkualalah Malik menarik 'turun ke bawah'. Jikalau orang sudah marah tikam kepada Malik dengan keris, hingga berguling limping tiada luka dan adat Malik itu tiada memakai baju, sekadar berseluar panjang sahaja dan berharat pinggang".

Gelaran Malik Penglima merupakan gelaran yang tertinggi bagi seorang pahlawan yang telah berjasa kepada raja dan negara. Peranan Awang Semaun sebagai epik bangsa boleh menaikkan semangat nasionalisme dan juga semangat patriotik kepada masyarakat Melayu. Ketokohan, kepahlawanan, ketaatsetiaan dan kebijaksanaan yang ditunjukkan oleh Awang Semaun ketika 'berkhidmat' sebagai penglima itu merupakan unsur-unsur positif dalam kehidupan bernegara. Inilah antara fungsi sastera yang boleh mendidik dan membentuk akhlak yang mulia.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hamid Jaludin. 1996. 'Syair Awang Semaun Sebagai Epik Bangsa Melayu Brunei'. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Abu Hassan Sham. 1993. *Pemahaman dan Penghayatan Beberapa Aspek Hikayat Hang Tuah*. Kajang: Masa Enterprise.
- Ampuan Haji Ibrahim Ampuan Haji Tengah., Dr., 2006. *Fungsi Sastera Brunei*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky, V.I., 1994. *Erti Keindahan dan Keindahan Erti Dalam Kesusasteraan Melayu Klasik* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cuddon J.A., 1977. A. *Dictionary of Literary Terms*. London: Andre Deutsh.
- Edmonson, Munro. 1971. *Lore: An Introduction to the Science of Folklore and Literature*, New York, London.
- Haron Daud (peny.),

1994. *Kesusasteraan Klasik: Manusia dan Kepercayaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Abdul Hamid, Haji., 1994. *Riak Sastera*. Haji Hashim Haji Abdul Hamid. Brunei.

Hashim Awang. 1987. *Glosari Mini Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ismail Hamid, 1983. *Kesusasteraan Melayu Lama dari Warisan Peradaban Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Kamus Am. 1995. Kuala Lumpur: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.

Kamus Bahasa Melayu Nusantara. 2003. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan. 1995. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Kamus Dewan Edisi Ketiga. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan. 1984. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dwibahasa Oxford Fajar. 2004. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Liew Yock Fang. 1980. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional.

Lufti Abas.2000. *Kritikan Karya Sastera Sebagai Karya Seni*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Haji Salleh. 2000. *Putika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norih Taslim.,1985. *Asas-asas Pembinaan Epik-Satu Pendekatan Berdasarkan Hikayat Hang Tuah dan Hikayat Amir Hamzah*. Pulau Pinang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia.

Safiah Hassan et al., 1988. *Glosari Istilah Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Aisah Murad (pny.) 1993. *Konsep Wira Dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Hawa Haji Salleh. 1992. *Sebuti Pasir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas 1984. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Teuku Iskandar. 1995. *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Shah Alam: Malindo Printers.

Worawit Baru@Haji Ahmad Idris (Peny.). 2004. *Pemikiran Melayu Tradisi Dan Kesenambungan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaliha Sharif & Jamilah Ahmad (Peny.). 1993. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

SAJAK BUAT KEKASIH

Keheningan malam
dan kebeningan suasana
malar menjana memori
diriku bersama dirimu.

Kata-kata yang diluahkan
berbaur cinta dan rindu
hanya suara yang kedengaran
memecah kesunyian, namun penuh romantik
banyak rahsia yang dikongsikan bersama
ungkapan sejarah silam terbit
ungkapan penuh makna tersirat
dalam perasaan yang terus-menerus hangat.

Saat ku bertentang mata denganmu
aku terpegun melihat keanggunanmu
aku terpesona menyaksikan ketulusan
dan keikhlasanmu
serta merasakan ketulusan dan kejujuranmu
aku seakan bermimpi
semacam meragui sama ada semua ini
fantasi atau realiti
namun aku pasrah dan tawakal.

Aku berpegang pada janji
aku berpaut pada sumpah
untuk memperisterikanmu secara sah dan
saksama
untuk melayani kehendakmu zahir dan batin
untuk melayani bahtera kehidupan bak nakhoda
dan untuk menyatukan dua keluarga
yang berbeza
aku juga terus mengharap
yang dirimu sentiasa taat setia padaku.

DI SAAT INI

Di saat ini
kutangisi pemergianku
meninggalkan kamu gundah-gulana
dalam emosi negatif yang tak pernah pudar.

Di saat ini
kutatap wajah-wajah kamu
yang meratapi pemergianku
seorang insan yang kerdil
yang sentiasa dijajah perasaannya
jiwa dan raganya
oleh anasir yang egoistik, materialistik.

Di saat ini
kubayangkan yang bakal kurasa
meninggalkan tanah tempatku berbakti
tempat di mana semuanya terbukti
pengalaman dan perasaan
mendakap, mencengkam kalbu ini
mencakar jiwa yang sesungguhnya luka
merobek rasa yang sesungguhnya hampir sirna.

Di saat ini
kumula mengenal erti cinta
erti keprihatinan, erti kasih sayang,
erti silaturahmi, erti kenangan
ku menoleh kiri dan kanan
kunampak wajah-wajah sayu
yang kaku dan dibelenggu
kukasihani nasib mereka
kudambakan kesejahteraan mereka
kuimpikan kebebasan mereka
kuharapkan kebahagiaan mereka
kurindui saat-saat usang itu!

WARKAH BUAT AYAH

Telah lama kurancang
untuk memberitahu dirimu
kau telah banyak berbudi
berjasa dan berkorban
pada anak-anakmu.

Telah lama kuperhatikan
jerih payahmu, demam sakitmu
menempuh ranjau berduri
mengharung cabaran berliku
menerajui bahtera rumah tangga
menderita di balik senyuman.

Kami menjadi amanatmu
yang beransur-ansur dididik
diasuh, dibimbing, dipimpin
untuk mengenal dunia penuh pancaroba
sisa-sisa kudratmu terus mengalir
menyaksi kemakmuran dan kecemerlangan
kesejahteraan dan kebajikan
semua yang di bawah lindunganmu.

Berpuluh tahun aku membesar
disirami keringat dan jasamu

begitu lama aku berpesta
diawasi sikapmu yang prihatin
oh ayah
apa dayaku untuk menghargaimu
tenagaku, hartaku, tawa dan tangisku
hanya untuk meringankan bebanmu
membalas jasamu
yang tak kenal penat dan jemu
terus-menerus mendorong dan membantuku
mencapai impian, cita-cita dan wawasan
yang kusemai sekian lama.

Aku sedar sekarang
tanpamu, siapalah aku
tanpamu, aku tidak akan wujud
melihat dan merasa dunia ini.

Ugan Brunei

DUSTA DAN KEPURAAAN

Kau dustai diri ini
diri ini tetap sabar
diri ini tetap sayang.

Kau umpama racun
tertelan sedikit maut jadinya
kata-kata manis bermadu
tapi pahit di cuping telinga
pahitnya menyusuk ke hati.

Kau dustai diri ini lagi
bukan sekali, bukan dua
malah aku sudah biasa
sudah lali dengan dustamu.

Yang kau anggap istimewa
dustamu kau anggap penyelamat segalanya
tapi sebaliknya kau tetap juga
dustai diri ini.

ANAK-ANAKKU

Anak-anakku
dengar ini keluhan ibu
ibu letih menjaga kamu
mendidik kamu.

Namun kasih sayang tak pernah padam
sentiasa kukurahkan pada kamu semua.

Andainya ibu tiada lagi
jangan dikesali
jangan ditangisi
ingatlah pesan ibu.

Rajinlah belajar demi masa depan kamu
jangan sesekali melawan orang tua
hormatilah mereka.

Bersabarlah selalu
jangan dikeruhkan keadaan
malah cepat-cepatlah dijernihkan
bertenanglah.

Dan diamkan diri
andainya apa yang menyinggung
perasaan hati
itulah sifat ibu
semoga kamu semua mengerti.

Tulip Jingga

TANGISAN

Tangisan diriku,
hanya Tuhan saja yang tahu
tiada siapa mendengar hatiku
namun ia bagaikan cabaran buat jiwaku.

Hatiku menangis sakit sekali
terasa insaf di dada ini
mengenang dosa lalu amat mendalam sekali
hanya mampu meminta ampun dari Ilahi.

Tangisanku,
ada masanya penuh kegembiraan
ada pula masanya kau penuh keperitan
kerana kau penuh pengertian.

Tangisan diriku,
biarlah aku saja yang tahu
biar perit dan pedih sekalipun
kerana menjadi tanggungjawabku
untuk menenangkannya.

Biarlah kau menjadi darah dagingku
kau mampu mendidik diriku
namun begitu kau jugalah memamatkan
mindaku
kerana tangisanku itu
penuh seribu kenangan.

PEMUGUT

Wahai pemugut
mengapa kau rosakkan harta negara
tidakkah kau rasa menyesal
sedangkan kau patut bersyukur
dengan kemudahan yang diberi.

Sedih rasa hatiku
kau pemugut yang bongkak
sombongnya dirimu bagaikan
singa membaham mangsanya
kenapa kau harus berbuat demikian.

Aduhai pemugut
kerajaan beri kemudahan
semuanya untuk kesenangan
tetapi kau rosakkan telefon awam tandas awam
dan segala-gala kemudahan awam.

Pemugut wahai pemugut
aku pohon agar kau berhenti
dari memugut harta benda negara,
tolong ia bukanlah kemudahan buat dirimu
akan tetapi insafilah bahawa
semua kemudahan itu untuk kesenangan
orang awam.

RIANG

Wajahnya riang menghilangkan leluh
senyuman mulutnya manis sekali
giginya putih ayu berseri
sayangnya ibu tiada pengganti.

Angan-angan rumah tangga bahagia
menjadi isteri yang solehah
menimang anak idaman hati
riang hatinya ingin jadi seorang ibu.

Riang gembira melihat anaknyanya
terlalu manja dengan si ayah
ibu menangis pahit ditanggung
kini ayahnya sepi dan tidak akan kembali lagi.

Anak sedih merayu-rayu
hanya ibu menjadi pengubat rindu
riang wajahnya beralas duka
mengenang memori silam bersama suami.

KAMPONG AYER

Kampung Ayer
wujudmu sudah lama
meniti waktu yang kian berlalu
terasa dirimu penuh kenangan lalu.

Bila terkenang Kampung Ayer
tempat sejarah penuh bermakna
hidup penduduknya sebagai nelayan
kerana itulah punca rezeki zaman-berzaman.

Dulu Kampung Ayer penuh padian
memakai saraung berkayuh ke tepian
menolong suami mencari rezeki
namun padian tinggal nama dan kenangan.

Wahai Kampung Ayer
semakin hari wajahmu semakin berubah
tinggal kehidupan dulu
diganti dengan yang baru
namun di hatimu amat harap
agar kau dijaga oleh pendudukmu.

Si Insaf

TUTUR

Engkau kenal dirimu di mana untuk apa
diangkat kekekalan sebatang
anak buah ingin pimpinan
dalam keadaan sedar
maju hari muka
salam aman
riwayat
desamu!

Engkau faham hidup tiadakan meninggi
langit yang membiru tanpa tepi
anak buah maukan dibela
kepapaan diangkat
kemiskinan dibasmi
akhlakmu gemilang
harum pekerti
cemerlang
desamu!

Engkau kenal makna menghindar bangga
sebab tittle di pangkal nama
menggalatkan si rendah
tepek dada si besar

mencari kekekalan
hilangnya
pemimpin
akhlak
desamu!

TANGGA

Bertangga-tangga!
tangga bermacam-macam nama
ada tangga rumah
ada tangga kambing
ada tangga buluh
ada tangga kayu
ada tangga ayam
segalanya ada guna!

Naik tangga turun tangga
ada apa bertangga-tangga
tangga ke puncak bukit pun ada
tangga naik ke dorong padi pun ada
tangga ambil buah rambutan
tapi kita hendak tuju ke mana
bolehkah dua tangga satu tangga?

Di bangunan mewah tangga putar mesin
ke atas dengan kaki diam
naik tinggi-tinggi
ke tempat beli-belah ...
turun pakai tangga
naik lif pun tangga juga
ramai-ramai macam dalam kotak
ada lima orang
ada balasan orang
sampai juga ke atas
ketika turun lif jam
gelap meraba-raba
atau turun balik tak mau
naik cuba lagi!

Ada tangga boleh dipindah-pindah
diangkat ke mana suka
kadang-kala bandit ambil peluang
naik turun tangga
bawa dalam pundi barang-barang!

Tangga
bertangga-tangga
naik turun
turun ke bawah lagi
tangga sejahtera mandatkan rahmat
tangga bahagia membawa kedamaian
tangga singgahsana
tangga astaka
tangga pelamin!

Ada tangga berusia lama mumut reput
patah di tengah-tengah
kayunya dimakan anai-anai putih
jatuh ditimpa tangga ...

Tangga bertingkat pun ada
tangga dari busuk kepada harum
tangga gaji penentuan khidmat
tangga menahan ada kekurangan
tangga naik capai gemilang!

Ada tangga maha mulia
hafiah dalam mikraj
tersebut juga tangga pada Israk dan Mikraj
Nabi Muhammad kembali dengan tangga
ke bumi saujana
selepas mata batin Rasul salukan iman
mendatangi kerana Allah
satu tempat Sidratulmuntaha
itu tangga nikmat rahmat-Nya!

BAGAI ANDAYANG

Hidup andayang berasal dari pucuk terbangkus
megah ia bayangkan kemenangan
selepas duduk di tengah
lama-lama ke tepi!

Andayang layu kering perlahan daunnya
terkulai
megahnya mengendur lemah terikan alam
andayang jatuh ia
bersatu si dia!

Andayang terfikir ia dari apa jadinya
tak semana-mana gugur melayang
tahu ia itu tanah
bersatulah si dia
megah tiada guna
kudrat pun hilang.

Adi Misere



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 23 OGOS

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.05	MEMORIES SR. 2 - 'Rosas'
11.00	REAL KIDS REAL ADVENTURES
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	CYBERCHASE SR. 4
4.45	MONSTER BY MISTAKE SR. 3
5.15	DRAMA - 'Soldadu'
5.45	BERITA
6.31	AZAN MAGHRIB
6.45	HIKMAH ISRAK MIKRAJ

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.30	DIAN ISRAK MIKRAJ
7.42	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA - 'Salmaya'
9.30	SEMINAR MAJLIS ILMU
10.00	NEWS AT 10
11.00	SUKAN ANTARABANGSA
11.30	DARK ANGEL
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 24 OGOS

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	MEMORIES SR. 2 - 'Chimes'
11.00	REAL KIDS REAL ADVENTURES
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	DRAMA - 'Kabut Sutera Ungu' - Siri Baru
12.24	AZAN ZUHUR

PETANG

1.00	LIVING
1.30	JUST FOR VARIETY
2.30	ANIMATED FEATURE - 'My Fair Madeline'
3.36	AZAN ASAR
4.00	ATOM YR. I
4.30	DRAGON TALES SR. I
5.00	BEYOND 2000 SR. VII
5.45	BERITA
6.00	RECORD BREAKERS
6.31	AZAN MAGHRIB
6.45	HIKMAH ISRAK MIKRAJ

MALAM

7.00	SURAH-SURAH ILIHAN
7.30	WARTA ISLAM
7.41	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	AN NUUR - Siaran Langsung
10.00	NEWS AT 10
10.45	DRAMA: 'Syurga Di Bawah Telapak Kaki Ibu' WAYANG PILIHAN - 'In A Class Of His Own: Richard Donato'
11.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 25 OGOS

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SESAME STREET SR. 33
10.45	FRANKLIN
11.15	RAKAN ARIF - Siri baru
11.30	BERITA
11.45	JEJAK RASUL 10
12.15	ART ATTACK
12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	VISI SUCI
2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung
2.30	PERINTIS SR. I - Siri Baru
3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Pukar'
3.35	AZAN ASAR
3.40	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan
5.45	BERITA
6.00	HALUAN
6.30	AZAN MAGHRIB
6.45	HIKMAH ISRAK MIKRAJ

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.30	SITKOM - 'No. 59'

7.41	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	FIKIR-FIKIR
9.30	BIOLOGIC
10.00	NEWS AT 10
10.45	ULASAN KHUTBAH JUMAAT
11.00	TELEDRAMA - 'Mencari Merdeka'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 26 OGOS

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
09.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	W.I.T.C.H
10.45	SCOUT'S SAFARI SR. I
11.15	IMPIAN - (ulangan)
11.30	BERITA
12.00	GILLETTE WORLD OF SPORT
12.24	AZAN ZUHUR
12.30	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Infinite World of HG Wells'

PETANG

2.00	DRIVE SR. 2
2.30	THE CHAMPIONS
3.00	THIRD WATCH SR. I
3.34	AZAN ASAR
4.00	HORIZON - 'Global Dimming'
5.00	THE MAGIC SCHOOL BUS
5.30	JUST A KID: CAITLING'S WAY
5.45	BERITA
6.15	VALLEY OF THE KINGS
6.30	AZAN MAGHRIB
6.45	HIKMAH ISRAK MIKRAJ

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.30	KLINIK KITA
7.40	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.55	DARI STUDIO SATU
10.00	NEWS AT 10
10.45	TAYANGAN GAMBAR - 'Enslavement: Fanny Kemble'
12.15	AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 27 OGOS

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung

9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SUPER ROBOT MONKEY TEAM HYPER FORCE GO
10.45	TIMEBLAZERS SR. 2
11.15	PIMPING SR. 2
11.30	BERITA
11.45	SUNDAY MATINEE - 'The Long Way Home'
12.23	AZAN ZUHUR

PETANG

1.15	GILLETTE WORLD OF SPORT SR. 21
1.45	REBEL BILLIONAIRE
2.45	JUARA 2006 - Siaran Langsung
3.20	BEING EVE
3.33	AZAN ASAR
4.00	DRAGON TALES
4.30	JELAJAH 21
5.00	KAUNSELING MASYARAKAT
5.30	HIKMAH ISRAK MIKRAJ
5.45	BERITA
6.00	MUTIARA HUTAN SR. 3.
6.29	AZAN MAGHRIB
6.35	EXTRAORDINARY DESTINATIONS

MALAM

7.00	TAHUKAH AWDA SR. 3
7.40	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TIRAI KELUARGA - 'Rumah Itu Dunia Ku'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.00	10.5
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 28 OGOS

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	MEMORIES SR. 2 - 'Stuffed Toys'
11.00	REAL KIDS REAL ADVENTURES
11.30	HEALTHY HOME
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	PAINTING AND MOTION
4.45	CHUCKLEWOOD CRITTERS SR. 2

5.15	AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO
5.45	BERITA
6.00	WORKING ANIMALS SR. 6
6.29	AZAN MAGHRIB
6.45	HIKMAH ISRAK MIKRAJ

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.30	LINGKARAN IMAN
7.39	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	RAGAM KEHIDUPAN
9.30	SANJUNGAN
10.00	NEWS AT 10
10.45	SUKAN GLOBAL
11.00	THE WHOLE STORY
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 29 OGOS

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	MEMORIES SR. 2 - 'Walkman'
11.00	REAL KIDS REAL ADVENTURES
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	CEDRIC SR. 2
4.45	BUG ALERT
5.15	INNOVATION
5.45	BERITA
6.00	ME@TV - Siri Baru
6.28	AZAN MAGHRIB
6.45	HIKMAH ISRAK MIKRAJ

MALAM

7.00	MENCARI SINAR - Siri Baru
7.30	DOKUMENTARI - 'Produk Sumber Laut'
7.39	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	RANCANGAN KHAS
9.30	SENARIO SR. I
10.00	NEWS AT 10
10.45	WITHOUT A TRACE
11.30	10TH KINGDOM
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT



**TAWARAN TERBUKA
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**TAWARAN TERBUKA BAGI JABATAN KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA**

TAWARAN KASTAM 5 / AUCTION / 2006 (SH)
TAWARAN KASTAM 6 / AUCTION / 2006 (SH)
TAWARAN KASTAM 7 / AUCTION / 2006 (SH)
TAWARAN KASTAM 8 / AUCTION / 2006 (SH)
TAWARAN KASTAM 9 / AUCTION / 2006 (SH)
TAWARAN KASTAM 10 / AUCTION / 2006 (SH)
TAWARAN KASTAM 11 / AUCTION / 2006 (SH)

"QUOTATION OF SELLING USED CARS"

QUOTATION NO.	DESCRIPTION	QTY
1. (KASTAM 5/ AUCTION/2006)	TOYOTA KIJANG STATION WAGON (1997)	1 UNIT
2. (KASTAM 6/ AUCTION/2006)	TOYOTA KIJANG STATION WAGON (1997)	1 UNIT
3. (KASTAM 7/ AUCTION/2006)	TOYOTA KIJANG STATION WAGON (1995)	1 UNIT
4. (KASTAM 8/ AUCTION/2006)	TOYOTA KIJANG STATION WAGON (1994)	1 UNIT
5. (KASTAM 9/ AUCTION/2006)	MITSUBIHI PAJERO H/ROOF WAGON (1997)	1 UNIT
6. (KASTAM 10/ AUCTION/2006)	MITSUBIHI PAJERO H/RPPF (1991)	1 UNIT
7. (KASTAM/11/ AUCTION/2006)	ISUZU PICK UP (1997)	1 UNIT

Syarat-syarat tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat, pemborong-pemborong atau orang-orang perseorangan yang berminat.
2. Tarikh bagi membuat lawatan untuk penilaian pada 28 Ogos 2006 hingga 5 September 2006 dari jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi sahaja. (Pada hari-hari bekerja sahaja).

- Bertempat di kawasan letak kereta Bangunan Ibu Pejabat Kastam Jalan Menteri Besar.
3. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja Jalan Menteri Besar (Bahagian Stor).
 4. Tawaran hendaklah dihantar dengan sampul surat yang bertutup dan tanpa menunjukkan identiti syarikat/pemborong atau perseorangan serta ditulis bilangan tawaran dan tajuk seperti :

TAWARAN KASTAM 5 / AUCTION / 2006 (SH)
ATAU
TAWARAN KASTAM 6 / AUCTION / 2006 (SH)
ATAU
TAWARAN KASTAM 7 / AUCTION / 2006 (SH)
ATAU
TAWARAN KASTAM 8 / AUCTION / 2006 (SH)



**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

BILANGAN TAWARAN : KASTAM/14/2006

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "THE PROJECT MANAGEMENT, DESIGN, DEVELOP, SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, INTEGRATION, TESTING, TRAINING, COMMISSIONING, VERIFICATION AND MAINTENANCE OF SOFTWARE, HARDWARE AND OTHER RELATED SERVICES FOR THE IMPLEMENTATION OF THE CUSTOMS INFORMATION SYSTEM (E-CUSTOMS) FOR THE ROYAL CUSTOMS AND EXCISE DEPARTMENT".

1. Pembeli hendaklah membuat pembayaran bagi harga dokumen tawaran yang berjumlah \$200.00 dan seterusnya mendapatkan dokumen tawaran dalam bentuk "Compact Disc" melalui:
UNIT PERKHIDMATAN PELANGGAN
LANTAI DASAR, IBU PEJABAT,
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
JALAN MENTERI BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
pada setiap hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi sahaja.
2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:-

9. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

DIBUKAKAN kepada Konsultan Reka Bentuk.
Tarikh Akhir mengambil Dokumen Tawaran pada : 08 Januari 2007 (Isnin)
Tarikh Tutup : 9 Januari 2007 (Selasa). Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/PSP/083/2006

"PEMBESARAN PENGKALAN ANGKATAN TENTERA LAUT DIRAJA BRUNEI MUARA (KERJA-KERJA PENAMBAHAN SISTEM 66KV DAN 11KV - 2nd RETENDER)"

Tarikh tutup : 19 September 2006, hari Selasa jam 2.00 petang. Harga Tawaran: \$1,000.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : B\$80.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil (Bahagian Tenaga), Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas IV, Kategori 7C.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perancangan Sistem & Pengurusan Projek (PSP), Tingkat 1, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian: Sila sertakan salinan "BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 - SECTION 16 & 17" dan Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD) dengan kelas dan kategori tersebut di atas semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

SILA LAYARI LAMAN WEB KAMI BAGI :

Jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan <http://www.brunet.bn/news/pelita/23ogos/ikerja.htm>
Iklan-iklan tawaran <http://www.brunet.bn/news/pelita/23ogos/iiklan.htm>
Iklan-iklan kursus <http://www.brunet.bn/news/pelita/23ogos/ikursus.htm>

ATAU
TAWARAN KASTAM 9 / AUCTION / 2006 (SH)
ATAU
TAWARAN KASTAM 10 / AUCTION / 2006 (SH)
ATAU
TAWARAN KASTAM 11 / AUCTION / 2006 (SH)

"QUOTATION OF SELLING USED CARS"

5. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebutarga, Bahagian Luar Bangunan Ibu Pejabat Kastam Dan Eksais Diraja Jalan Menteri Besar (BSB) Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Rabu, 6 September 2006 jam 2.00 petang.
6. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

BILANGAN TAWARAN : KASTAM/14/2006
THE PROJECT MANAGEMENT, DESIGN, DEVELOP, SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, INTEGRATION, TESTING, TRAINING, COMMISSIONING, VERIFICATION AND MAINTENANCE OF SOFTWARE, HARDWARE AND OTHER RELATED SERVICES FOR THE IMPLEMENTATION OF THE CUSTOMS INFORMATION SYSTEM (E-CUSTOMS) FOR THE ROYAL CUSTOMS AND EXCISE DEPARTMENT.

tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada:-

PENERUSA LEMBAGA TAWARAN NEGARA
TINGKAT 1, KEMENTERIAN KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE
BANDAR SERI BEGAWAN BB 3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin, 2 Oktober 2006.

3. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.
4. Sesi penerangan tawaran akan diadakan pada hari Isnin, 11 September 2006 bertempat di Dewan Kyoto, Ibu Pejabat Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan. Syarikat yang berminat hendaklah menghadap ke Jabatan ini tiga (3) orang nama wakil untuk menghadiri sesi tersebut melalui talian nombor telefon: (673) 2382361 dan Fax: (673) 2382666.

**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**PERATURAN PENGIKLANAN DALAM
EDISI IKLAN PELITA BRUNEI**

1. IKLAN hendaklah dialamatkan kepada : Penerbit Iklan PELITA BRUNEI, Bahagian Akhbar, Tingkat 2, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam.
2. Rang iklan hendaklah dimasukkan dalam disket menggunakan Microsoft Word dengan saiz font 11 ke 12 point, manakala persuratan mengenainya boleh dihantar dalam 'hard copy'.
3. Iklan hendaklah sampai kepada penerbit dua (2) minggu sebelum tarikh terbit iklan yang dikehendaki.
4. Rang iklan hendaklah dalam Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru. Bahasa Inggeris hanya boleh digunakan bagi deskripsi iklan yang dibukakan untuk penyertaan dari luar negeri atau perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan.
5. Iklan-iklan hanya akan diterbitkan dua kali, itupun jika belum sampai kepada tarikh tutup tawaran. Walaubagaimanapun pengeluaran iklan yang diterima adalah tertakluk kepada kekosongan ruangan.
6. Jika perubahan mendadak pada iklan-iklan yang sudah dihantar hendaklah dimaklumkan kepada penerbit tidak lewat pada hari Sabtu sebelum jam 10.00 pagi bagi iklan yang akan diterbitkan pada minggu berikutnya.
